yang bersifat kecemerlangan insaniah adalah melibatkan segenap pihak seluruh warga FSPU. Perlaksanaan setiap aktiviti yang dijalankan adalah berteraskan kepada visi dan misi FSPU bagi memenuhi halatuju FSPU.




Rajah 1.3: Strategi Pencapaian Misi Kecemerlangan Akademik FSPU




Rajah 1.4: Strategi Pencapaian Misi Kualiti FSPU

Antara aktiviti-aktiviti pelajar yang dijalankan adalah Seminar Pelajar Program Pembangunan Pelajar; Minggu Mesra Siswa; Perhubungan Industri; Latihan Amali Pelajar (Rajah 1.3). Selain itu, aktiviti penggalakan inovasi dilaksanakan bagi menambahbaik kualiti dan produktiviti kerja seperti penubuhan jawatankuasa KIK dan pertandingan IIDex.

Selain memastikan kecemerlangan akademik, FSPU diperkasakan dengan mempunyai unit kualiti yang secara berterusan memantau operasi dan dokumen FSPU (Rajah 1.4).

Proses audit dalam akan memastikan aspek akademik menepati kehendak Badan-badan Akreditasi program dan MQA memenuhi piawai penyediaan dokumen seperti Jadual Syarahan, Portfolio Pengajaran, kertas peperiksaan, memastikan fasiliti ruang dan peralatan di dalam keadaan yang baik dan diselenggara dapat memastikan pelajar dapat belajar dalam suasana tenang dan meningkatkan kualiti pembelajaran agar tercapai peratusan CGPA yang terbaik dan tamat pengajian menepati masa.

Untuk memastikan efisiensi sebagai fakulti yang tertua di UiTM, fakulti ini mengadakan kerjasama dan perhubungan secara professional dengan peringkat antarabangsa yang didokong oleh professor, para akademik staf dan sarjana. Dalam memenuhi dasar FSPU iaitu menyediakan dan mengendalikan program pengajian Alam Bina yang berkualiti, FSPU membangunkan kemahiran kepimpinan melalui perlantikan Ketua Pusat Pengajian, Koordinator, Pemantau Akademik, Jawatankuasa Kualiti, Jawatankuasa Audit, dan lain-lain. Melalui penglibatan ini pengurusan dapat mengenalpasti tokoh-tokoh kepimpinan di kalangan warga FSPU.




Rajah 1.5: Strategi Pencapaian Misi Pemerkasaan Geran, Konferensi dan Penerbitan




Rajah 1.6: Strategi Pencapaian Misi Kecemerlangan Inovasi, Keusahawanan dan Kreativiti FSPU

Staf akademik dan pentadbiran juga diberi peluang untuk menganggotai jawatankuasa untuk mengendalikan konferensi – konferensi peringkat kebangsan dan antarabangsa bagi melatih bakat kepimpinan (Rajah 1.5). Antara pusat yang aktif adalah *Center of Behaviour Studies* (CEBs) yang sangat aktif mengadakan lebih 12 konferensi mulai 2009 dan di peringkat ASEAN (*ASEAN Conference of Behaviour Studies* – ACEBs) dan Asia Pacific yang dikenali dengan Asia Pacific *International Conference of Behaviour Studies.* Aktiviti untuk meningkatkan kecemerlangan inovasi, keusahawanan dan kreativiti staf dan pelajar di tunjukkan di dalam Rajah 1.6.




Rajah 1.7: Strategi Pencapaian Misi Pemerkasaan Insaniah FSPU




Rajah 1.8: Strategi Pencapaian Misi Khidmat Masyarakat FSPU

Selain itu aktiviti kerohanian dan motivasi juga dilaksanakan bagi membantu meningkatkan motivasi dan produktiviti kerja di kalangan staf pentadbiran dan staf akademik (Rajah 1.7).

Untuk melahirkan pelajar yang holistik, galakan diberikan oleh pihak FSPU untuk terlibat di dalam aktiviti bercorak komuniti yang di bawah misi khidmat masyarakat (Rajah 1.8).




Rajah 1.9: Strategi  Penghargaan Staf dan Pelajar FSPU

Penghargaan diberikan kepada staf dan pelajar yang menunjukkan sifat cemerlang (Rajah 1.9). Bentuk penghargaan yang diberikan oleh kepimpinan atasan FSPU adalah Anugerah dan Kehormat untuk Pelajar melalui anugerah seperti Sijil Dekan; Sijil Pelajar Terbaik UiTM; Hadiah/Cenderamata; Surat-surat Penghargaan; Surat-surat Tahniah; Surat-surat Pengiktirafan dan  Kenaikan Pangkat. Dalam memastikan kelestarian tadbir urus FSPU, unit audit dalaman dan penurunan kuasa secara berjadual dilaksanakan bagi memastikan visi dan misi yang dibangunkan tercapai.

### 1.1b (3) Pemantauan dan Koordinasi FSPU

Pemantauan dan kordinasi dilakukan melalui mesyuarat berkala yang diadakan seperti mesyuarat pengurusan yang dipengurusikan oleh Dekan. Sementara di peringkat pusat pengajian mesyuarat dipengerusikan oleh Ketua Pusat Pengajian.

## 1.2 GOVERNAN DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL

### 1.2a Tadbir Urus FSPU

Pengurusan FSPU Shah Alam adalah berteraskan integriti dan akauntabiliti dalam mengurus sistem pentadbirannya. Ia berdasarkan kepada rujukan, perbincangan dan pematuhan dalam semua aspek untuk mencapai keputusan yang berkesan dari segi akademik, pengurusan dan profesionalisma kakitangannya. Penekanan akauntibiliti ini adalah berlandaskan kepada peraturan-peraturan standard dan pekeliling yang diguna pakai di antaranya adalah seperti Peraturan UiTM (Akta UiTM), Pekeliling Naib Canselor, Pekeliling Timbalan Naib Canselor UiTM, Pekeliling Dekan FSPU, Pekeliling Am Kerajaan dan Pekeliling Perkhidmatan.

Akauntibiliti Kewangan pula ditentukan melalui Pekeliling Bendahari dan Pekeliling Perbendaharaan. Pihak pengurusan akan memastikan akauntibiliti kewangan pihak pengurusan dilakukan dengan telus dan semua ahli lembaga Governan/ Badan Penggubal Dasar berhak mengetahui kedudukan akaun dan inventori/audit, Belanjawan Am dan Laporan Dalaman serta Luaran Aktiviti Tahunan Audit Am. Ketelusan operasi pihak pengurusan dilakukan dengan penekanan audit dalaman dan luaran yang bebas dan neutral melalui Pengurusan Fail Audit (Surat Menyurat), Pengurusan Fail Audit (Kertas Kerja), Pengurusan Fail Audit (Persijilan) dan Audit Am dalaman dan luaran.

Tadbir urus FSPU diterajui oleh Dekan selaku ketua pentadbiran yang akan memastikan halatuju fakulti dicapai seiring dengan matlamat penubuhannya. Beliau dibantu oleh Timbalan Dekan Hal Ehwal Akademik dan Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar yang membantu mentadbir pengurusan hal-hal akademik dan kesejahteraan pelajar. Lantikan Timbalan Dekan Industri dan Jaringan pula seiring dengan halatuju fakulti ke arah mengalakkan budaya penyelidikan di antara kakitangan fakulti dengan alumni serta industri luar untuk meningkatkan profesionalisma dan kualiti pensyarah.

## 1.2b Penilaian Pencapaian

Pencapaian KPI (*Key Performance Indicator*) perseorangan kakitangan pentadbiran dan akademik yang terdiri daripada ketua organisasi, ketua pusat pengajian, pensyarah dan staf sokongan pentadbiran dinilai melalui Sistem Penilaian Prestasi (SKT) setiap tahun oleh Dekan dan Ketua Pusat Pengajian. Keberkesanan pengurusan pentadbiran dan akademik pula dinilai oleh badan badan akreditasi professional dalaman dan luaran yang jawatankuasanya terdiri daripada pensyarah-pensyarah yang dilantik. Antara tugas jawatankuasa ini adalah mengaudit bahan-bahan akademik, infrastruktur, kelayakan staf, penilaian pelajar terhadap program pengajian serta pengurusan dan lain-lain. Setiap pusat pengajian diwakili oleh beberapa ahli jawatankuasa akreditasi unit kualiti UiTM.

Untuk mencapai dasar halatuju FSPU, penilaian pencapaian dilakukan bertujuan untuk menentukan keberkesanan sistem kepimpinan dan pengurusan dan penambahbaikan kecekapan dan proses sediada. Semakan mekanisma pencapaian yang digunapakai adalah seperti berikut:

Jadual 1.2: Penilaian Pencapaian FSPU

| Jenis Pencapaian | Mekanisma | Indikator | Kekerapan | Dinilai oleh |
|---|---|---|---|---|
| **Pencapaian Kualiti Akademik** | Akreditasi Badan Profesional<br>• Badan Profesional Dalam Negeri<br>• Badan Profesional Luar negeri<br>• Lawatan Adjunct Professor<br>• Lawatan Penasihat Akademik dalam dan luar<br>• Lawatan Wakil Industri | Pencapaian kualiti akademik bertepatan dengan kurikulum dan kehendak industri. | Setiap semester ke dua tahun sekali | Badan dan perseorangan yang dilantik |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **Pencapaian Kualiti Staf Akademik** | • Student's Feedback Online (SUFO)<br>• Pemantauan Profesionalisma Pensyarah (PROPENS)<br>• Sistem Penilaian Prestasi (SKT) | • Maklumbalas Pelanggan terhadap pembelajaran dan kemudahan.<br>• Profesionalisma Pensyarah<br>• Pencapaian KPI | • Setiap semester<br>• Setiap semester<br>• Setiap tahun | • Pelanggan<br>• Ahli jawatankuasa yang dilantik<br>• Dekan dan Ketua Pusat Pengajian |
| **Pencapaian Kualiti Staf Pengurusan** | • Sistem Penilaian Prestasi (SKT) | Pencapaian KPI | Setiap tahun | Dekan |

## 11.2c Perilaku Beretika dan Mematuhi Perundangan

Dalam memenuhi konteks perundangan, peraturan dan akreditasi, pihak pengurusan FSPU mempunyai strategi dan media yang tepat dalam menyediakan perkhidmatan yang berkualiti untuk melindungi kumpulan sasarannya iaitu dari aspek pengurusan akademik, kakitangan, pelajar dan pihak berkepentingan. Pelaksanaan perkhidmatan tersebut boleh dilihat dalam jadual di bawah:

Jadual 1.3: Amalan Penilaian Kualiti dan Akreditasi Profesional FSPU

| Pihak Staf, Pelajar dan Pentadbiran | Penilaian dan Akreditasi Program |
|---|---|
| **Akademik** | • Soal selidik/kajian penubuhan kursus baharu yang melibatkan komuniti dan pihak industri.<br>• Bengkel penyediaan dokumen program baharu.<br>• Bengkel pemantapan OBE.<br>• Pemantauan profesionalisma pensyarah.<br>• Semakan dan tindakan SUFO. |
| **Staf dan Pelajar** | Staf<br>• Galakan menghadiri kursus dalam bidang.<br>• Galakan pembentangan kertas kerja.<br>• Galakan menyambung pengajian.<br>• Pemantauan kehadiran staf.<br>• Pemantauan kelas.<br>• Analisa keperluan latihan.<br>• Laporan kepakaran dalam Prisma.<br>• Laporan tatatertib kakitangan.<br>• Laporan keberadaan bulanan staf.<br>• Pengisytiharan harta dan liability.<br>• Maklumbalas badan akreditasi dan pemeriksa luar.<br><br>Pelajar<br>• Borang maklumbalas pelajar (SUFO).<br>• Maklumbalas latihan praktikal pelajar.<br>• Maklumbalas lawatan akademik.<br>• Penilaian pengajaran pensyarah.<br>• Disiplin dan tatatertib pelajar.<br>• Surat amaran.<br>• Laporan kehadiran kuliah.<br>• Kaunseling. |
| **Pihak Berkepentingan** | Maklumbalas pelanggan. |
| **Operasi Pengurusan** | • Pengendalian aduan dan maklumbalas pelanggan.<br>• Kajian keperluan pelanggan.<br>• Peti cadangan (infrastruktur). |

## 1.2d Tanggungjawab Kemasyarakatan Dan Sokongan Terhadap Komuniti Utama

FSPU bukan sahaja bertanggungjawab menitikberatkan hal-ehwal akademik sebagai *core-business*nya tetapi juga mengambil kira kesejahteraan masyarakat yang terlibat secara langsung atau tidak langsung supaya mendapat faedah dan impak daripada strategi pengurusannya. Keterlibatan kakitangan pengurusan dan akademik FSPU dengan masyarakat menyumbang kepada situasi menang-menang di kedua-dua belah pihak.

Penglibatan kemasyarakatan FSPU boleh dilihat dengan jelas dalam aspek persekitaran, sosial dan ekonomi seperti jadual di bawah:

Jadual 1.4: Amalan Pengurusan Profesional FSPU

| | Menyumbang dari aspek | Bentuk Kegiatan dan Aktiviti |
|---|---|---|
| **Pengurusan FSPU** | **Kesejahteraan Persekitaran** | • Gotong royong persekitaran fakulti.<br>• Menanam pokok-pokok lindungan dan menaiktaraf lanskap fakulti.<br>• Menentukan penyelengaraan berkala kepada semua perkhidmatan untuk kesejahteraan kakitangan dan pelanggan FSPU.<br>• Gotong royong membersihkan rumah-rumah kebajikan.<br>• Menyumbang kepakaran dalam membina semula rumah-rumah mangsa banjir Kuala Krai, Kelantan dan Kuala Kangsar, Perak dalam kejadian banjir 2015. |
| | **Kesejahteraan Sosial** | • Meraikan warga emas dan anak-anak yatim pada musim-musim perayaan.<br>• Melibatkan diri sebagai orang perseorangan atau menyumbang kepakaran dalam aktiviti-aktiviti keagamaan, pelajaran dan sukan.<br>• Menjadi sukarelawan dalam misi bantuan seperti MERCY Malaysia.<br>• Penglibatan aktif pelajar-pelajar mengikuti aktiviti-aktiviti persatuan pelajar melibatkan aktiviti dalaman dan luaran dengan IPTA dan IPTS yang lain.<br>• Melibatkan diri sebagai fasilitator menyumbang kepakaran kepada agensi-berkaitan. |
| | **Kesejahteraan Ekonomi** | • Menggalakkan usaha-usaha kearah keusahawanan dengan terbentuknya Pekan Rabu yang diadakan setiap hari Rabu di perkarangan *courtyard* fakulti.<br>• Melibatkan diri dalam pertandingan-pertandingan rekabentuk yang melibatkan pelajar, kakitangan dengan organisasi luar dengan ganjaran. |

| | | |
|---|---|---|
| | | • Melibatkan diri dalam memberi khidmat konsultansi projek-projek luar samada melalui atau tidak melalui UiTM. |

Kepakaran FSPU sebagai penyumbang kepada alam bina merupakan kelebihan dan kekuatan fakulti ini untuk menghasilkan tenaga-tenaga mahir dalam bidang masing-masing. FSPU bertanggungjawab menyumbang kemahiran berkhidmat kepada masyarakat sebagai sebahagian dari tanggungjawab sosial korporat.

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR 2015

# 2: PERANCANGAN STRATEGIK

## 2.1 PEMBANGUNAN STRATEGI

## 2.2 PERLAKSANAAN STRATEGI






## 2.1 PEMBANGUNAN STRATEGI

Perancangan strategik FSPU digubal untuk membolehkan FSPU bersaing di peringkat global dengan institusi pendidikan tinggi. FSPU mempunyai program-program *niche* yang perlu dipertahankan. Di masa yang sama, FSPU mengendalikan banyak program-program baru yang memerlukan pemasaran yang agresif dan peningkatan prestasi.

FSPU perlu merintasi cabaran seperti kenaikan kos pengurusan dan operasi, dan persaingan sengit dari institusi akademik yang lain. Perubahan ekonomi, sosial, politik dan teknologi memberikan peluang dan juga ancaman kepada FSPU. Untuk mengekalkan daya saing FSPU, usaha yang berterusan dari pensyarah, staf pentadbiran dan pelajar amat diperlukan.

Matlamat utama Perancangan Strategik FSPU 2014-2020 ialah untuk memberikan halatuju kepada pusat-pusat pengajian, ahli akademik dan staf pentadbiran untuk menjalankan tugas mereka. Strategi-strategi telah digubal oleh staf FSPU dari berbagai latarbelakang akademik dan pengalaman. Namun begitu, faktor terpenting yang menentukan kejayaan Perancangan Strategik FSPU ialah penglibatan, motivasi dan timbalbalas dari semua warga FSPU dalam fasa pelaksanaan.

### 2.1a Proses Pembangunan Strategi

Proses Perancangan Strategik Di FSPU dibahagikan kepada 4 fasa iaitu:

1. Pembangunan strategi (*Strategy Formulation*)
   Merangkumi pembangunan visi, misi, falsafah, *SWOT Analysis* fakulti.

2. Implementasi Strategi (*Strategy Implementation*)
   Melibatkan pembangunan polisi, penentuan sasaran, pengagihan sumber. Proses implementasi dibuat secara berterusan. Strategi yang digubal dilaksanakan dengan menentukan objektif jangka pendek, membuat carta organisasi, mengubal polisi dan mengagihkan sumber-sumber.

3. Penilaian (*Strategy Evaluation*)
   Menjalankan penilaian pencapaian dan strategi setiap enam bulan, termasuk membandingkan sasaran dan pencapaian. Menggunakan empat kriteria iaitu konsistensi, kongruensi, kedayaupayaan dan kemanfaatan bagi mementukan kesesuaian strategi.

4. Pemantauan (*Control*)
   Mengambil tindakan sekiranya didapati jurang luas di antara sasaran dan pencapaian. Jika ini berlaku, pengubahsuaian strategi dan proses implementasi dilakukan.

   Proses perancangan strategi FSPU adalan satu proses yang dinamik. Ianya sentiasa mengambil kira perubahan persekitaran luaran dan dalaman. Oleh itu

proses perancangan strategik FSPU berkitar seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.1.




Rajah 2.1 : Proses Perancangan Strategik FSPU

**2.1a (1) Pembangunan Strategi**

Dalam Rancangan Malaysia Ke-10, pembangunan strategi dibuat dalam bengkel Bengkel Perancangan Strategik 2011, semak semula selepas Penilaian Strategi, yang dilakukan setiap tahun dijalankan. Dalam proses pembangunan strategi, FSPU merujuk kepada Perancangan Strategik Kesepuluh UiTM (2011-2015), Amanat Naib Canselor Tahun 2011, 2012 dan 2013 dan 18 Agenda Keutamaan Universiti. Aktiviti perancangan strategik FSPU 2013-2015 ditunjukkan di dalam Jadual 2.1.

Jadual 2.1: Aktiviti Perancangan Strategik FSPU 2013-2015

| Nama Bengkel dan Mesyuarat | Tempat | Tarikh |
|---|---|---|
| **Bengkel Perancangan Strategik FSPU** | Institut Pengurusan Peladang, Langkawi | 19-21 Februari 2013 |
| **Lawatan Audit Keselarasan Perancangan Strategik dan Semakan MoU FSPU** | FSPU | 23 September 2013 |
| **Mesyuarat Penilaian Perancangan Strategik FSPU** | Bilik Mesyuarat 2, FSPU | 6 Disember 2013 |
| **Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan strategik FSPU** | Bilik Mesyuarat 2, | 13 Mac 2014 |
| **Mesyuarat Perancangan Strategik FSPU** | Bilik Mesyuarat 1, FSPU | 28 Mac 2014 |
| **Perancangan Strategi dan Transformasi FSPU** | Institut Latihan Universiti, Kg. Gajah | 20-22 Disember 2014 |
| **Mmesyuarat Perancangan Strategik FSPU** | Bilik Mesyuarat 1, FSPU | 26 Mac 2015 |
| **Mesyuarat Agenda Utama Perancangan Strategik, FSPU** | Bilik Mesyuarat 1, FSPU | 24 April 2015 |

**2.1a (2) Langkah Langkah Dan Peserta-Peserta Pembangunan Strategi**

Untuk proses pembangunan strategi, FSPU memastikan kaedah bertatatingkat (*hierarchical*) diikuti. Ini bererti perancangan srategik FSPU mengikut kerangka perancangan strategik UiTM 2011-2015, manakala perancangan srategik pusat-pusat pengajian di FSPU pula mengikut kerangka Perancangan Strategik FSPU.

Oleh itu objektif, strategi-strategi dan KPI yang ada dalam panduan Buku RMKe-10 UiTM dijadikan bahan rujukan utama.

Disebabkan skop perancangan strategik itu luas, maka peserta yang terlibat dalam dalam Bengkel Perancangan Strategik FSPU terdiri dari warga FSPU dari berbagai bidang dan peringkat. Peserta-peserta utama ialah Dekan, Timbalan-timbalan Dekan, Ketua-ketua Program, Profesor-profesor, Ketua Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar dan Kordinator Perancangan Strategik FSPU. Dalam bengkel Perancangan Strategik FSPU 2014 yang diadakan pada 20-22 Disember 2014 di Pusat Latihan Universiti Kampong Gajah, peserta dibahagikan kepada 6 kumpulan atau skop iaitu:

1. Pengurusan dan Kepimipnan,
2. Pengajaran dan Pembelajaran,
3. Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersilan,
4. Industri,
5. Keusahawanan dan
6. Sistem Sokongan dan Pengurusan Kualiti.

Skop ini selaras dengan skop yang tertulis dalam RMKe-10 UiTM dan Agenda Transformasi UiTM. Selain itu, salinan Pelaporan Berkala kepada Pusat Perancangan Strategik UiTM menjadi dasar perbincangan dan *brainstorming.*

Dalam Bengkel Perancangan Strategik, setiap kumpulan ditugaskan untuk :

1. Menggubal Visi, Misi dan Objektif FSPU.

2. Mengimbas persekitaran (*environmental scanning*) dengan menggunakan *SWOT Analysis* dan mengenalpasti keupayaan teras (*core competencies*). Menggubal strategi Untuk memastikan segala aspek diambil kira dan mengenal pasti ***blind spots***, maklumbalas peserta bengkel, laporan maklumbalas dari pihak yang berkepentingan seperti pemeriksa luar, badan akreditasi, badan profesional, majikan dan pelajar dikaji.

Pada akhir bengkel, setiap kumpulan membentangkan perancangan strategik bagi kumpulan masing-masing untuk mendapatkan persetujuan dari peserta bengkel. Perancangan strategik yang disediakan oleh setiap kumpulan dalam bengkel perancangan strategik digabungkan dan didokumentasikan. *SWOT Analysis* dan *core competencies* FSPU dikenalpasti seperti yang ditunjukkan di bawah:

## a) SWOT ANALYSIS

### i. Kekuatan

- Pensyarah berpengalaman - 57 peratus pensyarah di fakulti berada dalam kategori DM52 dan ke atas.
- Pensyarah berkelayakan - 22 pensyarah yang memegang ijazah PhD.
- Majoriti pensyarah berdaftar dengan badan profesional dan berpengalaman bekerja dalam industri.
- Latar belakang pendidikan yang pelbagai di kalangan staf akademik dengan kelayakan akademik tempatan dan antarabangsa.

- Peningkatan berterusan pada kurikulum akademik.
- Graduan diterima baik oleh industri.

Mengenalpasti kekuatan dan kelemahan yang ada di dalam fakulti dapat membantu meningkatkan keupayaan fakulti menangani perubahan dalam pasaran.

Pengiktirafan lembaga profesional bermaksud graduan dari FSPU secara automatik layak memegang jawatan profesional dalam badan kerajaan dan berkanun. Graduan FSPU yang berminat menjadi ahli profesional berdaftar, layak menduduki peperiksaan profesional khusus setiap bidang di bawah kelolaan Lembaga berkaitan. Ini adalah satu kelebihan Graduan FSPU berbanding dengan gradúan dari IPT yang tidak diiktiraf, kerana mereka perlu menjalani peperiksaan dan temuduga tambahan.

**ii. Kelemahan**

- Staf lambat menyesuaikan perubahan keperluan akademik.
- Kekurangan kesinambungan dalam tugas yang dijalankan.
- Kesukaran mengimbangi jangkaan universiti.
- Beban kerja ditumpukan di kalangan beberapa staf yang cemerlang.
- Nisbah pelajar dengan staf tinggi.
- Di beberapa pusat pengajian, kadar graduan yang belum mendapat pekerjaan setelah 4 bulan tamat pengajian adalah tinggi.

**iii. Peluang**

- Permintaan yang tinggi untuk kepakaran dari industri dan universiti-universiti lain.
- Jalinan kukuh dengan industri membolehkan pensyarah menjalankan penyelidikan usahasama dengan industri.
- Kerjasama erat dengan universiti-universiti tempatan dan antarabangsa.

**iv. Ancaman**

- Persaingan dari universiti-universiti tempatan dan antarabangsa.

### 2.1a (3) Keupayaan Teras (*Core Competencies*)

Keupayaan teras digunakan bagi mengukuhkan program-program yang sedia ada di FSPU dan mengenalpasti peluang bagi memulakan program baru. Kompetensi teras (*core competencies*) di FSPU dikenalpasti melalui kriteria yang ditunjukkan di bawah:




Rajah 2.2: Kriteria Kompetensi Teras FSPU

Melalui kriteria di atas, 4 program dikenalpasti mempunyai kompetensi teras yang sukar ditandingi seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.2.

Jadual 2.2: Badan-Badan Profesional yang Mengiktiraf Program-Program di FSPU

| Program | Badan Profesional yang Mengiktiraf | Tahap Kekuatan |
|---|---|---|
| **Senibina** | *Royal Institute of British Architect* (RIBA) | *Rare* – Hanya UiTM dan Uiniversiti Malaya yang dikitiraf oleh RIBA di Malaysia |
| | Persatuan Akitek Malaysia (PAM) | *Valuable* - Diiktiraf di tahap 2. Antara banyak universiti di Malaysia yang diiktiraf di tahap ini |
| **Pengurusan Pembinaan** | *Chartered Institute of Building, UK* | *Rare* – hanya dua universiti di Malaysia (UiTM dan KTAR) di Malaysia yang di iktiraf oleh CIOB. |
| **Ukur Bahan** | • *Board of Quantity Surveyors Malaysia (RISM)*<br>• *Royal Institute of Chartered (RICS) Surveyors* | *Valuable* – pengiktirafan BQS membolehkan Universiti menjalankan program ini dan kelayakan pelajarnya diiktiraf. |
| **Pengurusan Hartanah** | • *Board of Quantity Surveyors Malaysia (RISM)*<br>• *Royal Institute of Chartered (RICS) Surveyors* | *Valuable* – pengiktirafan BQS membolehkan Universiti menjalankan program ini dan kelayakkan pelajarnya diiktiraf. |

## 2.1a (4) Penilaian Strategi

Oleh itu sebelum strategi baru dibangunkan, bengkel ini dimulakan dengan menilai pencapaian FSPU untuk dua tahun sebelumnya. Dalam menilai pencapaian fakulti, FSPU menggunakan data-data hasil kajian UiTM seperti Kajian Pengesanan Graduan dan juga FSPU dan membandingkan dengan sasaran yang ditentukan dalam tahun sebelumnya. FSPU juga menjemput Pemeriksa Luar bagi setiap pusat pengajian, untuk menilai sistem pentadbiran, kualiti silibus dan sistem peperiksaan dan juga kualiti pelajar.

Proses penilaian juga dijalankan secara berterusan. Setiap jabatan diminta menilai pencapaian masing-masing. Ini selalunya dibincangkan dalam mesyuarat fakulti dan pusat pengajian dengan menggunakan maklumat-maklumat yang dikumpul. Penilaian strategi juga dibuat sebelum strategi baru dibangunkan. Oleh itu dalam

setiap Bengkel Perancangan Strategik, penilaian dan pembangunan strategi dibuat serentak. Pencapaian FSPU mencapai objektif:

i. **Objektif 1:** Mencapai pertambahan peratus bilangan pelajar tamat pengajian dengan CGPA 3.50 ke 10% pada tahun 2015. Setakat akhir tahun 2012, daripada 10 program, tiga program telah mencapai melebihi 10%. Objektif ini dijangka tercapai pada tahun 2015.

ii. **Objektif 2:** Memastikan sekurang-kurangnya 85% pelajar sepenuh masa lulus dalam tempoh yang ditetapkan. Setakat ini kebanyakan program telah mencapai 80%.

iii. **Objektif 3:** Meningkatkan peratusan tenaga pengajar dengan kelayakkan PhD kepada 60% dan kelulusan profesional kepada 40% tahun 2015. Setakat ini hampir 30% pensyarah berkelayakkan PhD.

iv. **Objektif 4:** Memastikan fakulti mendapat geran penyelidikan sebnyak RM 1 juta setiap tahun. Ini masih belum tercapai dan memerlukan usaha yang lebih gigih.

v. **Objektif 5:** Mencapai penglibatan staf akademik dalam bidang penulisan dan penerbitan ilmiah/ kerja kreatif pada kadar purata satu per staf akademik setiap tahun. Pada tahun 2012, sebanyak 160 judul artikel/ buku telah diterbitkan, hampir mencapai 50% sasaran. FSPU akan melipat gandakan usaha untuk mencapai sasaran.

FSPU juga mengambil kira pencapaian-pencapaian yang lain melalui hasil Kajian Pengesanan Graduan yang dijalankan oleh Pusat Perancangan Strategik, pengiktirafan badan-badan profesional, maklumbalas dari syarikat-syarikat yang mengambil pelajar menjalankan latihan amali, keputusan peperiksaan dan laporan-laporan pemeriksa luar. Contohnya, dari Kajian Pengesanan Graduan yang dijalankan oleh PPS, FSPU mendapati kurang daripada 20% graduannya masih belum bekerja selepas 4 bulan dari tarikh tamat pengajian. Hasil dari penilaian juga, FSPU merumuskan bahawa prestasi FSPU adalah baik. Antara alasannya ialah:

1. Hampir semua program yang dijalankan di FSPU diiktiraf oleh badan-badan profesional dari dalam dan luar negara.

2. Lebih dari 30% pelajar FSPU mencapai CGPA 3.0.

3. Kadar pengangguran yang rendah bagi kebanyakan pusat pengajian FSPU.

4. Laporan pemeriksa luar mengenai kurikulum dan pencapaian pelajar sangat baik bagi setiap program.

Berdasarkan hasil penilaian pencapaian FSPU, melalui bengkel perancangan strategik, menilai kesesuaian strategi-strategi yang dijalankan untuk penambahbaikan. Kriteria yang digunakan bagi menilai kesesuaian atau *appropriateness* strategi yang digunapakai oleh FSPU ialah seperti berikut:

1) ***Consistency-*** Strategi yang digunapakai di FSPU konsisten dengan strategi UiTM. Ini dapat dilakukan dengan menentukan strategi-strategi FSPU tidak bercanggah dengan strategi-strategi yang digubal dalam buku Perancangan Strategi UiTM Ke-10 dan Transformasi UiTM.

2) ***Consonance***- Menyemak strategi FSPU selari dengan tren di universiti-universiti lain. FSPU mengikut tren universiti-universiti terkemuka di dunia dengan menekankan kepada penerbitan dan penghasilan sumber kewangan dari hasil pengkomersialan.

3) ***Feasibiliti****,* iaitu dapat dilakukan. Pengambilan pelajar diselaraskan dengan infrastruktur dan fasiliti yang ada. Sebagai contoh, FSPU Shah Alam hanya berkeupayaan mengambil 5,000 orang pelajar, maka strategi untuk mengambil 10,000 pelajar telah disemak semula.

4) ***Advantage*** -memberikan kelebihan kepada fakulti. Contohnya, FSPU telah menilai semula samada pengiktirafan dari badan-badan profesional luar negara memberikan kelebihan kepada fakulti.

Berdasarkan kriteria tersebut, FSPU berpandangan bahawa strategi yang ada perlu dikekalkan.

**Pengambilkiraan Strategi (*Strategy Considerations*)**

Perkara-perkara yang diambil kira dalam membangun strategi ialah faktor-faktor luaran termasuk perubahan ekonomi, sosial, politik, teknologi dan persaingan. Manakala faktor-faktor dalaman termasuk budaya dan pengurusan.

**1. Faktor-Faktor Luaran**

i. Ekonomi - Perkembangan industri pembinaan dan mengenalpasti bidang-bidang yang memberi berpotensi untuk dibangunkan. Kajian pasaran juga dijalankan untuk memastikan permintaan bakal majikan. Berdasarkan kajian ini, bidang Disaster Management and *Business Continuity* dan *Sustainable Construction* bakal diwujudkan.

ii. Sosial - Perubahan gaya hidup penduduk Malaysia di ambilkira untuk mengenalpasti penambahbaikan program-program.

iii. Politik dan kerajaan- melihat dasar-dasar kerajaan dalam bidang pendidikan dan halatuju UiTM.

iv. Teknologi - Perubahan teknologi dalam industri binaan yang perlu dimasukkan ke dalam silibus, contohnya*, Building Information Modelling* (BIM)

v. Persaingan - Dari universiti-universiti dalam dan luar negara. Walaupun program akademik di FSPU mendapat permintaan tinggi (*over-subscribed*), program akademik baru yang dirancang dipastikan tidak bertindih dengan tawaran sediada mengemukakan keistimewaan tersendiri. Kemampanan juga FSPU dipastikan dengan menawarkan program akademik yang menepati kehendak pasaran dan tenaga pengajarnya mempunyai kepakaran seiring.

## 2. Faktor-Faktor Dalaman

i. Mengambilkira keupayaan program-program menepati tahap piawai seperti diperlukan oleh Lembaga Profesional, semakan kurikulum ke atas semua program dibuat berterusan supaya sentiasa bergerak dengan kehendak semasa (minima setiap 5 tahun).

ii. Meneliti permohonan kemasukkan pelajar dan pensyarah dan kadar pengangguran pelajar, maklumbalas kajian pelajar yang dijalankan oleh PPS dan pengiktirafan badan-badan profesional.

iii. Menentukan tahap kesarjanaan tenaga pengajar sentiasa dipertingkatkan melalui penambahan bilangan pemegang PhD, profesional berdaftar, penglibatan mereka di dalam penyelidikan, penulisan dan pembentangan kertas akademik selain kerja-kerja perundingan.

iv. Melihat samada keperluan semua pelajar dan pihak berkepentingan dapat dipenuhi dengan menjalankan kertas kaji selidik/ maklumbalas beterusan dari pelajar semasa (setiap semester) dan majikan berkenaan melalui laporan latihan praktikal.

v. Meneliti maklumbalas dari pihak pemeriksa luar yang mewakili industri dan profesion serta juga wakil IPT lain. Apabila sesi lawatan penilaian/ pemantauan pemeriksa luar, pelajar akan mengadakan sesi forum dan lain-lain aktiviti yang berkaitan. Segala maklumbalas disampaikan terus kepada pihak Jabatan semasa sesi taklimat penutup.

vi. Laporan Badan Akreditasi dan Alumni.

vii. Sumber kewangan.

### 2.1b Objektif Strategik

i. Objektif Strategik Utama FSPU meliputi:
   a) Pengurusan dan Kepimpinan
   b) Pengajaran dan Pembelajaran
   c) Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersilan
   d) Industri
   e) Keusahawanan
   f) Sistem Sokongan dan Pengurusan Kualiti

Jadual perlaksanaan diperincikan di dalam Perancangan Strategik FSPU 2012 dan di semak semula dalam Perancangan Strategik FSPU 2015-2020. yang merangkumi tarikh mula, tarikh tamat serta '*milestones*' yang perlu dicapai dalam jangkamasa tersebut. Sasaran penting ialah untuk mengukuhkan jaringan dengan industri dan masyarakat bagi menjadikan FSPU pusat pakar rujuk Alam Bina yang terunggul dalam Negara.

## 2.2 PERLAKSANAAN STRATEGI

Strategi dan pelan tindakan yang terkandung dalam dokumen Perancangan Strategik FSPU diumumkan kepada warga FSPU melalui pembentangan yang disampaikan oleh Dekan FSPU dalam mesyuarat Fakulti dan mesyuarat dengan ketua-ketua Pusat Pengajian. Bagi projek-projek berimpak tinggi akan dimasukkan kedalam UePMO.

Strategi-strategi yang telah digubal dalam Fasa Membangun Strategi diperincikan dan dijadikan Pelan Tindakan. Dalam Pelan Tindakan, setiap strategi dipecahkan kepada beberapa aktiviti untuk 3 tahun akan datang. Tarikh mula dan siap ditentukan dan mereka yang bertanggungjawab untuk mengetuai setiap aktiviti dikenalpasti.
Pelan tindakan dibangunkan dengan mengadakan:

1) Objektif tahunan
2) Mengubal polisi
3) Mengagihkan sumber
4) Mengurus konflik
5) Memastikan struktur organisasi bertepatan dengan strategi

**Pelan tindakan jangka pendek** ialah memastikan pelajar dan *key stakeholders* dapat berfungsi dengan selesa. Ini diperolehi dengan memastikan kemudahan infrastruktur dan fasiliti disediakan dan *stakeholders* mendapat sumber yang cukup untuk menjalankan aktiviti. Ini akan dapat meningkatkan strategi jangkapanjang fakulti iaitu menjadi Fakulti Alam Bina yang terunggul di Malaysia.

**Pelan tindakan** dilaksanakan dengan mewujudkan carta organasasi dan memberikan sumber-sumber dan bajet kewangan yang diperlukan bagi menjalankan aktiviti. Setiap staf yang mengetuai setiap unit diminta menyediakan perancangan aktiviti tahunan. Bajet FSPU adalah bergantung kepada Perancangan Strategik FSPU.

**Pencapaian utama** sentiasa dipantau berdasarkan Penunjuk prestasi yang disediakan bagi setiap unit.
.

**Agihan sumber** dilakukan berdasarkan keutamaan (*priority*) dan objektif tahunan. Untuk memastikan sumber yang diperlukan mencukupi setiap unit diminta menyediakan bajet.

**Risiko** yang berkaitan dengan perancangan dikenalpasti dengan setiap aktiviti yang dirancang disertakan dengan kertas kerja. Kertas kerja ini dibincangkan sebelum keputusan diambil.

**Pelan Sumber Manusia Utama** yang digarap dari Objektif Strategik Jangka Pendek dan Jangka Panjang dan Pelan Tindakan adalah melalui Pelunjuran Kerjaya peringkat Jabatan yang menetapkan peratusan Profesor, Profesor Madya, pemegang PhD, pensyarah kanan dan sebagainya agar menepati kehendak kriteria

kepakaran oleh Lembaga Akreditasi Profesional. Peningkatan kepakaran juga dicapai melalui penawaran pengajian dan/ atau latihan profesional melalui kursus/ seminar khas atau latihan industri. Pengunjuran dan pengambilan pensyarah juga berpandukan nisbah pelajar dan tenaga pengajar yang disarankan oleh Badan Akreditasi begitu juga perlunjuran dan pengambilan tenaga pentadbiran supaya berkadar dengan jumlah tenaga akademik dan pelajar.

Pelan sumber manusia dan kesannya dibincangkan bersama sebelum diimplementasikan. Apabila diimplementasi, pihak pengurusan fakulti memastikan konflik tidak berlaku dan diuruskan dengan sebaikknya.

Proses ini dijalankan secara berterusan diperingkat fakulti dan jabatan. Mereka yang dipertanggungjawabkan seperti yang ditunjukkan dalam Perancangan Strategik FSPU diminta mengimplementasikannya mengikut jangka waktu yang ditetapkan. Mereka diminta memohon bajet dan juga sumber-sumber lain.

Selepas bengkel-bengkel tersebut, setiap pusat pengajian pula mengadakan perancangan strategik masing-masing. Perancangan strategik di peringkat pengajian dipastikan selaras dengan perancangan strategik di peringkat fakulti. Peserta utama ialah pensyarah-pensyarah di peringkat pusat pengajian masin-masing. Antara perkara yang ditekankan semasa bengkel perancangan strategik di peringkat pusat pengajian adalah:

### 2.2a Penunjuk Prestasi

Ukuran Pencapaian Utama atau Petunjuk untuk mengesan kemajuan Pelan Tindakan adalah berdasarkan ketetapan *milestones* yang telah disediakan agar menepati jadual kerja. Bagi memastikan keseluruhan sistem ukuran Pelan Tindakan mengukuhkan lagi keselarian organisasi adalah melalui pencapaian *Key Performance Index*, Objektif Kualiti, dasar-dasar yang telah diwujudkan, sasaran tarikh siap kerja, piagam pelanggan. Bagi memastikan sistem ukuran merangkumi Perlaksanaan Utama bagi semua bidang, pelajar dan pihak berkepentingan adalah melalui pencapaian *Key Performance Index*, maklumbalas pelajar dan majikan, Lembaga Akreditasi, Laporan Pemeriksa Luar serta maklumbalas alumni.

Petunjuk Prestasi Utama di senaraikan dalam Perancangan Strategik FSPU 2015-2020.

### 2.2b Pemantauan Strategi

Perubahan perancangan dilakukan melalui proses pemantauan berterusan berpandukan Pelan Tindakan di atas. Sistem Pemantauan UePMO dan perlantikan DPMO yang diperkenalkan oleh Pusat Perancangan Strategik UiTM juga membantu perjalanan Pelan Tindakan tersebut. Ia dipertahankan melalui Mesyuarat Ketua-ketua Program, Mesyuarat Kordinator-kordinator Fakulti dan Laporan Berkala Jawatan Kuasa Fakulti selain perbincangan secara *impromptu* oleh Dekan, Timbalan-timbalan Dekan bersama Ko-ordinator Perancangan Strategik.

Penetapan dan pelaksanakan pelan tindakan yang diubahsuai sekiranya memerlukan perubahan rancangan dan perlaksanaan segera tindakan yang baru adalah melalui semakan terhadap tempoh siap setiap inisiatif (*progress revision and adjustment*) turut dicatat untuk dibanding dgn tarikh dirancang dalam pelan tindakan. Perbincangan dibuat secara telus dalam Mesyuarat Akademik Fakulti, Mesyuarat Ketua-ketua Program, Mesyuarat Kordinator-kordinator Fakulti dan Laporan Berkala Jawatankuasa Fakulti.

**2.2c Unjuran Pencapaian**

Unjuran pencapaian berdasarkan kepada Penunjuk Prestasi Utama yang disenaraikan dalam Dokumen Perancangan Strategik FSPU 2013-2015 dan 2015-2020. Berikut adalan contoh-contoh unjuran FSPU:

1. 4 Bilangan artikel yang disiarkan dalam akhbar-akhbar.
2. 50% program mencapai 5 - bintang berdasarkan KPI HEA.
3. 3 program Sentuhan Kasih "FSPU" – “Operasi Khidmat Masyarakat "- untuk menggalakkan manusia dan membawa bantuan kepada mereka yang memerlukannya.
4. 10 graduan Doktor Falsafah (minimum 1 daripada setiap Pusat Pengajian- 10 daripada FSPU).
5. 30 judul dalam jurnal indeks yang tinggi.
6. Jurnal Alam Bina - untuk diindeks.
7. Kerjasama dengan universiti-universiti tempatan dan luar negara.

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR 2015

# 3: TUMPUAN PELANGGAN

## 3.1 MAKLUMBALAS PELANGGAN

## 3.2 PENGLIBATAN PELANGGAN






## 3.0 TUMPUAN PELANGGAN

Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur (FSPU) komited di dalam mengurus dan menaiktaraf pengurusan pelanggan dengan mengambilkira maklumbalas daripada pelanggan dan pihak yang berkepentingan seperti yang tercatit dalam piagam pelanggan (Rajah 3.1) . Pelanggan dan pihak berkepentingan yang telah dikenalpasti dan berperanan penting di dalam proses penambahbaikan ini adalah seperti Rajah 3.2.

**PIAGAM PELANGGAN**
**Kami, staf, FSPU UiTM berikrar bahawa:**

PELAJAR:
Akan memperolehi:
- Kelulusan akademik dalam bidang Alam Bina yang diiktiraf oleh kerajaan dan badan professional serta menepati keperluan industry.
- Pengijazahan dalam tempoh yang ditetapkan setelah memenuhi semua syarat.
- Perkhidmatan yang menyokong pengajaran dan pembelajaran dalam persekitaran kondusif.

KERAJAAN:

Akan memperolehi:
- Sumber tenaga terlatih berasaskan teknologi dalam bidang Alam Bina selaras dengan wawasan negara.

INDUSTRI:
Akan memperolehi:
- Professional yang efektif dalam Alam Bina melalui kerja-kerja penyelidikan dan perundingan.
- Fakulti yang sentiasa menerajui perkembangan di bidang Sains dan teknologi serta mengamalkannya.
- Fakulti yang prihatin terhadap kesejahteraan sejagat.

Rajah 3.1 Piagam Pelanggan FSPU




Rajah 3.2: Kategori Pelanggan FSPU

Unit Kualiti FSPU merupakan pasukan yang bertanggungjawab mengendali dan mengurus data berkaitan kepuasan pelanggan dan pihak berkepentingan.

## 3.1 SUARA PELANGGAN

Tumpuan yang dilakukan oleh FSPU didalam memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan telah diukur melalui kaedah **5P** yang membawa maksud perancangan, penghebahan, perlaksanaan, penyeliaan dan penilaian. Jadual 3.1 menghuraikan konsep 5P ini.

Jadual 3.1: Keperluan dan Kehendak Pelanggan Berdasarkan 5P

| TUMPUAN PELANGGAN – 5P | KAEDAH PENGUKURAN / PROSES PENGURUSAN JALINAN DENGAN PELANGGAN |
|---|---|
| PERANCANGAN | Setiap program yang dirancang merangkumi objektif tujuan, sasaran pelanggan, pengisian aplikasi dan implikasi bajet yang terlibat. |
| PENGHEBAHAN | • Penghebahan kepada pelangan dan pihak berkepentingan perlu dilakukan setelah perancangan dibuat.<br>• Penghebahan perlu dilakukan bagi mempastikan pelanggan mengetahui aktiviti yang dijalankan seiring dengan keperluan pelanggan. |
| PERLAKSANAAN | Implementasi aktiviti yang telah dirancang akan dilaksanakan setelah mengikut prosidur yang ditetapkan. |
| PENYELIAAN | Pemantauan terhadap aktiviti atau projek secara berkala . |
| PENILAIAN | • Dinilai melalui borang tahap kepuasan pelanggan serta impak kepada fakulti dan pelajar.<br>• Penilaian tahap kepuasan oleh pelajar dan pihak yang berkepentingan melalui borang maklum balas pelanggan untuk melihat impak kepada fakulti dan pelajar. |

### 3.1a Maklumbalas daripada Pelajar dan Pihak Berkepentingan

FSPU menerima baik cadangan dan input daripada para pelajar dan juga pihak berkepentingan. FSPU mempunyai unit yang mengendalikan hal ehwal pelajar dan juga Sekretariat Mahasiswa FSPU. Sekretariat Mahasiswa Fakulti FSPU berkhidmat untuk warga Fakulti Senibina Perancangan dan Ukur UiTM Shah Alam yang mengetuai 10 persatuan dalaman FSPU dan berada di bawah pimpinan Majlis Perwakilan Pelajar FSPU. Sekretariat Mahasiswa Fakulti FSPU mengetuai 10 persatuan dalaman FSPU ((Rajah 3.3).




Rajah 3.2: Sekretariat Mahasiswa FSPU

Selain daripada itu, pelajar FSPU juga dilengkapi dengan akses kepada persatuan-persatuan pelajar yang dinaungi oleh badan professional seperti Student's Chapter (RISM, CIB dan sebagainya). Melalui persatuan-persatuan dalaman ini, suara pelajar dan pergerakan pelajar dapat disalurkan dan uruskan secara berterusan kepada pengurusan tertinggi hal ehwal pelajar dan juga FSPU. Aktiviti-aktiviti dan koordinasi 10 persatuan ini dapat di akses melalui laman Facebook (https://www.facebook.com/SekretariatMahasiswaFakultiFSPU?fref=photo) Pendekatan yang digunakan oleh FSPU untuk mendapatkan maklumbalas pelajar adalah melalui kaedah formal dan tidak formal.

Kaedah formal: Melalui sesi kritik, forum, bengkel dan perjumpaan. Mekanisme penyampaian maklumbalas yang digunakan adalah Borang kaji selidik (Graduan Konvo) dan melalui Mesyuarat atau Perjumpaan Wakil Pelajar/ Persatuan Pelajar Bersama Pihak Pengurusan Tertinggi Fakulti. Perjumpaan yang diadakan sekali setiap semester ini membincangkan isu-isu seperti keperluan kemudahan prasarana dan kebajikan pelajar. Kaedah tidak formal: mengisi borang maklumbalas yang disediakan di tempat tumpuan seperti kaunter, makmal, kafetaria dan perpustakaan.

Maklumbalas dan input daripada pihak berkepentingan diperolehi melalui perlantikan pelbagai organisasi professional dalam negara seperti, Royal Institute of Surveyor Malaysia (RISM), Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM), Institut Lanskap Arkitek Malaysia (ILAM), Malaysia Institute of Planners (MIP) dan organisasi professional antarabangsa seperti Chartered Institute of Building (CIOB), Royal Institute of British Architects (RIBA) dan Royal Institute of Chartered Surveyor (RICS) sebagai panel penasihat industri, panel penasihat akademik dan pemeriksa luar.

Maklumbalas ini dapat dilihat melalui mekanisma-mekanisma yang digunapakai oleh FSPU seperti semakan kurikulum yang mengambilkira elemen kemahiran isaniah (module dan program finishing school) serta domain pembelajaran Outcome Based Education (OBE) iaitu kognitif, psikomotor dan efektif.Kandungan silibus diselaraskan dengan kehendak dan keperluan industrI dan juga pihak berkepentingan (rujuk perenggan 3.2.1).Selain daripada itu, FSPU mengekalkan hubungan baik bersama Alumni FSPU yang kebanyakkannya merupakan pemain industri yang penting dan juga pihak berkepentingan. Program-program alumni seperti Seminar Alumni 2014, Majlis Makan Malam Alumni 2014 dan Kejohanan Golf Yayasan Budiman UiTM-Alumni FSPU 2014 banyak memberikan input-input serta maklumbalas daripada pihak berkepentingan secara formal dan juga tidak formal (Gambar 3.1).




Gambar 3.1: Program Alumni *Dinner, Golf* dan Seminar

Pihak berkepentingan juga dapat menyalurkan maklumbalas melalui program-program latihan industri yang dijalankan oleh pelajar semasa di pejabat, firma-firma dan organisasi-organisasi yang terlibat. Maklumbalas ini direkodkan melalui laporan yang disediakan setiap berakhirnya sesuatu latihan industri.

### 3.1b Maklumbalas Bakal Pelajar dan Pihak Berkepentingan

Pendekatan yang digunapakai oleh FSPU didalam memperolehkan maklum balas daripada bakal pelajar dan pihak berkepentingan adalah melalui program-program "outreach" yang dilancarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan

UiTM. Program-program “outreach” adalah seperti Misi Akademik, Ekspo Selangkah ke UiTM, Jom Masuk U dan Mengubah Destini Anak Bangsa. Selain daripada itu, bagi menambah keberkesanan maklumat yang ingin disampaikan kepada pelanggan, FSPU dengan inisiatif sendiri telah melancarkan program kemasyarakatan Selangkah ke Menara Gading yang diterajui oleh Pusat Pengajian Sains Ukur Geomatik bersama GEOMASS yang mana bakal-bakal pelajar berpeluang untuk berbicara terus secara langsung dengan pensyarah dan pelajar sediada mengenai prospek kerja didalam sesuatu pusat pengajian.

Di dalam program ini, beberapa pihak industri yang tidak asing lagi didalam bidang-bidang yang ditawarkan untuk mereka berkongsi pengalaman dan memberikan pendedahan tentang perkembangan terkini dan keperluan industry untuk bakal pelajar membuat persediaan awal.Antara objektif didalam program kemasyarakatan Selangkah ke Menara Gading (bersama sekolah menengah kebangsaan Seksyen 7 Shah Alam, Sekolah Menengah Di Daerah Marang Terengganu Dan Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Bariah, Kuala Terengganu) dan operasi khidmat masyarakat mesra siswa bersama masyarakat Kampung Asahan, Kuala Selangor adalah untuk memberi pendedahan awal kepada calon-calon yang bakal menduduki peperiksan SPM mengenai perkara berikut:

i. Hala tuju selepas SPM,
ii. Proses pemilihan ke IPTA,
iii. Kaedah pengiraan merit,
iv. Peluang melanjut pelajaran ke luar negara,
v. Program yang di tawarkan di IPTA/IPTS dan Politeknik dan
vi. Memperkenalkan program yang ditawarkan di Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur.

Program yang dijalankan ini bukanlah dikhususkan untuk sekolah di sekitar Shah Alam sahaja tetapi juga kepada sekolah luar bandar di seluruh negara.

### 3.1c Penentuan Tahap Kepuasan Pelajar dan Pihak Berkepentingan

FSPU menggunakan berbagai kaedah untuk memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan terutamanya bagi mendapatkan maklumat seperti berikut:

Jadual 3.2: Sistem Pengukuran Kepuasan Pelajar dan Pihak Berkepentingan

| SISTEM PENGUKURAN KEPUASAN PELAJAR DAN PIHAK BERKEPENTINGAN | |
|---|---|
| **e-Aduan**<br>Sistem ini membolehkan pelajar dan pihak berkepentingan mengutarakan secara langsung segala permasalahan, pujian pandangan dan cadangan kepada FSPU. Sistem yang dipantau oleh bahagian korporat membantu mengenalpasti kehendak dan keperluan pelanggan | **SuFO**<br>Setiap pelajar yang menilai pensyarah secara atas talian menguna SuFO. Maklumat yang diperolehi ini digunakan untuk mengenalpasti kelemahan pensyarah sepanjang proses P&P serta prasarana. Melaluinya penambahbaikkan dilakukan untuk semester berikutnya supaya ia menepati kehendak pelanggan. |
| ***Entrance and Exit Survey***<br>Soalselidik ini mengenalpasti tahap kefahaman pelajar yang boleh membantu pensyarah menilai kaedah pengajaran dan pembelajaran terbaik untuk meningkatkan keupayaan pengajaran oleh pensyarah terhadap pelajar. | **Soal Selidik Persepsi Pelajar Terhadap Sistem Pengurusan Kualiti**<br>Ia Adalah Soalselidik secara dalam talian yang diedarkan oleh INQKA kepada para pensyarah dan pelajar untuk penambahbaikan sistem pengurusan kualiti FSPU yang dikawalselia oleh FSPU. |

## 3.2 PENGLIBATAN PELANGGAN

### 3.2a Program Pendidikan dan Perkhidmatan serta Sokongan Pelajar dan Pihak Berkepentingan

Program-progarm FSPU telah mendapat pengikitrafan daripada badan-badan profesional peringkat nasional seperti LAM (Lembaga Arkitek Malaysia), RISM (*The Royal Institution of Surveyors Malaysia*), ILAM (*Institute of Landscape Architects Malaysia*), BQSM (*Board of Quantity Surveyors Malaysia*) dan BoVAEA (The Board of Valuers, Appraisers and Estate Agents Malaysia). Selain daripada itu, FSPU juga telah mendapat pengiktirafan daripada badan-badan profesional peringkat antarabangsa seperti *Royal Institute of Chartered Surveyors* (RICS), *Charted Institute of Building* (CIOB), *International Federation of Interior Architects* (IFI) dan *Royal Institute of British Architects* (RIBA). Staf di FSPU juga ada yang dilantik untuk menjadi ahli lembaga *Pacific Real Estate Society* (PRESS), pemeriksa luar Univeristy of Western Sydney dan Lincoln University.

Terdapat juga staf FSPU yang dilantik menjadi profesor pelawat contohnya profesor pelawat di King Mongkut's Institute of Technology Ladkrabang, Thailand. Di dalam negara ramai staf FSPU terlibat sebagai ahli panel penilai MQA, penilai pengkelasan hotel Kementerian Pelancongan Malaysia (MoTOUR), ahli lembaga LAM & CAAEM LAM.

Usahasama dan kerjasama bersama FSPU dengan organisasi dalam dan luar negara juga dimeterai seperti Memoranda Persefahaman (MoU) dengan *Malaysian Institute of Plannersl Federal Department of Town & Country Planning*, King Mongkut's *Institute Technology Ladkrabang* (Bangkok), Universitas Pancasilas (Indonesia), Universitas Gadjah Mada (Indonesia), Eastern Mediterranean University (North Cyprus), Istanbul Technical University (Turkey) dan Abu Dhabi University (UAE).




Rajah 3.4: Peta Akademik (Sumber: HEA)

a) Program dan Perkhidmatan (Semakan Kurikulum secara Berkala, Peningkatan Program, Program Bersifat Motivasi dan Innovasi, Program dan Perkhidmatan)

Kaedah yang dijalankan oleh FSPU di dalam mengenalpasti kualiti dalam pembelajaran dan pengajaran telah diadakan iaitu dengan mengadakan semakan kurikulum oleh setiap jabatan bagi 4-5 tahun sekali. Ini bertujuan untuk memastikan silibus memenuhi keperluan industri. Semakan kurikulum dilakukan dengan mengambil kira elemen kemahiran insaniah untuk memastikan program mengaplikasikan *konsep Outcome Based Education* (OBE) yang menitikberatkan 3 domain pembelajaran iaitu kognitif, psikomotor dan efektif serta diseliasemak kualiti kandungan silibus selaras dengan kehendak badan professional seperti berikut:

- LAM (Lembaga Arkitek Malaysia),
- RISM (*The Royal Institution of Surveyors Malaysia*),
- ILAM (*Institute of Landscape Architects Malaysia*),
- BQSM (*Board of Quantity Surveyors Malaysia*) dan
- BoVAEA (*The Board of Valuers, Appraisers* dan *Estate Agents Malaysia*).

Pelajar bukan sahaja diajar secara teori, malahan diwajibkan untuk membuat latihan amali dan lawatan ke industri bagi memberi gambaran sebenar kepada pelajar mengenai keperluan subjek. Malahan sesi ceramah oleh golongan profesional sering diadakan yang dikendalikan oleh Pusat Pengajian. Bagi memastikan program akademik dan bukan akademik memenuhi kriteria pihak industri, FSPU mengambil langkah dengan mengadakan hubungan dan jaringan industri melalui program yang memerlukan penglibatan pelajar dan pihak berkepentingan. Dengan ini maklum balas tahap *softskill* pelajar dapat diperolehi. Lawatan industri antara yang dipraktikkan oleh sebilangan besar pusat pengajian di FSPU, *Survey camp* oleh Pusat Pengajian Sains Ukur dan Geomatik, Lawatan akademik, program latihan teknikal dan pembuatan, latihan kemahiran insaniah dan Program *Finishing School* (Lampiran 3.1).

**b) Penggunaan Data Pelajar dan Pihak Berkepentingan (Pemantauan Penggunaan Tabung Amanah Pembangunan Pelajar (TAPA), Tumpuan kepada Pembangunan dan kepimpinan pelajar)**

FSPU sangat komited di dalam persediaan melengkapkan pelajar di dalam bidang akademik mahupun pembentukan insaniah pelajar. Pembentukan modal insan adalah merupakan hasrat negara bagi melahirkan insan berkualiti dan selaras dengan keperluan pembangunan ekonomi negara. Aktiviti pembangunan dan kepimpinanan pelajar dilakukan setiap semester bagi melahirkan modal insan yang berjati diri melalui modul program yang selaras dengan struktur modul yang dibentuk di peringkat universiti. Program ini telah bermula dari tahun 2004 bagi setiap kemasukan baru pelajar di semua fakulti dan FSPU tidak terkecuali.

Sejajar dengan keperluan universiti dan keutamaan kependidikan di peringkat negara pada masa kini, program kemahiran insaniah (KI) ini telah disyaratkan sebagai wajib bagi semua pelajar kemasukan bermula dari sesi Mac 2013 sehingga kini untuk mendaftar pelan pengajian program kemahiran insaniah dan pelajar

terlibat adalah pelajar semester 1 dan 2. Antara modul yang wajib dihadiri oleh pelajar FSPU ialah:

Jadual 3.3: Modul yang Wajib Dihadiri oleh Pelajar FSPU

| Kemasukan Mac 2013-Seterusnya | Modul Yang Perlu Dihadiri |
|---|---|
| • Lepasan STPM/ Matrikulasi/ Diploma IPT Lain | • Pembangunan Personaliti 1<br>• Pembangunan Profesionalisme<br>• Pembangunan Kerjaya 2 |
| • Lepasan Diploma UiTM/ Penerapan | • Pembangunan Personaliti 2<br>• Pembangunan Kerjaya 2 |

FSPU juga memberi ruang kepada pelajar untuk menceburi bidang kemahiran keusahawanan sebagai menggalakkan pelajar memilih kerjaya usahawan sebagai pilihan pekerjaan setelah tamat pengajian. Fokus modul keusahawan adalah lebih kepada mendedahkan pelajar kepada latihan praktikal di mana pelajar terlibat secara langsung di dalam bidang perniagaan. Daripada laporan keusahawanan fakulti, adalah didapati bahawa pendedahan yang diberikan oleh fakulti seperti memberi ceramah kepada pelajar berkenaan pentingnya bidang keusahawanan telah memberi impak yang baik kepada pelajar.

FSPU sehingga kini mempunyai rekod menunjukkan 5% pelajar menceburi bidang keusahawanan secara sambilan ketika belajar. Pelajar-pelajar ini bergiat aktif secara sendirian dan berkumpulan menjalankan perniagaan secara online menjual barangan seperti tudung, emas, kain songket, jualan nilai tambah kad telefon, sewaan kereta dan percetakan. Perniagaan ini ada yang berdaftar dibawah SSM dan ada yang tidak berdaftar. Selain daripada itu, FSPU juga aktif mengadakan aktiviti bersifat keusahawanan dan antara aktiviti yang dijalankan di sepanjang tahun 2014 ialah:

- Pasar Rabu - telah bermula pada Mac 2013 hingga sekarang.
- Program kebolehpasaran graduan: '*Road Tour on Building Information'.*
- Modelling Awareness Talk pada Oktober 2014.
- 'Ready for Success Workshop' pada Oktober 2014.
- *'Student Business Setup (on-line*)'.

Pasar Rabu adalah merupakan acara mingguan dianjurkan oleh Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Sekretariat Mahasiswa Fakulti (SMF) di mana FSPU hanya menyediakan ruang dan nasihat sebagai sokongan membudayakan aktiviti keusahawanan di kalangan pelajar FSPU. Gambar 3.2 menunjukkan aktiviti yang dijalankan oleh kumpulan pelajar jurusan arkitek yang mengusahakan "*The Malaya Tower-U Game*" yang telah berlangsung di pasar rabu pada 21 May 2014.




Gambar 3.2: Contoh Aktiviti FSPU

### 3.2b Menjalin Hubungan Bersama Pelajar dan Pihak Berkepentingan

i. Pengurusan Perhubungan (Penyeliaan Pelanggan dan Pihak Berkepentingan, Mentor Mentee, Tumpuan kepada Industri, Tumpuan pada Masyarakat)

Pengurusan perhubungan di antara FSPU, pelajar dan pihak berkepentingan terjalin melalui beberapa kaedah. Yang pertama adalah melalui kerjasama perundingan yang dijalankan di antara pensyarah FSPU dan juga pihak industri (Rajah 3.5). Melalui usahasama ini para pensyarah dan pihak industri dapat berkongsi kepakaran dan kemahiran seterusnya dapat diserlahkan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang mampan. Program *Knowledge transfer* (KTP) merupakan salah satu platform yang sangat berkesan untuk menindik para pelajar didalam arena perundingan dan perindustrian secara berkesan.

Secara statistiknya 10%-20% pensyarah FSPU terlibat secara aktif di dalam projek konsultansi, manakala 30% pensyarah terlibat di dalam penyelidikan di mana secara tidak langsung memberi ruang kepada pelajar FSPU untuk terlibat sama menjalankan penyelidikan atau perundingan dengan diberi upah atau gaji dan pada waktu yang sama menyambung pelajaran ke peringkat Master atau PhD. Melalui kaedah ini pelajar mendapat pengalaman yang baik bersama industri melalui komunikasi, bancian, pengumpulan data malah ada diserapkan di dalam firma untuk mempelajari pengendalian alatan berteknologi terkini atau *software* baru.




Rajah 3.5: Projek-Projek Perundingan FSPU dengan Usahasama Pihak Industri

Selain daripada pendedahan kepada khidmat perundingan, para pensyarah juga dapat mempertingkatkan penglibatan kepada kajian-kajian yang turut serta memerlukan penglibatan para pelajar dan industri (yang kebanyakkannya merupakan pihak berkepentingan). Geran-geran penyelidikan yang berjaya diperolehi oleh para pensyarah FSPU adalah seperti Rajah 3.6. Setiap geran penyelidikan yang disenaraikan mempunyai pembantu penyelidik berdaftar yang terdiri daripada kalangan pelajar ijazah dan juga pasca siswazah. Selain daripada itu, penggunaan produk-produk dan teknologi-teknologi terkini oleh industri juga diaplikasikan didalam penyelidikan yang dijalankan. Pendedahan kepada pelajar secara teori dan praktik ini mengukuhkan lagi jalinan hubungan diantara FSPU, pelajar dan juga pihak berkepentingan.




Rajah 3.6: Geran Penyelidikan oleh Pensyarah FSPU bagi Tahun 2014

ii. Pengurusan Aduan (Maklum Balas Pelajar terhadap Staf Akademik)

FSPU sentiasa peka dan mengambilkira maklumbalas pelajar terhadap para pensyarah bagi mengawal kualiti proses pengajaran dan pembelajaran di kelas, makmal, bengkel mahupun aktiviti di padang. Maklumbalas pelajar terhadap staf akademik FSPU dilakukan setiap semester melalui penilaian pelajar di dalam soal selidik yang disediakan di dalam sistem *i-learn portal.* Pelajar diwajibkan menjawab di akhir semester bagi setiap kod kursus yang diambil. Rajah 3.7 adalah contoh analisis sufo bagi kod SUG694 (*Professional Practice*) yang diambil dari sistem *i-learn.*




| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 5 | Pensyarah menyempurnakan jam pengajaran yang dijadualkan. *The lecturer completes the scheduled hours of instruction.* | 2 | 6 | 0 | 0 | 81.25 | 3.25 |
| 6 | Pensyarah bersedia memberi bimbingan akademik kepada pelajar. *The lecturer is ever ready to provide academic guidance to students.* | 2 | 6 | 0 | 0 | 81.25 | 3.25 |
| 7 | Pensyarah menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar semasa kuliah (kecuali kursus CTU, Bahasa Ketiga dan kursus ko-kurikulum). *The lecturer uses English as a medium of instruction during the lectures except for CITU, Third Language courses and co-curriculum courses.* | 2 | 6 | 0 | 0 | 81.25 | 3.25 |
| 8 | Pensyarah mudah didekati. *The lecturer is approachable .* | 3 | 5 | 0 | 0 | 84.5 | 3.38 |
| 9 | Pensyarah mudah dihubungi untuk perbincangan. *The lecturer is accessible for discussion.* | 3 | 5 | 0 | 0 | 84.5 | 3.38 |
| 10 | Pensyarah memantau kehadiran pelajar. *The lecturer monitors student attendance.* | 2 | 6 | 0 | 0 | 81.25 | 3.25 |
| 11 | Secara keseluruhannya pensyarah mempamerkan professionalisma yang sangat tinggi. *Overall, the lecturer exhibits high professionalism.* | 2 | 6 | 0 | 0 | 81.25 | 3.25 |
| | **JUMLAH PURATA:** | **16** | **40** | **0** | **0** | **82.18** | **3.29** |

Rajah 3.7: Analisis Sufo Penilaian Pelajar terhadap Pensyarah

Di dalam memastikan tahap pengajaran dan pembelajaran kursus dijalankan dengan baik, FSPU juga telah mengambil inisiatif mewujudkan jawatankuasa pemantauan kelas. Setiap semester jawatankuasa dilantik akan melawat kelas dan menilai tahap pengendalian pensyarah terhadap kod kursus yang diajar dan keberadaan pensyarah mengikut jadual waktu. Selain dari itu, temubual pelajar oleh penilai luar atau ‘*external examiner*’ program juga melibatkan soalan berkaitan tahap keberkesanan dan kualiti pensyarah bagi kod kursus yang diajar. Laporan dari penilai luar yang dilantik dapat memberi bukti terhadap kualiti pensyarah di dalam pengendalian kursus.

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR 2015

# 4: PENGUKURAN, ANALISA DAN PENGURUSAN ILMU

## 4.1 PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENAMBAHBAIKAN PRESTASI

## 4.2 PENGURUSAN MAKLUMAT DAN ILMU






## 4.0 PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

FSPU menggunakan maklumat perancangan strategik dan sasarannya sebagai kerangka untuk memilih proses penilaian prestasi organisasi. Proses tersebut dinilai secara berkala untuk memastikan ia selari dengan akreditasi semasa dan kehendak peraturan serta memenuhi keperluan akademik dan keperluan operasi untuk menjamin pengukuran yang sistematik dan pengurusan pengetahuan yang berkesan.

### 4.1 PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENAMBAHBAIKAN PRESTASI ORGANISASI

#### 4.1a (1) Pengukuran Prestasi

Semua Petunjuk Prestasi Utama (KPI), data dan maklumat untuk memantau operasi dan pencapaian keseluruhan FSPU disemak dan ditentukan oleh pihak pengurusan untuk melaksanakan penambahbaikan yang berterusan serta meningkatkan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK). Melalui Bengkel Perancangan Strategik FSPU yang diadakan sekali setahun, kesemua bahagian fakulti diwakili Ketua Pusat Pengajian bersama-sama membincangkan dan menilai semula secara menyeluruh mekanisma pengukuran pencapaian yang berkaitan dengan bahagian dan bidang masing-masing. Sebelum penentuan pengukuran dimuktamadkan, Pengurusan FSPU membuat semakan akhir untuk memastikan kompetensi teras, cabaran strategik, serta keseimbangan terhadap keperluan pelanggan dan pihak berkepentingan telah diambil kira.

Maklumat dan hasil perbincangan yang diperoleh melalui Bengkel Perancangan Strategik FSPU sangat membantu pihak pengurusan menggariskan mekanisma pengukuran yang paling berkesan terhadap KPI serta pencapaian sasaran objektif fakulti. Pendekatan ini adalah untuk memastikan bahawa KPI ini difahami dan diterima pakai oleh semua warga FSPU. Sebahagian besar maklumat bagi pengukuran prestasi diperolehi dari fakulti sendiri. Maklumat dari berbagai sumber ini akan diintegrasi oleh koordinator-koordinator yang dilantik di peringkat fakulti.

Pemilihan data untuk dikumpulkan adalah berasaskan kepada keperluan pengukuran dan semakan pencapaian perkhidmatan-perkhidmatan utama yang disampaikan kepada pelanggan secara berkesan. Perkhidmatan utama kepada pelajar termasuk pengajaran dan pembelajaran, manakala perkhidmatan kepada pensyarah adalah penyediaan peluang penyelidikan, penerbitan, penulisan dan penghasilan karya.

FSPU Shah Alam memilih, mengumpul dan mengintegrasi data dan maklumat melalui empat kategori. Ini adalah selaras dengan objektif strategik dan pelan tindakan FSPU:

i. Pentadbiran Am (staf dan pelajar)

- Laporan Kualiti (audit)

- Laporan Kualiti (tahunan)
- Laporan Pembangunan & Kepimpinan Pelajar
- Laporan Lawatan Akademik
- Laporan Latihan Praktikum

ii. Kewangan

- Laporan belanjawan

iii. Perjawatan (staf, staf- fail peribadi, pelajar)

- Laporan keberadaan staf
- Laporan keberadaan staf pentadbiran
- Laporan kehadiran pelajar
- Laporan bulanan staf pentadbiran
- Laporan Penilaian Prestasi (maklumat pengajian)
- Laporan panel penasihat akademik & pemeriksa luar
- Laporan Penilaian Kakitangan
- Laporan penilaian kursus/ seminar dalam/ luar negara

iv. Fungsi- fungsi utama (staf & pelajar)

- Laporan peperiksaan (Mesyuarat '*post mortem*')
- Laporan keputusan peperiksaan (mesyuarat jemaah)
- Kertas kerja untuk Mesyuarat Senat
- Laporan bengkel perancangan strategik

Pengukuran prestasi di FSPU adalah berdasarkan objektif kualiti FSPU, KPI bahagian Hal Ehwal Pelajar, bahagian Akademik, bahagian Kewangan, bahagian Fasiliti dan juga bahagian Perpustakaan. Penilaian berkala dibuat untuk melihat keberkesanan mekanisma pengukuran yang telah digariskan berdasarkan sasaran pencapaian yang telah ditetapkan. Jadual 4.1 menunjukkan pengukuran prestasi mengikut objektif kualiti FSPU, dimana ia memperincikan sasaran serta kekerapan pengukuran prestasi. Jadual 4.2 menunjukkan Penunjuk Prestasi Utama (KPI) Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP), dan Jadual 4.3 menunjukkan butiran mengenai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Bahagian Hal Ehwal Akademik (HEA).

Jadual 4.1: Pengukuran Prestasi Mengikut Objektif Kualiti FSPU

| Objektif Kualiti/ Sasaran | Perkhidmatan Utama | Kekerapan Pengukuran |
|---|---|---|
| Mencapai pertambahan peratusan bilangan pelajar tamat pengajian dengan CGPA 3.50 ke 10%. *(Graduate on time & First Class)* | Pengurusan dan Profesional | Setiap semester |
| Memastikan sekurang- kurangnya 85% pelajar sepenuh masa lulus dalam tempoh yang ditetapkan. *(Graduate on time)* | Pengurusan dan Profesional | Setiap semester |
| Meningkatkan peratusan tenaga pengajar dengan kelayakan PhD kepada 60% dan kelulusan profesional kepada 40% pada tahun 2020. | Pengurusan dan Profesional | Tahunan |

| | | |
|---|---|---|
| Memastikan fakulti mendapat geran penyelidikan sebanyak RM1 juta setiap tahun. | Penyelidikan PRISMa, RMI | Tahunan |
| Mencapai penglibatan staf akademik dalam bidang penulisan dan penerbitan ilmiah/ kerja kreatif pada kadar purata satu per staf akademik setiap tahun. | Penerbitan PRISMa, RMI | Tahunan |

*Sumber: Pejabat Pentadbiran FSPU*

Jadual 4.2: Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP)

| Perspektif | Petunjuk Prestasi Utama (KPI), Perspektif Pelanggan | Sasaran | Kekerapan pengukuran |
|---|---|---|---|
| Modal Insan | Bilangan kehadiran pelajar ke Modul Kemahiran Insaniah | 100% | Setiap semester |
| Maklum balas pelajar | Indeks kepuasan pelanggan | 100% | Setiap semester |
| Aktiviti pelajar | Bilangan aktiviti pelajar (lawatan, bengkel, seminar) | 100% | Tahunan |
| Tata tertib | Peratusan pelajar meniru, tidak menepati sahsiah rupa diri | 0% | Setiap semester |

*Sumber: Pejabat Pentadbiran FSPU*

Jadual 4.3: Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Bahagian Hal Ehwal Akademik (HEA)

| Petunjuk Prestasi Utama (KPI) | Perspektif | Kekerapan pengukuran | Pencapaian Jun 2014 | Pencapaian Dis 2014 |
|---|---|---|---|---|
| Peratus kegagalan kursus hendaklah kurang daripada 25% | Peperiksaan akhir | Setiap semester | Peratusan - 13% ***(Tercapai)*** | 6% ***(Tercapai)*** |
| Peratus ketidakhadiran dalam peperiksaan hendaklah kurang daripada 5% | Peperiksaan akhir | Setiap semester | Peratusan Tidak Hadir – 2.42% ***(Tercapai)*** | 2.47% ***(Tercapai)*** |
| Peratus pelajar gagal hendaklah kurang dari 3% | Peperiksaan akhir | Setiap semester | Peratusan Kegagalan – 1.51% ***(Tercapai)*** | 1.31% ***(Tercapai)*** |
| Peratus pelajar mendapat Anugerah Naib Canselor (ANC) hendaklah melebihi 1% | Peperiksaan akhir | Setiap semester | Peratusan ANC – 3.09% ***(Tercapai)*** | 1.81% ***(Tercapai)*** |
| Peratus pelajar mendapat Anugerah Dekan (AD) hendaklah melebihi 10% | Peperiksaan akhir | Setiap semester | Peratusan- 10.59% ***(Tercapai)*** | 11.18% ***(Tercapai)*** |

*Sumber: Pejabat Pentadbiran FSPU*

Data-data pelajar yang dikumpulkan adalah data profil pelajar dan data pencapaian prestasi pelajar. Bahagian Hal Ehwal Akademik (HEA) menggunakan *Students Information Systems* (SIMs) untuk menyimpan data-data tersebut. Berpandukan data-data dari SIMs, pihak HEA mengeluarkan pelunjuran pengambilan pelajar baru sepenuh masa bagi setiap semester bagi tempoh lima tahun. SIMs juga digunakan untuk menjana hasil pencapaian pelajar secara individu dan keseluruhannya setelah prestasi pelajar dalam peperiksaan akhir di muatnaik melalui *Result Entry System* (RES). Hasil berasaskan pelajar diperincikan dalam bahagian 7.0.

Jadual 4.4: Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Melibatkan Bahagian Kewangan

| Objektif Strategik | Petunjuk Utama (KPI) | Mekanisme Pengukuran | Sasaran |
|---|---|---|---|
| Memperkemas pengurusan kewangan dan harta benda:<br>- Elaun perjalanan staf<br>- Utiliti<br>- Sewaan<br>- Bekalan minuman<br>- Bahan/ bekalan bengkel<br>- Bahan/ bekalan lain<br>- Pembaikan/ penyelenggaraan<br>- Perkhidmatan<br>- Harta<br>- Seminar/ kursus<br>- Caj lain- lain | Peratusan perbelanjaan/ peruntukan | Laporan Pejabat Bendahari Zon 9 | Memastikan proses penyampaian kewangan dilaksanakan mengikut piawaian, prosedur dan peraturan yang ditetapkan. |

*Sumber: Pejabat Pentadbiran FSPU*

Semua data kewangan termasuk peruntukan, belanjawan, pembelian, sewaan dan perakaunan diuruskan oleh Pejabat Bendahari UiTM Zon 9 (FSPU). Jadual 4.4 menunjukkan butiran Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bahagian kewangan FSPU. Segala maklumat dikumpulkan secara berterusan menggunakan *Financial Integrated Accounting System* yang berteraskan kepada perancangan, pengukuran prestasi dan penambahbaikan berterusan. Data dan maklumat berkaitan staf diuruskan oleh Pejabat Pentadbiran FSPU. Maklumat ini diselenggara menggunakan *Staff Resource Information System (STARSv3).* Data-data dikemaskini dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan. Hasil kewangan diperincikan dalam bahagian 7.0.

Peruntukan kewangan adalah bergantung kepada belanjawan yang telah disediakan oleh pihak Fakulti. Pihak Bendahari Zon 9 bertanggungjawab memastikan proses penyampaian kewangan dilaksanakan dengan baik. Mesyuarat diadakan untuk membincangkan dan meluluskan sebarang permohonan yang diperlukan. Peruntukan Tabung Amanah Pembangunan Akademik (TAPA) juga banyak membantu dalam urusan pembelajaran pelajar dimana setiap persatuan pelajar diminta untuk membuat aktiviti-aktiviti yang bermanfaat setiap semester. Maklumat mengenainya penting bagi membantu fakulti membuat pelunjuran dan agihan yang lebih sistematik untuk meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran.

Data dan maklumat penerbitan diuruskan oleh *Research Management Centre* (RMC) dan Pusat-pusat Kecemerlangan (CoE) yang berkenaan. Bagi memastikan bilangan penyelidikan terkini diperolehi, setiap penyelidikan yang dijalankan dengan atau

tanpa geran mestilah didaftarkan *Research Management Institute (RMI)* dan dimuat naik ke dalam *Publication Repository Information System Management* (PRISMa) UiTM. Proses memilih, mengumpul, menjajarkan dan mengintegrasikan data dan maklumat dilaksanakan oleh PTJ setiap bahagian dan jabatan. Data dan maklumat tersebut digunakan untuk memantau operasi harian dan seterusnya menyumbang kepada pencapaian FSPU secara keseluruhannya.

Melalui semua sistem yang diamalkan, hasil pencapaian FSPU telah disebarluas kepada seluruh warganya dan pihak berkepentingan. Penyebarluasan dan kebolehcapaian data dan maklumat membantu proses membuat keputusan berdasarkan fakta serta penambahbaikan bermatlamat dan menghasilkan inovasi terhadap proses kerja.

**4.1a (2) Data Perbandingan**

Data perbandingan digunakan untuk menyokong keputusan strategik dan keperluan inovasi. FSPU membuat perbandingan dalam menentukan daya saing program-program yang dikendalikan di FSPU. Pencapaiannya perlu dibandingkan dengan fakulti-fakulti di dalam UiTM dan juga fakulti-fakulti Alam Bina di dalam dan luar negara. Perbandingan peringkat dalaman dilakukan bagi melihat tahap pencapaian akademik para pelajar bagi setiap program dan jabatan pada setiap semester. Selain itu, sumber maklumat pesaing terhampir dan purata keseluruhan fakulti di UiTM untuk melihat kedudukan FSPU secara keseluruhan turut dilakukan. Perbandingan ini dilakukan setahun sekali.

Data perbandingan adalah elemen utama semakan KPI untuk menilai pencapaian FSPU dan tahap pencapaian objektif kualiti fakulti. Data-data ini membantu FSPU untuk mengenalpasti jurang dan peluang penambahbaikan serta menetapkan matlamat berdasarkan maklumat yang lebih rasional dan spesifik pada masa hadapan. Contohnya, berdasarkan hasil perbandingan tahap kebolehpasaran graduan FSPU (Rajah 4.1), peratusan graduan FSPU yang mendapat kerja dalam tempoh enam (6) bulan adalah sedikit menurun pada tahun 2013 dan 2014, maka FSPU telah mengambil beberapa langkah dan inisiatif untuk mengatasinya dengan menjalankan pelbagai aktiviti yang boleh meningkatkan tahap kebolehpasaran graduan FSPU. Antara inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan adalah seperti *XPDCareer, Corporate and Professional Talk “Leadership and Entrepreneurship”*, dan di peringkat UiTM, graduan FSPU telah digalakkan untuk mengikuti program-program yang dianjurkan oleh *JOBSHOP* UiTM.




| | 2009 | 2010 | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Bekerja | 46.7 | 48.0 | 50.8 | 54.2 | 45.1 | 41.0 |
| Melanjutkan pengajian | 35.7 | 34.7 | 30.9 | 24.9 | 27.8 | 39.2 |
| Belum bekerja | 17.6 | 17.4 | 18.3 | 20.9 | 27.1 | 19.8 |

Rajah 4.1: Perbandingan Kebolehpasaran Graduan FSPU dari tahun 2009 – 2014

*Sumber Data: Analisis data daripada Centre for Strategic Planning & Information (CSPI)*

### 4.1a (3) Data Pelajar dan Pihak Berkepentingan

Pengukuran terhadap kepuasan pelanggan dan pihak berkepentingan merupakan pengukuran penting yang dilaksanakan oleh FSPU. Mekanisma kaji selidik digunakan untuk mengukur tahap kepuasan pelanggan dan pihak berkepentingan. Bagi mendapatkan maklumat suara pelanggan, FSPU sentiasa berusaha meningkatkan tahap kepuasan mereka. Maklum balas dan aduan dari pelajar sentiasa diambil berat dan dibincangkan dalam pelbagai mesyuarat di FSPU seperti Mesyuarat Lembaga Akademik, Mesyuarat Ketua Program dan Mesyuarat Displin Pelajar. Data diambil secara kaedah manual dan juga elektronik. Berikut adalah data yang diambil:

Jadual 4.5: Kaedah Pengumpulan Data (Kaedah Manual dan Elektronik)

| Kaedah | Mekanisme |
|---|---|
| Manual | Majlis Perwakilan Pelajar<br>Taklimat |
| Elektronik | E- mail |

*Sumber: Pejabat Pentadbiran FSPU*

Sekiranya aduan itu didapati munasabah, tindakan penambahbaikan dilakukan. FSPU menitikberatkan pendekatan proaktif untuk mengenalpasti masalah pelajar melalui soal selidik yang dijalankan di peringkat fakulti dan Kajian Pengesanan yang dijalankan oleh Pusat Perancangan Strategik. Setiap maklumbalas akan disalurkan kepada pihak tertentu yang bertanggungjawab ke atas perkara tersebut.

### 4.1a (4) Keanjalan Sistem Pengukuran (*Agility/ Flexibility*)

Sistem pengukuran pencapaian yang dilaksanakan adalah sensitif kepada perubahan dalaman atau luaran. FSPU memahami bahawa KPInya perlu berubah mengikut perubahan aliran dalam industri dan juga perubahan aliran di peringkat global. Sistem pengukuran prestasi yang fleksibel digunakan untuk memastikan sistem ini mampu bertindak balas terhadap perubahan yang berlaku. Untuk memastikan pelaksanaan berterusan dan keberkesanan Sistem Pengurusan Kualiti

(SPK) FSPU, audit dalam dijalankan secara berkala setiap tahun. FSPU mempunyai pasukan audit dalam yang terlatih diketuai oleh Ketua Sistem Audit Dalam. Bagi memastikan sistem utama organisasi yang merangkumi penyediaan bahan pengajaran dan pembelajaran, proses pengendalian peperiksaan akhir dan proses pengendalian markah diberi keutamaan dalam pengauditan. Walau bagaimanapun, proses-proses lain turut dititikberatkan. Peratusan bagi setiap penandaan ketidakpatuhan audit semasa dan audit sebelumnya dibuat untuk melihat sama ada berlaku penurunan atau peningkatan dan seterusnya tindakan pembetulan atau penambahbaikan dilaksanakan.

Pengukuran prestasi kewangan turut dibuat berdasarkan KPI yang ditetapkan oleh Pejabat Bendahari yang merangkumi prestasi bayaran, prestasi perolehan, prestasi pendahuluan dan harta benda. Pejabat Bendahari akan menyediakan laporan berkala. Untuk pemantauan berterusan berdasarkan KPI yang telah disasarkan. Pengukuran prestasi kewangan turut dilaporkan dalam Laporan Audit Dalam sekali setahun dan Laporan Audit ISO Pejabat Bendahari UiTM setiap tahun. Hasil berasaskan kewangan dinyatakan dalam bahagian 7.0.

Pengukuran prestasi individu juga merupakan elemen pengukuran penting yang dititikberatkan oleh FSPU. Dalam memastikan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti, proses penilaian prestasi pensyarah dijalankan. Jawatankuasa Pemantauan Profesionalisma Pensyarah (PRO-PENS) telah dilantik bagi memantau tahap profesionalisma pensyarah semasa proses pengajaran dilakukan. Kriteria-kriteria pengukuran adalah seperti Jadual 4.6. Selain itu, prestasi pensyarah juga diukur menerusi SUFO, SKT dan juga semasa proses kenaikan pangkat.

Jadual 4.6: Pemantauan Prestasi Pensyarah Secara Berkala di FSPU

| Penilaian | Kekerapan pemantauan | Individu dipantau | Pemantau | Komponen Pengukuran |
|---|---|---|---|---|
| Kualiti pengajaran di bilik kuliah | Dijalankan sekali ke atas setiap pensyarah baru (mematuhi kehendak kursus KAP) | Pensyarah baru | Pembimbing/ Penyelia yang dipilih oleh pensyarah dinilai | Sahsiah rupadiri, Cara pengendalian kuliah |
| Semakan bahan pengajaran dan pembelajaran pensyarah | Setiap semester | Semua pensyarah | Ketua Pusat Pengajian/ Koordinator Kursus | Fail kursus, Portfolio Pengajaran |
| Pemantauan pensyarah di bilik kuliah | Setiap semester | Semua pensyarah dan dipilh secara rawak | Jawatankuasa yang dilantik | Keberadaan pensyarah, ketepatan masa, Penggunaan BI semasa kuliah, Sahsiah rupadiri pensyarah, Sahsiah rupadiri pelajar |

*Sumber: Pejabat Pentadbiran FSPU*

FSPU memastikan proses pengukuran prestasi sejajar dengan keperluan akademik serta hala tuju melalui penilaian pada setiap semester atau setiap tahun supaya KPI yang disasarkan selari dengan keperluan akreditasi dan peraturan semasa serta

selaras dengan keperluan operasi dan kewangan. Ini membolehkan pengesanan terhadap masalah dan seterusnya tindakan sewajarnya dapat dilaksanakan.

**4.1b Analisis dan Semakan Prestasi**

KPI yang disasarkan oleh Unit Perancangan Strategik FSPU sentiasa dinilai setiap semester melalui mekanisme kajiselidik, pemantauan dan audit. Analisis pencapaian dilaksanakan sebanyak sekali setahun. Data-data berdasarkan sasaran objektif kualiti dianalisis menggunakan menggunakan analisis deskriptif, analisis perbandingan dan juga analisis tren. Analisis deskriptif digunakan untuk menganalisa dan menyemak pencapaian KPI, objektif Kualiti dan perancangan strategik FSPU, analisis perbandingan diguna untuk membandingkan pencapaian FSPU dengan fakulti lain, serta analisis tren digunakan untuk menilai peningkatan atau penurunan prestasi dalam jangka masa tertentu.

Terdapat empat kriteria yang digunakan dalam semak semula KPI FSPU, iaitu sama ada ianya:

i. Konsisten dengan KPI UiTM keseluruhannya
ii. Bersesuaian atau harmonis (*consonance*) dengan aliran (*trend*) dalam industri
iii. Boleh dicapai (*achievable*)
iv. Memberi kebaikan (*advantageous*) dari segi daya saing.

Pengurusan Eksekutif, Akademik dan Pentadbiran FSPU terlibat secara langsung dalam proses semakan pencapaian semua objektif kualiti yang ditetapkan. Maklumat pencapaian KPI FSPU dan kemampuan organisasi diterima dalam bentuk laporan bertulis, laporan perbandingan, analisis data dan dibincangkan dalam Mesyuarat Akademik Fakulti, Mesyuarat Pusat Pengajian, Mesyuarat Peperiksaan dan Mesyuarat bersama Koordinator yang diadakan setiap semester dan Bengkel Perancangan Strategik FSPU yang diadakan setiap tahun.

Berdasarkan analisa objektif kualiti, ia dapat membantu FSPU menilai kekuatan perkhidmatan pengajaran dan pembelajaran yang telah ditawarkan. Oleh itu, program-program yang membantu pengajaran dan pembelajaran dan dianggap relevan diteruskan pelaksanaannya. Antaranya seperti program Kemahiran Insaniah, Misi Akademik, Sistem Penasihat Akademik, Sesi Kaunseling dan Kerjaya, *XPDC Career*, program Ke Arah Kecemerlangan Akademik (KACA) dan seumpamanya diteruskan pada setiap semester.

Dalam membuat analisis perbandingan, beberapa sumber data telah digunakan seperti Ringkasan Statistik Kajian Pengesanan Graduan UiTM/ FSPU, laporan mesyuarat, seminar, bengkel dan ulasan, kritikan dan cadangan membina oleh kakitangan akademik dan sokongan. Analisis pencapaian semasa berbanding pesaing terhampir turut dilaksanakan untuk menilai daya saing FSPU. Analisis juga dibuat dengan memilih fakulti yang mengamalkan amalan terbaik dalam elemen tertentu sebagai penanda aras untuk perbandingan. Data-data tahun semasa dan tahun terdahulu disimpan, dianalisa dan dibandingkan untuk melihat tahap, tren dan perbandingan unjuran prestasi. Semua sumber maklumat ini memberikan analisis

lengkap Fakulti termasuk penjajaran misi fakulti, perancangan strategik dan perlaksanaan, proses keberkesanan dan kecekapan, aliran prestasi dan jangkaan pihak berkepentingan.

### 4.1c Penambahbaikan Prestasi

FSPU menggunakan hasil semakan prestasi untuk mengenal pasti peluang penambahbaikan dan inovasi. Keutamaan adalah berdasarkan beberapa kriteria termasuk sokongan ke atas visi dan misi, jurang antara sasaran dan pencapaian, pencapaian pesaing terhampir dan amalan terbaik.

### 4.1c (1) Perkongsian Amalan Terbaik

Kerjasama antara pelbagai kumpulan kerja membantu menggerak dan melaksanakan proses penambahbaikan berkaitan KPI, seperti keberkesanan pengajaran dan pembelajaran, penggunaan teknologi dalam bilik kuliah, keselamatan pekerja dan proses kemasukan pelajar. Hasil penilaian KPI didokumentasi dan juga dibincangkan dalam pelbagai mesyuarat FSPU antaranya Mesyuarat Penyelidikan, Mesyuarat Peperiksaan dan Mesyuarat Pusat Pengajian. Ianya juga dibincangkan dengan Pemeriksa Luar dan wakil badan profesional. Terdapat pensyarah- pensyarah FSPU yang menjadi pemeriksa luar universiti lain dan ini membolehkan FSPU berkongsi pengalaman dan juga belajar dari pengalaman universiti yang terbabit. Jadual 4.7 menunjukkan Saluran Perkongsian Amalan Terbaik yang diterapkan dalam setiap aktiviti dan program di FSPU.

Jadual 4.7: Saluran Perkongsian Amalan Terbaik

| Saluran | Aktiviti/ program |
|---|---|
| Taklimat | Taklimat kepada semua Ketua Pusat Pengajian/ program/ unit |
| Bengkel | Perkongsian maklumat |
| Pembentangan | Hasil kertas penyelidikan pensyarah yang telah dibentangkan di seminar/ konferens akan dikongsi bersama dengan seluruh warga Fakulti di dalam satu kolokium |

*Sumber: Pejabat Pentadbiran FSPU*

FSPU menyediakan garis panduan dan proses penambahbaikan dengan mengambil kira data perbandingan terhadap hasil perkhidmatan utama untuk bertindak balas kepada perubahan terhadap pendekatan pengajaran dan pembelajaran, pelaksanaan amalan terbaik dan mengenal pasti cabaran dalam perkhidmatan akademik.

### 4.1c (2) Prestasi Masa Hadapan

Penambahbaikan prestasi turut dilaksanakan selepas proses analisis dan semakan dijalankan. Proses ini membantu FSPU mengenal pasti kelemahan seterusnya membuat tindakan pembetulan dan pencegahan. Sebagai contoh, FSPU merancang untuk bilangan pelajar pasca-siswazah. Ini adalah sejajar dengan keperluan MyRA

untuk mencapai status Universiti Penyelidikan di masa hadapan. Untuk merealisasikannya, beberapa langkah telah dikenalpasti seperti berikut:




Rajah 4.2: Inisiatif Bahagian Pasca-siswazah FSPU Dengan Menjemput Wakil Daripada Universiti Antarabangsa Bagi Berkongsi Kepakaran Dalam Mengembangkan Pembudayaan Penyelidikan Pasca-Siswazah




Gambar 4.1: Promosi Program Pasca-siswazah telah dijalankan di SACC Mall, Shah Alam pada 17 Mei 2014

Usaha untuk penambahbaikan prestasi ini dilaksanakan secara berterusan di FSPU mengikut keperluan semasa.

### 4.1c (3) Penambahbaikan Berterusan dan Inovasi

Keutamaan penambahbaikan, inovasi dan pelan tindakan disebar luas kepada seluruh warga FSPU dengan menggunakan pelbagai mekanisma komunikasi. Peluang yang terhasil dari penemuan kajian semula prestasi akan disebarkan kepada staf, pihak berkepentingan, pelajar dan juga orang awam melalui mesyuarat, perbincangan, bengkel, seminar, media cetak, dan sebagainya.

Dari segi fasiliti misalnya, penambahbaikan dilakukan dari masa ke semasa bagi meningkatkan kepuasan pelajar dan pengguna yang lain. Antaranya ialah penambahan ruang pembelajaran, peralatan AV di bilik kuliah, pemasangan kubikal dinding kalis bunyi di bilik kuliah, penambahan meja di makmal CAD, pemasangan CCTV, naik taraf dan penambahan ruang galeri, naik taraf kemasan lantai bilik pensyarah, penggunaan *swipe card* untuk makmal, dewan dan juga bilik utama.

Fakulti juga mengambilkira komen dari Pemeriksa Luar bagi menambahbaik prestasi. Sebagai contoh, apabila Pemeriksa Luar ataupun Majlis Akreditasi bagi Pusat Pengajian Senibina memberi komen mengenai kekurangan ruang studio, pihak Pusat Pengajian Senibina telah mengambil langkah proaktif dengan meminta Fakulti menambah lebih ruang pada semester yang berikutnya. Masalah ruang bagi program '*design-based'* ialah walaupun jumlah studio mencukupi, namun ruang pembelajaran untuk pelajar adalah sangat terhad. Penambahbaikan ini sentiasa dipantau dan disuarakan pada mesyuarat tertentu. Bangunan baru FSPU di kampus Puncak Alam yang akan beroperasi pada 2016 kelak dijangka dapat menyelesaikan masalah ini. Selain daripada itu, fakulti sentiasa memberi sokongan penuh terhadap setiap pusat pengajian terutama sekali berkenaan hal akreditasi dan validasi program. Pusat Pengajian Senibina misalnya telah melantik Profesor David Dernie dari *University of Westminster,* UK sebagai Pemeriksa Luar untuk memastikan prestasi program adalah dalam keadaan terbaik dan membantu dalam kelangsungan validasi *Royal Institute of British Architect* (RIBA) ke atas program Senibina di FSPU. Selain itu, bagi meningkatkan kualiti pengajaran pensyarah, fakulti amat menyokong dan memberi peluang para pensyarah untuk mengikuti kursus-kursus berkaitan terutamanya yang dijalankan oleh ILQAM.

Bagi meningkatkan mobiliti pelajar pula, pihak fakulti amat menyokong usaha untuk membawa pelajar mengadakan lawatan akademik, pertukaran pelajar, bengkel dan juga membuat latihan praktikal di luar negara. Ia amat penting untuk memberi pendedahan kepada pelajar, meningkatkan keyakinan diri mereka, sekaligus membuktikan pelajar FSPU boleh bersaing di peringkat antarabangsa. Fakulti juga memberi kemudahan kewangan bagi para pelajar yang ingin memasuki pertandingan, membentangkan kertas penyelidikan dan juga menyertai misi kemanusiaan di dalam dan luar negara.

Selain itu, pelbagai inovasi proses kerja telah dilaksanakan di FSPU untuk mencapai pelbagai matlamat seperti penjimatan kos dan masa seterusnya menjurus kepada penambahbaikan prestasi.

## 4.2 PENGURUSAN MAKLUMAT DAN ILMU

### 4.2a (1) Data, Maklumat dan Pengurusan Ilmu

FSPU mengutamakan ketepatan data dengan memastikan dokumen penting yang digunakan telah disahkan oleh Pihak Bertanggungjawab (PTJ) adalah terkini. Pendekatan ini diaplikasi dalam pengurusan data, maklumat dan pengurusan ilmu pengetahuan.

Ketepatan dan integriti data dipastikan dengan mendapatkan maklumat daripada orang yang arif dan bertanggungjawab mengenai maklumat tersebut. Sekiranya perlu, maklumat dikumpul daripada dua atau tiga sumber lain bagi tujuan semakan silang (*cross-checking).* Selain itu, untuk memastikan integiriti data, perlu dipastikan ianya tepat, lengkap dan terkini. Ia juga perlu boleh diakses pada bila- bila masa apabila diperlukan.

Jadual 4.8: Tatacara Data, Maklumat dan Pengetahuan Diuruskan

| Tujuan | Tatacara |
|---|---|
| Ketepatan | Dokumen adalah terkini. |
| Keselamatan dan kerahsiaan | Membuat salinan pendua data digital secara berkala Bilik khas dan peti besi berkombinasi sentiasa berkunci dan hanya boleh diakses oleh individu tertentu. Penggunaan login dan password untuk maklumat kepada pengguna yang diberi kuasa Surat aku janji . |
| Ketepatan masa | Memastikan maklumat yang disediakan mengikut kekerapan dan tempoh yang ditetapkan. |
| Integriti dan keboleh percayaan | Penyediaan maklumat secara berkala serta data dan maklumat dari sumber yang sah. |

*Sumber: Pejabat Pentadbiran FSPU*

Proses audit dijalankan secara berkala bagi memastikan ketepatan, integriti dan kebolehpercayaan. Audit Akreditasi berdasarkan *Malaysian Quality Framework* (MQF) dan badan-badan professional dilaksanakan untuk memastikan kebolehpercayaan dan ketepatan silibus supaya bertepatan dengan keperluan peraturan dan industri. Semakan kurikulum dilakukan setiap tiga (3) hingga lima (5) tahun. PTJ dipertanggungjawabkan untuk menyemak dan memastikan ketepatan data dalam skop tanggungjawab para akademia.

Perlaksanaan Audit Dalam sangat penting dalam mewujudkan *integrity* dan kebolehpercayaan. Ahli-ahli Jawatankuasa audit dalam telah dilantik dan dilatih untuk memantau prosedur mengurus proses audit dalam ini. Setiap maklumat penting yang diaudit mesti dipersetujui dan disahkan dalam mesyuarat pengurusan.

Untuk memastikan data dapat diperolehi pada waktu yang dikehendaki, fakulti menggunakan cara *Real-time Data Entry* dan meletakkan tarikh input, contohnya ialah markah peperiksaan dan penghantaran borang penyelidikan. Maklumat yang tidak sulit boleh diperolehi dari laman sesawang FSPU yang sentiasa dikemaskini dari masa ke semasa oleh Unit ICT FSPU. FSPU juga melantik koordinator-koordinator bagi mengumpul, mendokumentasi, menyebar dan menyimpan maklumat dari masa ke semasa. Mesyuarat rasmi dan tidak rasmi di FSPU

merupakan cara terpenting dalam mendapat dan menyalurkan maklumat kepada warga fakulti.

FSPU mempunyai seorang Penolong Pegawai Teknologi Maklumat yang bertanggungjawab terhadap sistem komputer FSPU bagi memenuhi keperluan semasa, penyelenggaraan sistem dan memberikan latihan serta bantuan teknikal kepada pengguna. Selain itu, semua juruteknik komputer FSPU telah dilatih untuk menangani dan mampu mengendalikan sistem jika berlaku kecemasan. Mereka juga perlu mematuhi semua jenis garis panduan, standard dan prosedur yang telah ditetapkan.

Data penting hanya boleh dikeluarkan dengan melalui permintaan bertulis samada melalui borang atau surat. Maklumat-maklumat sulit yang disimpan dalam komputer hanya boleh diperolehi dengan mendapatkan sistem kata laluan dan capaian terhad dari pegawai yang dipertanggungjawabkan bagi menyimpan maklumat tersebut. Data dan maklumat penting mengenai peperiksaan disimpan di dalam peti besi berkombinasi, manakala fail peribadi staf pula disimpan di dalam bilik khas.

### 4.2a (2) Data dan Kesediaan Maklumat

FSPU menguruskan pencapaian maklumat melalui pelbagai mekanisma. Pencapaian maklumat penting bagi memastikan aliran maklumat dicapai oleh semua staf. Penyebaran maklumat secara berperingkat penting bagi memastikan maklumat organisasi dipanjangkan ke seluruh bahagian fakulti. Pihak bertanggungjawab terhadap penyediaan dan penyebaran maklumat diperincikan dalam Jadual 4.9. Mekanisma yang digunakan adalah komunikasi, bahan bercetak dan media elektronik.

Jadual 4.9: Pihak Bertanggungjawab Terhadap Penyediaan Maklumat

| Maklumat | Pihak bertanggungjawab |
|---|---|
| Penyelidikan dan Inovasi | Unit Penyelidikan dan Jaringan Industri FSPU |
| Aktiviti kualiti dan anugerah | Jawatankuasa Kualiti FSPU |
| Prestasi HEA | Bahagian HEA FSPU |
| Prestasi HEP | Bahagian HEP FSPU |
| Sumber Manusia | Bahagian Pentadbiran FSPU |
| Prestasi kewangan | Pejabat Bendahari Zon 9 |
| Sumber maklumat pengajaran dan pembelajaran | Perpustakaan |
| Aduan dan maklum balas pelanggan | Bahagian Pentadbiran FSPU |
| Cadangan program baru, perancangan strategik | Unit Perancangan Strategik FSPU |

*Sumber: Pejabat Pentadbiran FSPU*

Pengendalian maklumat perlu mengambil kira beberapa langkah keselamatan, contohnya memastikan ianya sentiasa tepat dan lengkap dari masa ke semasa. Selain itu, pendedahan maklumat penting kepada pihak yang tidak berkenaan perlu dihalang.

Pihak Fakulti memastikan semua data dan informasi disediakan dalam pelbagai sumber seperti laman sesawang Fakulti, *I-Learn* dan manual fail- pusat pengajian, pentadbiran, kursus, portfolio pengajaran. Sebahagian besar data boleh diakses

melalui sistem atas talian oleh setiap staf, pelajar dan pihak lain yang berkepentingan. Maklumat khas pula boleh diperolehi melalui Ketua Pusat Pengajian/ Koordinator Kursus dan pegawai yang ditugaskan di pejabat pentadbiran. Setiap pusat pengajian dibekalkan sebuah *'external hard disk'* untuk menyimpan data- data penting dan adalah menjadi tanggungjawab Ketua Pusat Pengajian untuk memastikan ianya selamat.

Bagi memastikan data dan maklumat terkini selari dengan keperluan pendidikan dan seiring dengan perubahan teknologi dalam operasi organisasi, pihak fakulti mendapatkan nasihat daripada pemeriksa luar, panel penasihat industri dan profesor pelawat.

**4.2a (3) Pengurusan Pengetahuan**

Penyampaian dan perkongsian ilmu yang interaktif dikalangan staf dan academia dijalankan melalui pelbagai bentuk. Maklumat dan pengetahuan dapat dikongsi bersama di FSPU dengan semua staf, pelajar dan pihak berkepentingan melalui usaha- usaha berikut:

- Mendokumentasikan melalui penerbitan seperti Jurnal, laporan, kertas penyelidikan.
- Memasukkan maklumat ke dalam laman sesawang,
- Mengadakan seminar, syarahan terbuka, konferensi dan bengkel dalam dan luar negara,
- Melalui akses bank kertas soalan,
- E- mel UiTM,
- Papan pengumuman,
- Risalah,
- I-Learn,
- Portal pelajar,
- Facebook,
- Blog-blog persendirian,
- Sistem mentor-mentee (Penasihat Akademik),
- Perhubungan berterusan dengan pihak industri Alam Bina (latihan praktikal, latihan profesional, kerjasama penyelidikan, konsultasi/ perundingan projek, pertandingan)
- Perhubungan berterusan dengan Fakulti Alam Bina luar dan dalam Negara (MoU, pertukaran pelajar, bengkel dalam negeri dan antarabangsa, lawatan akademik, syarahan, Pemeriksa Luar) dan
- Perhubungan berterusan dengan warga alumni (dana, pendedahan pengetahuan dan teknologi).

**4.2a (4) Kesediaan Maklumat ketika Kecemasan**

FSPU menjamin data dan maklumat sentiasa berada dalam keadaan selamat sekiranya berlaku kecemasan. Kesemua data penting dan kritikal yang dikumpul di FSPU mempunyai salinan (*back up*) yang disimpan di tempat berasingan dari maklumat asal. Setiap koordinator bertanggungjawab mempunyai salinan individu bagi tujuan keselamatan dan mengelakkan kehilangan data. Sekiranya berlaku

kecemasan, salinan data boleh diperolehi dari pemacu, cakera padat dan salinan keras yang disimpan di tempat khas. Ini akan mengurangkan masa yang diperlukan bagi memulihkan data. Data penting dipindahkan secara berkala dan disimpan dalam bentuk salinan keras dan salinan digital.

Sebagai contoh, FSPU mewajibkan semua pensyarah untuk mempunyai salinan digital dan salinan keras keputusan peperiksaan pelajar. Bahagian Hal Ehwal Akademik juga menghantar peringatan berbentuk e-mail agar semua pensyarah menyimpan salinan digital keputusan itu di bilik operasi peperiksaan untuk memudahkan semua urusan.

Jika berlaku sebarang masalah yang di luar kawalan Fakulti, nombor telefon perunding komputer telah disediakan supaya mudah dihubungi. Ini kerana semasa berlaku kecemasan, kebolehsediaan perkakasan dan perisian sistem termasuk dalam kontrak dan menjadi tanggungjawab perunding komputer.

Penyelenggaraan komputer juga dilakukan secara berkala seperti mengemaskini perisian anti-virus dan lain-lain penyelenggaraan teknikal. *Student Information Management System* (SIMs) digunakan untuk merekod dan menyimpan maklumat pelajar secara digital. Ia adalah sebahagian daripada pelan mengintegrasi maklumat pelajar. Sistem ini digunapakai oleh semua PTJ dan aksesnya terhad kepada individu-individu tertentu bagi memastikan keselamatan data tersebut terjamin.

Kesimpulannya, FSPU memastikan data dan maklumat boleh dicapai bagi tujuan penilaian tahap pencapaian dan menambahbaik sistem pengurusan secara sistematik dan efisien.

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR 2015

# 5: FOKUS KEPADA TENAGA MANUSIA

## 5.1 PERSEKITARAN TENAGA MANUSIA

## 5.2 PENGLIBATAN TENAGA MANUSIA






## 5.0 PERSEKITARAN TENAGA KERJA

### 5.1a (1) KEUPAYAAN DAN KAPASITI TENAGA KERJA

Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur pada dasarnya adalah berteraskan Alam Bina yang terdiri daripada sepuluh (10) bidang pengajian bagi memenuhi keperluan industri dan badan profesional masa kini. Fakulti dibantu oleh 312 kakitangan akademik dan 60 kakitangan pentadbiran bagi memastikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan jayanya mengikut misi dan visi universiti.

Jadual 5.1: Jumlah Staf Akademik dan Pentadbiran Fakulti

| Kategori Sumber Manusia | Bilangan | Jumlah |
|---|---|---|
| Staf Akademik | - | 312 |
| a) Profesor | 9 | - |
| b) Prof Madya | 96 | - |
| c) Pensyarah Kanan | 104 | - |
| d) Pensyarah | 103 | - |
| Staf Pentadbiran dan Teknikal | - | 60 |
| Jumlah Keseluruhan | 312 | 372 |

Keupayaan dan kapasiti adalah keperluan yang dinilai di dalam fakulti berdasarkan input sepuluh (10) pusat pengajian yang membuat unjuran kemasukan pelajar bagi setiap program dan ianya perlu seiring dengan misi semasa UiTM. Keputusan secara kolektif di lakukan oleh ahli jawatankuasa eksekutif dan personel dari jabatan yang berkaitan di dalam menilai keperluan semasa fakulti. Personaliti dan kemahiran yang diperlukan dinyatakan dengan jelas di dalam deskripsi keperluan personel. Bagi pensyarah baharu, keperluan minima adalah sarjana berkaitan dengan teras pusat pengajian bersama-sama dengan pengalaman industri minima selama 2 tahun.

FSPU sentiasa membuat perancangan bagi meningkatkan jumlah staf yang mempunyai kelayakan profesional serta kelayakan PhD. Fakulti juga melantik pensyarah mengikut keperluan semasa berpandukan garispanduan universiti.

Jadual 5.2: Biasiswa Staf PhD (2013 – 2014)

| Tahun | Dalam Negara | Luar Negara | Jumlah |
|---|---|---|---|
| **2013** | 36 | 10 | 7 |
| **2014** | 10 | 7 | 17 |

Jadual 5.3: Jumlah Staf Akademik Yang Berdaftar Dengan Pertubuhan/ Badan Profesional

| Bil | Pertubuhan/Badan Profesional | Bilangan Pensyarah |
|---|---|---|
| 1 | Pertubuhan Perancang Malaysia | 13 |
| 2 | Pertubuhan Arkitek Malaysia | 10 |
| 3 | Pertubuhan Juruukur Malaysia | na |
| 4 | Pertubuhan Senibina Dalaman Malaysia | 15 |
| 5 | Institut Arkitek Landskap Malaysia | 9 |
| 6 | Lembaga Perancang Bandar Malaysia | 11 |
| 7 | Lembaga Arkitek Malaysia | 9 |
| 8 | Lembaga Juruukur Bahan Malaysia | 21 |
| 9 | Lembaga Juruukur Tanah Malaysia | 2 |
| 10 | Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Hartanah Malaysia | 7 |

| | | |
|---|---|---|
| 11 | Malaysian Instittue of Professional Property Managers | 22 |
| 12 | Charted Institute of Building (CIOB) | 11 |
| 13 | Royal Institution of Chartered of Surveyors (RICS) | 52 |

**na – not applicable*

### 5.1a (2) Pencapaian Tenaga Kerja

Pencapaian tenaga kerja dicapai melalui struktur organisasi yang di bentuk bagi menghadapi perubahan dan cabaran di dalam dan di luar pasaran. Struktur organisasi terdiri daripada dua bahagian utama iaitu pentadbiran dan akademik. Bahagian Pentadbiran dibahagikan kepada Bahagian Pentadbiran, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Bahagian Hal Ehwal Akademik dan juga Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri. Pentadbiran akademik di bahagikan kepada sepuluh (10) pusat pengajian.

Terdapat ahli jawatankuasa di dalam fakulti bagi melihat isu – isu berkaitan FSPU seperti kebajikan staf, akreditasi serta aktiviti pelajar. Bagi menghadapi cabaran dan pembangunan FSPU masa hadapan, bengkel perancangan strategi dilaksanakan setiap tahun dengan melibatkan staf pentadbiran dan wakil setiap pusat pengajian. Perancangan strategik ini akan dinilai setiap tahun bagi memastikan ianya dapat mencapai KPI yang ditetapkan.

Penambahbaikan berterusan memerlukan sistem organisasi yang dibentuk untuk menyokong dan menggalakkan peluang kepada tenaga kerja untuk berkembang dan belajar menerusi fakulti di dalam memastikan pembangunan staf menyokong pelan strategi FSPU. Kesemua aktiviti pembangunan staf di FSPU perlulah seiring dengan misi dan visi FSPU, begitu juga dengan prestasi pelajar yang seharusnya seiring dengan misi FSPU. Setiap inisiatif pembangunan staf akan di nilai samada ianya seiring dengan objektif fakulti.

### 5.1a (3) Pengurusan Perubahan Tenaga Kerja

Pengurusan perubahan tenaga kerja adalah penting di dalam menyesuaikan keperluan dan kesinambungan keperluan universiti. Perlantikan staf baru adalah melalui input daripada setiap ketua pusat pengajian di dalam fakulti dan seharusnya ianya seiring dengan perancangan strategik fakulti. Staf akademik yang telah lama berkhidmat layak untuk mengambil cuti sabatikal sebagai satu insentif bagi mengekalkan motivasi disamping memperolehi masa untuk melakukan aktiviti akademik saperti menulis buku, menjalankan penyelidikan bersama industri atau memberi khidmat rundingan di agensi luar. Cuti sabatikal kurang dari tiga (3) bulan diuruskan oleh pihak Fakulti sementara yang melebihi tiga (3) bulan dimajukan ke Bahagian Pengurusan Sumber Manusia. Staf akademik yang baru berkhidmat disyaratkan untuk mengikuti latihan industri selama enam (6) hingga dua belas (12) bulan untuk menimba pengalaman serta mendalami pengetahuan amali dalam bidang profesional masing-masing. Selain itu, staf sokongan juga di galakkan untuk menjalani latihan bagi tujuan kenaikan pangkat dengan pengalaman serta kelayakan yang diperlukan.

Selain itu pensyarah-pensyarah di FSPU juga amat digalakkan untuk menjadi ahli pertubuhan profesional dalam bidang masing-masing. Yuran keahlian tahunan di dalam pertubuhan profesional dibayar oleh pihak UiTM melalui Pejabat Bendahari.

Di dalam menghasilkan graduan yang berkualiti, perlaksanaan OBE dan *penggunaan I-Learn* di utilisasikan secara efektif, di mana staf akademik dikehendaki menggunakannya di dalam pengajaran dan pembelajaran pelajar. *I-Learn* digunakan sebagai medium komunikasi dan berinteraksi dengan pelajar dengan kapasiti yang lebih besar. Adalah penting untuk menilai kehendak dan keperluan pelajar sebelum membangunkan setiap strategi pembelajaran.

### 5.1b Iklim Persekitaran Tenaga Kerja

### 5.1b (A) Persekitaran Tempat Kerja

Bagi menampung keperluan staf seramai 376 orang dan jumlah pelajar lebih kurang 5000 orang, ruang kerja dan pengajaran yang kondusif diperlukan. FSPU mempunyai dua (2) bangunan utama iaitu FSPU 1 adalah di Kompleks Tahir Majid yang menampung tujuh (7) pusat pengajian dan FSPU 2 adalah di Menara Sultan Abdul Aziz Shah yang menampung 3 pusat pengajian. Selain itu FSPU turut menyediakan infrastruktur yang selesa seperti perpustakaan fakulti, ruang rehat pensyarah dilengkapi dengan komputer dan mesin cetak, dan juga kafetaria. Kafetaria turut mengasingkan ruang duduk antara pelajar dan staf.

Aspek keselamatan amat dititiberatkan di dalam fakulti dan diterjemahkan melalui pembentukan jawatankuasa keselamatan secara berterusan di dalam fakulti. Selain itu, prosedur keselamatan di dalam bengkel juga telah di dokumentasikan di dalam manual pentadbiran FSPU dan boleh di rujuk pada bila-bila masa. Aspek keselamatan amat dititikberatkan di FSPU kerana terdapatnya pelajar Pasca Siswazah yang menghadiri kelas malam dan kedapatan juga pensyarah yang mengajar Pelajar Luar Kampus (PLK) di hujung minggu. Untuk tujuan itu, CCTV telah dipasang di semua blok untuk tujuan keselamatan staf dan juga harta benda. Selain CCTV, semua bilik komputer, perpustakaan dan juga bilik pensyarah dilengkapi dengan grill keselamatan.

Khidmat Polis Bantuan UiTM turut ditempatkan di pintu masuk ke bangunan FSPU untuk mengawal keselamatan fakulti secara giliran bagi memastikan sistem kawalan keselamatan sentiasa terjamin. Tempat letak kereta turut dilengkapi dengan sistem berpalang di FSPU. Pengukuran prestasi dan matlamat penambahbaikan bagi setiap keperluan staf turut diukur dengan kepentingan jawatan seperti kenaikan pangkat.

Staf pentadbiran FSPU turut terlibat dalam usaha penambahbaikan. Penglibatan mereka melalui ahli jawatankuasa pembangunan dan penyelenggaraan, penyelenggaraan bangunan am, rancangan penempatan/ pembesaran/ peruntukan ruang pejabat, ruang landskap (termasuklah penjagaan tambahan dan kawasan letak kereta), penglibatan jawatankuasa imej dan promosi, aktiviti gotong-royong dan tabung aktiviti FSPU Shah Alam.

Selain itu, jawatankuasa imej dan promosi turut berfungsi memperbaharui laman sesawang FSPU. Jawatankuasa ini turut mengemaskini maklumat terkini setiap pusat pengajian seperti data ketua program, gambar staf, kepakaran setiap pensyarah dan nombor serta alamat yang boleh dihubungi.

## 5.2 PENGLIBATAN TENAGA KERJA

### 5.2a Prestasi Tenaga Kerja

#### 5.2a (1) Unsur-Unsur Penglibatan

Pengukuran prestasi kerja staf akademik adalah berdasarkan tiga kriteria iaitu:

i) Pengajaran dan penyeliaan
ii) Penyelidikan
iii) Kepimpinan akademik

Berdasarkan kriteria di atas, pencapaian staf akademik akan boleh dinilai melalui markah prestasi tahunan. Markah tersebut boleh dijadikan sebagai rujukan untuk menunjukkan samada tenaga kerja berada ditahap yang memuaskan, baik atau tidak.

#### 5.2a (2) Budaya Organisasi

Bagi mengalakkan keharmonian bekerja dan komunikasi di FSPU, pendapat dan komen daripada staf pentadbiran dan akademik boleh disalurkan samada melalui komunikasi terbuka atau menggunakan e-mail.

#### 5.2a (3) Pengurusan Prestasi

Proses penilaian di dalam mencapai tahap antarabangsa dan prestasi staf yang cemerlang merupakan elemen yang kritikal kepada fakulti. Sehubungan dengan itu, team pengurusan iaitu KPP dan profesor bertanggungjawab di dalam menilai borang prestasi tahunan. Proses bermula dengan menilai SKT staf dan juga maklumbalas SUFO yang digunakan sebagai elemen penambahbaikan prestasi bagi setiap staf. Mekanisma dan bukti peningkatan pembelajaran di jelaskan di dalam SKT staf. Jadual di bawah menunjukkan SKT pada tahun 2011 – 2014.

Jadual 5.4: Prestasi Staf (2011 – 2014)

| Selang Markah | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 |
|---|---|---|---|---|
| **70 – 79%** | 20 | 16 | 10 | 9 |
| **80 – 89%** | 224 | 243 | 266 | 211 |
| **90 – 100%** | 105 | 81 | 68 | 62 |

Staf pentadbiran dinilai melalui keupayaan di dalam melaksanakan sistem (unit, fakulti, pusat pengajian) bagi mencapai visi dan misi fakulti. "*staff compensation*" dan pengiktirafan adalah komponen asas di dalam prestasi staf. Sebagai contoh insentif

kepada staf diberikan seperti anugerah, bonus dan surat dan sijil penghargaan. Secara khususnya insentif ini adalah bertujuan untuk membangunkan kemahiran dan motivasi bagi mencapai prestasi yang ditetapkan.

### 5.2b Penilaian Penglibatan Tenaga Kerja

### 5.2b (1) Penilaian Penglibatan

Penilaian terhadap penglibatan sumber tenaga manusia di FSPU boleh dibuat secara formal dan tidak formal. Penilaian secara tidak formal dibuat melalui bimbingan dan nasihat dan juga program mentor-mentee. Mesyuarat Akademik adalah salah satu contoh penilaian formal yang dibuat, dimana staf akademik dapat meluahkan rasa tidak puas hati atau memberi pendapat mereka, dengan harapan isu yang dibangkitkan dapat diselesaikan oleh FSPU. Selain itu SuFO secara talian juga diguna pakai untuk kategori penilaian secara formal oleh pelajar. Pelajar dapat menilai subjek yang dipelajari selama satu semester dan turut merangkumi aspek lain seperti kefahaman, keadaan fizikal kelas dan juga tenaga pengajar. Selain itu, FSPU juga menjalankan pemantauan profesionalisma pensyarah (PRO-PENS) pada setiap semester bagi menyokong penilaian SUFO yang dinilai oleh pelajar. Keputusan SKT turut menyatakan latihan yang diperlukan oleh setiap staf FSPU sepanjang tahun. Program mentor-mentee juga dilaksanakan bagi membantu pensyarah muda di dalam memastikan kecermelangan akademik. Selain itu, di dalam menangani ketidakhadiran staf dan tekanan kerja, jawatankuasa kaunseling staf (Jawatankuasa PERASA) bagi melihat permasalahan semasa dan juga menasihati staf berpandukan cadangan ke atas tindakan disiplin ke atas mereka.

Jadual 5.5: Laporan Penilaian Pemantauan Staf Akademik FSPU (2013 – 2014)

| Semester | Bilangan Pensyarah Terlibat | Jumlah Pensyarah | Peratusan Pensyarah Terlibat | Purata Skor |
|---|---|---|---|---|
| **Mac – Julai 2013** | 59 | 318 | 18% | 88.58% /  Sangat Baik |
| **Sept 2013 – Jan 2014** | 52 | 265 | 19.62% | 88.80% / Sangat Baik |
| **Mac – Jun 2014** | 55 | 264 | 20.835 | 90.62%/ Cemerlang |

### 5.2c Pembangunan Pimpinan dan Tenaga Kerja

### 5.2c (1) Latihan dan Pembangunan Staf

FSPU sentiasa memberikan galakan dan peluang bagi semua kakitangan dalam mempertingkatkan pengetahuan kemahiran dan kompetensi melalui latihan dan program-program pembangunan insaniah seiring dengan visi dan misi FSPU. FSPU amat mengalakkan staf untuk menghadiri kursus dan latihan yang di anjurkan di peringkat fakulti dan universiti bagi meningkatkan kompetensi mereka. Peningkatan pengetahuan melalui latihan akan dapat membantu kakitangan dalam menjalankan tanggungjawab harian sebagai ahli akademik dan pentadbiran secara lebih efektif, professional, kooperatif dan kolaboratif.

Di peringkat fakulti, latihan dan kursus berkaitan penyediaan cadangan penyelidikan bagi dana - dana penyelidikan, seminar di peringkat fakulti di kendalikan oleh unit pengurusan penyelidikan (*Research Management Unit*). Selain itu, pensyarah juga di galakkan untuk melibatkan diri di dalam kursus jangka pendek dan latihan industri bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran. Di dalam menggalakkan budaya inovasi berkembang di kalangan staf akademik, FSPU menganjurkan pertandingan inovasi (IID) pada setiap tahun dan setiap pemenang akan di pilih mewakilkan fakulti di pertandingan tersebut pada peringkat universiti.

Pemindahan pengetahuan merupakan amalan yang berterusan di laksanakan di peringkat fakulti. Kakitangan akademik yang membentangkan kertas kerja mereka di seminar atau konferensi yang berimpak tinggi akan diminta melakukan pembentangan semula kertas kerja tersebut dilakukan di fakulti bagi membolehkan kakitangan lain berpeluang berkongsi ilmu dan mengaplikasikannya dalam bidang tugas mereka. Selain itu, kerja-kerja perundingan juga di galakkan di kalangan staf bagi mendapatkan input-input terbaru daripada industri bagi memastikan kursus yang dilaksanakan relevan dengan keperluan industri.

### 5.2c (2) Keberkesanan Latihan dan Pembangunan

Proses latihan dan pembangunan di kalangan staf pentadbiran telah dijelaskan sebelum ini di mana secara umumnya staf perlu mengikuti polisi universiti iaitu mewajibkan kehadiran latihan sebanyak 42 jam setahun bagi meningkatkan kompetensi kakitangan. Bagi staf yang mempunyai jam latihan yang kurang daripada 42 jam, surat peringatan akan dikeluarkan secara berkala bagi memastikan staf dapat mencapai jam minimum pada akhir tahun. Selain itu, bagi staf yang mempunyai prestasi yang rendah, fakulti membuat pendekatan pertukaran tempat bekerja di bawah pengurusan Penolong Pendaftar dan ianya terbukti dapat meningkatkan prestasi staf tersebut.

Jadual 5.6: Laporan Pengurusan Latihan FSPU (2013 – 2014)

| **Tahun** | **Lebih 42 Jam** | | **Kurang 42 Jam** | | **Bilangan Staf** |
|---|---|---|---|---|---|
| | Bil | % | Bil | % | |
| **2013** | 203 | 68.81% | 93 | 21.19% | 295 |
| **2014** | 225 | 72.58% | 71 | 22.90% | 310 |

### 5.2c (3) Peningkatan Kerjaya

Terdapat usaha yang berterusan di dalam memastikan peningkatan kerjaya di kalangan staf di dalam menghadapi cabaran-cabaran secara berterusan. Secara umumnya staf di kehendaki untuk memenuhi latihan sebanyak 42 jam setahun. Selain itu, staf yang mempunyai kelayakan profesional memerlukan mata jam *Continuous Professional Development (CPD)* seperti yang dikehendaki oleh badan professional masing-masing. Setiap pusat pengajian melalui ketua pusat pengajian akan memastikan pensyarah-pensyarah muda untuk berdaftar dengan badan profesional. Ianya juga di jadikan sebahagian kepada kriteria kenaikan pangkat di peringkat fakulti.

## 5.3 Penutup

Pengurusan sumber manusia di FSPU memberikan penekanan kepada pendekatan yang strategik selaras dengan visi, misi dan objektif fakulti dan UiTM. Pendekatan ini akan menghasilkan kesan yang positif kepada organisasi melalui pemilihan kakitangan, peluang latihan kerjaya, program latihan yang sistematik, bersepadu serta berkesan. Selain daripada itu penyeliaan, motivasi dan penghargaan daripada peringkat yang lebih tinggi akan dapat dilaksanakan secara efektif. Pengurusan sumber manusia sebagai aset yang paling bernilai amat penting dilaksanakan demi menghadapi persaingan sengit di era globalisasi dan kecanggihan teknologi.

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR 2015

# 6: FOKUS KEPADA OPERASI

## 6.1 SISTEM KERJA

## 6.2 PROSES-PROSES KERJA






## 6.0 FOKUS KEPADA OPERASI

Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur mempunyai penawaran program akademik yang berdaya saing dan berketrampilan dengan penawaran progam pengajian "*studio-based*" dan "*non-studio based*" berbentuk sarjana muda, sarjana dan ijazah doktor falsafah yang ditawarkan oleh 10 pusat-pusat pengajian dan pusat pasca siswazah. Program-program *"studio based"* adalahi senibina, perancangan bandar, senibina landskap, dan senibina dalaman. Manakala "*non-studio"* adalah program pembinaan bangunan, harta tanah, jurukur bahan, juruukur tanah, sains geomatik, pengurusan taman dan sains geomatik. Kepelbagaian program alam bina di fakulti adalah kekuatan fakulti dalam menyumbang pembangunan negara. Kepelbagaian program juga untuk memastikan keperluan dan kehendak pasaran ditepati melalui sistem pengurusan dan penambahbaikan sistem kerja yang dilakukan secara berterusan selaras dengan matlamat dan objektif yang ditetapkan oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM).

### 6.1 Sistem Kerja

Sistem kerja fakulti dibentuk bagi memenuhi keperluan operasi di peringkat pentadbiran dan akademik sejajar dengan peruntukan di bawah manual prosedur kualiti fakulti. Proses sistem kerja fakulti ditentukan melalui 3 pecahan utama pengurusan fakulti iaitu peringkat pengurusan tertinggi, jawatankuasa akademik fakulti dan jawatankuasa bertindak di setiap pusat pengajian sebagai saluran perbincangan dan penyampaian maklumat serta memastikan keperluan setiap program dipenuhi dan sejajar dengan objektif dan matlamat fakulti. Mesyuarat Pusat Pengajian dan Jawatakuasa Akademik dan Mesyuarat Fakulti merupakan ruang penyampaian maklumat dan ruang komunikasai antara staf, pelajar dan pihak pengurusan Fakulti.

Rajah 6.1 menunjukkan proses pengurusan pentadbiran akademik fakulti:




Rajah 6.1: Pengurusan Pentadbiran Akademik Fakulti

Bagi memantapkan pengurusan akademik fakulti, Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF) bersama 4 pecahan jawatankuasa utama iaitu Mesyuarat Ketua Pusat Pengajian dan Koordinator Kursus, Jawatankuasa Kecil Kurikulum Fakulti, Jawatankuasa Kecil Pengurusan Akademik dan Jawatankuasa Kecil Akademik Pengajian Siswazah dibentuk bertindak untuk mengurus, merancang strategi dan membincangkan isu-isu berbangkit. Di bawah Jawatankuasa Kecil Pengurusan Akademik, terdapat 9 pecahan koordinator dibentuk bagi menguruskan hal-hal yang lebih spesifik iaitu Koordinator Jadual Waktu Kuliah dan Ruang, Koordinator Kurikulum dan OBE, Koordinator Misi Akademik, Koordinator Pemilihan Buku, Koordinator i-Learn, Koordinator Pemantauan Pensyarah, Koordinator Penyediaan Kertas Soalan, Koordinator Pengendalian Peperiksaan dan Koordinator Latihan

Praktik Jabatan keseluruhan dapat dilaksanakan. Rajah 6.2 menunjukkan proses pengurusan akademik di peringkat fakulti dan pusat pengajian.




Rajah 6.2: Proses Pengurusan Akademik Secara Keseluruhan

## a) Pengurusan Sistem Kerja

Sistem kerja fakulti dikaitkan dengan kompetensi teras melalui tiga proses utama terdiri daripada proses pengajaran dan pembelajaran, proses pembangunan akademik, kebajikan dan proses kendiri pelajar. Keunikan Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur adalah menjalankan pelbagai progam berteraskan "*non-studio based'* dan "*studio based*" yang memerlukan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang komprehensif iaitu membekalkan pelajar dari kepelbagaian medium penyampaian ilmu seperti rajah 6.3 di bawah:




Rajah 6.3: Proses Pengajaran dan Pembelajaran

Modul pengajaran dan pembelajaran bagi setiap pensyarah dikemaskinikan di dalam fail portfolio pengajaran dan kerja kursus. Bertepatan dengan kehendak semasa, FSPU juga tidak ketinggalan di dalam penggunaan teknologi seperti portal *i-learn* yang telah digunakan pensyarah FSPU untuk mengendalikan kursus, menyampai maklumat pengajaran dan pembelajaran di samping dapat memberi maklumat secara lebih berkesan. Pelajar boleh mengakses nota pelajaran di dalam sistem tersebut. Selain dari itu pensyarah juga digalakan menggunakan applikasi sistem lain seperti sistem pesanan ringkas, komunikasi secara kumpulan seperti penggunaan *whatsapp* atau *facebook* untuk mudah dihubungi oleh pelajar.

Keunikan program di fakulti ialah ia mempunyai program yamg menerima Akreditasi dan pengiktirafan dari badan-badan professional dalam dan luar negara seperti Lembaga Arkitek Malaysia, Lembaga Perancang Malaysia, Lembaga Senibina Landskap dan Juruukur professional. Kedatangan berkala badan-badan ini memantau perjalanan progam di Fakulti. Selain daripada itu lawatan profesor tersohor dalam dan luar negara juga meningkatkan mutu akademik program yang ditawarkan dengan proses pembaikan yang berterusan hasil input yang diberikan. Pengiktirafan ini juga akan dinilai semula setiap lima tahun, dan proses penambahbaikan berterusan berlaku.

Panel industri juga memainkan peranan dalam mengarusperdanakan silibus dan mengikuti perkembangan akedemik yang kotemporari. Panel industri merupakan profesional yang bergiat cergas dan aktif dalam bidang mereka, dan akan terus menglibatkan diri dalam membentuk dan memberi maklumat terkini kepada pelajar.

Bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran, fakulti telah mengenalpasti kehendak aspek yang mengambilkira keperluan di peringkat fakulti, pensyarah dan pelajar seperti di dalam Rajah 6.4:




Rajah 6.4: Aspek Pembelajaran yang Memenuhi Keperluan Pasaran Kerja

Bagi memantapkan pelaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran, fakulti menggunakan 6 kaedah utama iaitu melalui aplikasi pelan pengajian, penyemakan dan penambahbaikan silibus, *course outline*, *scheme of work*, keperluan OBE dan memenuhi keperluan akreditasi. Selain itu fakulti juga turut mengadakan sistem penasihat akademik bagi setiap pelajar dan khidmat kaunseling di mana fungsi utama adalah untuk memantau dan membantu pelajar dari sudut pembelajaran. Proses pengajaran dan pembelajaran di fakulti mengambilkira perkembangan terkini dalam bidang maklumat. Sejajar dengan itu, pensyarah digalakkan untuk mengambil latihan berkaitan teknologi maklumat, program e-learning, kursus perisian terkini dan latihan yang ditawarkan oleh iLQAM bagi menambah kebolehan pensyarah di dalam bidang keperluan semasa. Keperluan latihan bagi setiap pensyarah juga telah disyaratkan oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM) untuk mencapai KPI latihan dengan menghadiri kursus dalaman dan luar sebanyak 42 jam setahun bagi meningkatkan kompetensi pensyarah dan secara tidak langsung akan meningkatkan prestasi kualiti pengajaran dan pembelajaran malah perkhidmatan yang lain (Rajah 6.5).




Rajah 6.5: Proses Kelestraian Kakitangan Akademik

FSPU sangat komited di dalam menyalurkan kaedah pembelajaran yang bersesuaian dan memberikan ilmu yang bertepatan dengan keperluan pasaran kerja. Kaedah jemputan ahli industri ke fakulti atau ke pusat pengajian untuk memberi siri ceramah atau taklimat berkaitan dengan bidang kursus dapat memberikan gambaran sebenar keperluan industri kepada pensyarah dan pelajar. Selain itu, pihak fakulti sentiasa menggalakkan staf menjalinkan hubungan baik dengan pihak industri bagi memastikan bahan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas adalah sejajar dengan keperluan industri dan di samping itu dapat mewujudkan ruang penyelidikan antara pensyarah dan pihak industri. Fakulti juga membuka peluang untuk pensyarah melibatkan diri untuk latihan industri secara jangka pendek untuk meningkatkan kefahaman dan kemahiran pensyarah.

**b) Kebersediaan Menghadapi Kecemasan**

Situasi kecemasan yang dijangkakan meliputi perkara hal akademik, keselamatan dan kesihatan.

**(1) Hal Akademik**

Dalam hal akademik, situasi yang diambilkira adalah perkara yang melibatkan urusan peperiksaan contohnya di dalam transisi ketiadaan pensyarah akibat sakit atau cuti kecemasan. Dalam keadaan ini, pihak FSPU menyediakan bank soalan peperiksaan yang boleh digunakan sebagai kertas soalan kecemasan. Bagi menepati keperluan kecemasan hal akademik, setiap pensyarah disaran untuk menghantar kertas peperiksaan kecemasan dan disimpan di dalam bank peperiksaan.

Selain itu bagi pensyarah yang tidak dapat hadir untuk pengawasan peperiksaan, pihak fakulti juga telah menyenaraikan pensyarah yang perlu untuk mengambil alih tugas tersebut. Bagi pelajar sakit semasa peperiksaan pula, fakulti juga mengambil sikap bersiap sedia untuk menghadapi situasi tersebut seperti menyediakan bilik khas untuk pelajar menjalani peperiksaan dan menghantar pengawas di pusat kesihatan di mana pelajar tersebut terlibat di dalam peperiksaan.

**(2) Keselamatan dan Kesihatan**

Pihak fakulti telah menubuhkan Ahli Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan (SOSCHo) pada tahun 2012 selaras dengan matlamat UiTM seperti carta alir di bawah:




Rajah 6.6: Carta Alir Ahli Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan (SOSCHo)

Jawatankuasa telah pun didedahkan berkenaan penerapan berhubung dasar dan pelaksanaan sistem kawalan keselamatan dan perlindungan di fakulti. Antara langkah-langkah yang telah dan berterusan dilaksanakan ialah:

- Penggunaan borang laporan kejadian kes,
- Rondaan malam oleh bahagian keselamatan dengan kerjasama polis bantuan,
- Membuka dan menutup pintu pejabat pentadbiran FSPU,
- Menghebahkan langkah keselamatan melalui email staf bagi cuti panjang contoh cuti hari raya,
- Staf perlu mengisi surat kebenaran untuk membawa keluar barangan peribadi (contoh perabot),
- Surat peringatan diberikan oleh dekan FSPU sebagai ingatan untuk mematuhi arahan memastikan keselamatan bilik/studio bagi setiap kelalaian dan kecuaian dan;
- Surat tunjuk sebab akan diminta oleh dekan FSPU sekiranya kecuaian berulang semula atau melibatkan kes sensitif.

Bagi memantapkan pengetahuan berkenaan keselamatan dan kesihatan, pihak fakulti juga telah menghantar semua ahli jawatankuasa untuk menghadiri kursus '*Hazard Identification and Risk Assessment'* (HIRARC) pada 6 November 2013. Selain daripada itu, ketua jawatankuasa perlu membentangkan laporan kemajuan KKP berkenaan laporan kemalangan dan kesihatan di peringkat universiti.

Kesediaan terhadap ancaman kebakaran pula ditangani dengan melengkapkan fakulti dengan peralatan cegah kebakaran seperti *sprinkler*, *hose reel* dan alat pemadam kebakaran. Unit penyelenggaraan, fakulti juga menjalankan pemeriksaan peralatan secara berkala bagi memastikan semua peralatan berfungsi dengan baik.

## 6.2 PENGURUSAN PROSES KERJA

Prosedur Kualiti telah diguna pakai di FSPU dalam pelaksanaan dan pengurusan proses kerja.

### a) Pengurusan Proses Kerja

Pengurusan proses kerja di FSPU menepati keperluan proses utama melalui proses pembelajaran secara pematuhan kepada jadual waktu kuliah, kurikulum, silibus dan fail kursus. Pemantauan pelaksanaan peraturan turut dijalankan dari masa ke semasa agar objektif FSPU dapat dicapai secara keseluruhan.

FSPU mengaplikasikan *mod blended learning* bagi mengurangkan sebahagian jam bersemuka dan perlaksanaan pengajaran dan pembelajaran secara atas talian menggunakan i-learn. Blended learning ini bertujuan untuk menambahbaik proses pengajaran dan pembelajaran. Sebanyak 30% daripada keseluruhan silibus bagi setiap program sarjana muda diperuntukan untuk diaplikasikan secara *blended learning*. Seramai 49 orang pensyarah telah mendaftar bagi *mod blended learning* sepanjang tempoh Semester September-Januari 2014 yang mana melibatkan 43 kod kursus. Pada tahun 2014 seramai 4,884 orang pelajar FSPU menggunakan i-Learn bagi tujuan pembel orang pelajar FSPU menggunakan i-Learn bagi tujuan pembelajaran dan bilangan pensyarah yang menggunakan mod ini sebagai medium pengajaran adalah seramai 197 orang.

### (1) Pelaksanaan Proses Kerja Utama

### a) Mekanisme Pengukuran

Mekanisma pengukuran utama yang digunakan bagi mengawal dan menambahbaik proses adalah melalui:

a) Objektif FSPU
b) Piagam Pelanggan
c) Key Performance Indicator (KPI)
d) Sasaran Kerja Tahunan (SKT)

Jadual 6.1: Pencapaian Objektif Fakulti

| Objektif FSPU | Pencapaian objektif FSPU | Piagam Pelanggan |
|---|---|---|
| Mencapai pertambahan peratusan bilangan pelajar tamat pengajian dengan CGPA 3.50 ke 10% | Dicapai iaitu 11.03% | |
| Memastikan sekurang-kurangnya 85% pelajar sepenuh masa lulus dalam tempoh yang ditetapkan | | Pelajar akan memperolehi kelulusan akademik dalam Alam Bina yang diiktiraf oleh kerajaan dan badan professional serta menepati keperluan industri. |
| | | Pelajar akan memperolehi pengijazahan dalam tempoh yang ditetapkan setelah memenuhi semua syarat. |
| Meningkatkan peratusan tenaga pengajar dengan kelayakan PhD kepada 60% dan kelulusan professional kepada 40% pada tahun 2020. | 78 daripada 288 pensyarah berkelulusan PhD (27%) | Industri akan memperolehi professional yang efektif dalam alam bina melalui kerja-kerja penyelidikan dan perundangan. |
| Memastikan fakulti mendapat geran penyelidikan sebanyak RM1 juta setiap tahun | | |
| Mencapai penglibatan staf akademik dalam bidang penulisan dan penerbitan ilmiah/kerja kreatif pada kadar purata satu per staf akademik setiap tahun. | Buku: 6<br>Bab dalam buku: 11<br>Artikel Jurnal: 46<br>Prosiding: 156<br>Penerbitan am: 17 | |
| | | Pelajar akan memperolehi perkhidmatan yang menyokong pengajaran dan pembelajaran dalam persekitaran kondusif. |
| | | Kerajaan akan memperolehi sumber tenaga terlatih berasaskan teknologi dalam Alam Bina selaras dengan wawasan negara. |
| | | Fakulti yang sentiasa menerajui perkembangan di bidang Sains dan Teknologi dan mengamalkannya. |
| | | Fakulti yang prihatin terhadap kesejahteraan sejagat. |

Mekanisma pengukuran utama melibatkan objektif FSPU dibincangkan di dalam Mesyuarat Lembaga Akademik Fakulti (LAF) dan Mesyuarat Ketua Program. Melalui mesyuarat ini tindakan susulan akan dilaksanakan sekiranya terdapat objektif yang tidak tercapai.

Jadual 6.2: Pengukuran Utama

| KPI Universiti | Pencapaian Fakulti | Justifikasi |
|---|---|---|
| **Bilangan Kegagalan kursus <25%** | 6 Kursus | Tidak Mencapai KPI |
| **HPNG Pelajar Graduat Melebihi 3.5 > 5%** | 11.03% | Mencapai KPI |
| **Pelajar Gagal <3%** | 1.31% | Mencapai KPI |
| **Anugerah Naib Canselor >1%** | 1.81% | Mencapai KPI |
| **Anugerah Dekan >10%** | 11.18% | Mencapai KPI |

Bagi mekanisma pengukuran utama melalui SKT, setiap staf perlu menetapkan sasaran atau matlamat (beserta petunjuk prestasi) yang perlu dicapai pada tahun berkenaan pada setiap awal tahun Manakala penilaian prestasi dibuat berdasarkan garis panduan penilaian prestasi staf. Sekiranya sasaran tidak dicapai, staf berkenaan perlu memberi sebab atas ketidakcapaian sasaran tersebut. Bagi pihak Ketua Pusat Pengajian, ketua bahagian dan koordinator, petunjuk prestasi

digunakan sebagai kaedah untuk menganalisa keperluan latihan staf untuk tujuan penambahbaikan dimasa akan datang. Selain empat mekanisma utama seperti disebutkan di atas, terdapat juga mekanisma lain yang digunapakai iaitu:

Jadual 6.3: Mekanisma Utama

| Staf Akademik | Staf Pentadbiran |
|---|---|
| 1. *Fingerflex*<br>2. Borang tempahan peralatan<br>3. E-Cuti<br>4. Portfolio pengajaran<br>5. Fail program berteraskan OBE<br>6. Fail kursus berteraskan OBE<br>7. Rekod penggunaan bilik kuliah melalui sistem iCRESS<br>8. Pemantauan bilik kuliah oleh AJK Pemantauan fakulti | 1. *Fingerflex*<br>2. Borang tempahan peralatan<br>3. E-Cuti<br>4. Fail Meja |

Selain itu, maklumbalas dari staf, pelajar, pihak berkepentingan, rakan kerjasama dan pembekal turut digunakan dalam proses kerja. Pemantauan proses Piagam Pelanggan melibatkan surat aduan/pertanyaan/sesi kritik pelajar yang dianalisis, dibincangkan dalam mesyuarat dan diambil tindakan susulan untuk pembetulan dan pencegahan. Maklumbalas turut melibatkan peti cadangan dan Mesyuarat bersama jawatankuasa perwakilan pelajar wakil pelajar–Ketua Pusat Pengajian. Borang maklumbalas pelanggan juga digunapakai di akhir program motivasi fakulti. Seterusnya data yang berkaitan dianalisa oleh pihak penganjur untuk digunakan sebagai panduan bagi mengawal dan menambahbaik sistem kerja akan datang. FSPU turut juga menyediakan prosedur untuk memantau dan mengukur ciri-ciri produk untuk memastikan keperluan produk telah dipenuhi. Kriteria bagi produk yang dimaksudkan merujuk kepada parameter seperti berikut:

i. Mencapai objektif FSPU berdasarkan kriteria yang ditetapkan.
ii. Memenuhi spesifikasi yang dapat memberikan kepuasan pelanggan.
iii. Memenuhi piawaian yang ditetapkan oleh MQA.

**(2) Pengurusan Rantai Pembekal**

Dalam melaksanakan proses operasi, maklumbalas dari pelajar, ibu bapa, masyarakat, staf, pembekal turut diambilkira, sebagai contoh sumber maklumat diperolehi dari SuFO, borang maklumbalas pelanggan, mesyuarat fakulti dan bahagian. Fakulti turut menekankan kualiti perkhidmatannya yang adil, jujur dan menghormati pelanggan melalui komunikasi yang jelas, perkhidmatan mesra-pelanggan, keterbukaan dalam idea baru dan perkhidmatan yang pantas serta cekap. Fakulti menggalakkan staf akademik untuk terlibat dalam industri luar termasuklah memberi cuti sabbatikal. Tujuannya adalah untuk memastikan staf menerima latihan yang cukup dan mempunyai pengalaman bagi memenuhi status profesional dalam bidang masing-masing. Kualiti perkhidmatan dalam kerja-kerja pembersihan seharian turut dijalankan di FSPU termasuklah di bilik kuliah, koridor bangunan dan bilik rehat staf. Selain itu kemudahan seperti penghawa dingin diperiksa setiap bulan bagi memastikannya berfungsi dengan baik.

Keperluan staf juga dikenalpasti melalui bajet tahunan yang telah dirancang di setiap unit atau bahagian. Permohonan tentang keperluan oleh kakitangan ini akan dimaklumkan ke Unit Kewangan Zon 9 untuk tindakan lanjut. Secara umumnya

pengurusan perolehan turut dikendalikan oleh pihak Unit Kewangan Zon 9, FSPU. Contohnya pembelian terus di FSPU melibatkan menerimaan senarai dari pemohon. Permohonan tersebut perlu mendapat kelulusan PTJ (Pusat Tanggungjawab)/ Dekan. Pembekal kemudiannya akan dipanggil untuk mengisi borang panggilan sebutharga. Kaedah perolehan pembelian terus terbahagi kepada:

i. Bekalan: nilai dari RM0 hingga RM10,000 melibatkan hanya satu
ii.Perkhidmatan: nilai dari RM0 hingga RM20,000 melibatkan dua sebutharga.Sebutharga melibatkan pembelian RM50,000 hingga RM500,000. Bagi sebutharga rasmi melibatkan pembelian RM50,000 hingga RM500,000, dan dua sebutharga dari pembekal bumiputera diperlukan. Proses ini melibatkan analisa, yang berdasarkan kepada harga terendah serta mesti mengikut spesifikasi dan memenuhi jangkamasa penghantaran. Borang PB3/80 akan diisi untuk sekatan peruntukan. Setelah mendapat kelulusan PTJ, borang akan dihantar ke Unit Kewangan Zon 9 bagi membenarkan pembelian barang. Manakala tender akan dikendalikan oleh Unit Perolehan UiTM melalui pembelian barangan melebihi RM500,000 yang akan dikeluarkan di suratkhabar yang turut terbuka kepada pembekal bukan bumiputera.

Pengedar yang terpilih untuk menjalankan kerja-kerja di FSPU mesti tersenarai dan diluluskan oleh Bahagian Perolehan UiTM. Prestasi pengedar atau pembekal dinilai semasa proses pemantauan. Mereka yang tidak menjalankan kerja dengan akan dilaporkan serta merta melalui panggilan telefon atau laporan. Bagi pembekal yang tidak memenuhi spesifikasi maka penahanan pembayaran akan dibuat. Memenuhi piawaian yang ditetapkan oleh MQA.

**(3) Menambahbaik Proses Kerja**

Bagi peningkatan dan penambahbaik proses kerja staf akademik, FSPU telah membuat pengagihan amanah tugasan akademik bagi setiap pensyarah. Amanah Tugas Pensyarah (ATP) dibahagikan kepada 2 bahagian utama iaitu Amanah Tugasan Syarahan (ATS) dan Kesetaraan Jam Syarahan (KJS) dan ditetapkan pada 39 jam seminggu.

**a) Klasifikasi dan Agihan Amanah Tugasan Pensyarah**

Amanah ATP diklasifikasikan berdasarkan gred jawatan pensyarah dan ia dipecahkan dengan lebih teliti berdasarkan trek penekanan tugasan pensyarah. Trek penekanan tugasan pensyarah adalah terbahagi kepada 3 iaitu:

i. Pengajaran dan Pembelajaran (Trek 1)
ii. Penyelidikan (Trek 2)
iii. Kepimpinan Akademik (Trek 3)

Jadual 6.4: Pecahan Amanah Tugasan Pensyarah

| Gred | Jumlah penyarah (Peratusan) | Jumlah Pensyarah Aktif (Peratusan) | Trek 1 | Trek 2 | Trek 3 |
|---|---|---|---|---|---|
| **VK7** | 9 (2.95%) | 8 (3.03%) | 3 | 1 | 4 |
| **DM54** | 27 (8.85%) | 27 (8.85%) | 13 | 3 | 11 |
| **DM53** | 65 (21.31%) | 65 (21.31%) | 53 | 1 | 11 |
| **DM52** | 97 (31.80%) | 78 (29.55%) | 64 | 3 | 11 |
| **DM51** | 4 (1.31%) | 4 (1.31%) | 4 | 0 | 0 |
| **DM46** | 3 (0.98%) | 3 (0.98%) | 3 | 0 | 0 |
| **DM45** | 90 (29.51%) | 69 (26.14%) | 65 | 0 | 4 |
| **DM41** | 5 (1.64%) | 5 (1.64%) | 5 | 0 | 0 |
| **DM32** | 2 (0.66%) | 2 (0.66%) | 2 | 0 | 0 |
| **DM29** | 1 (0.33%) | 1 (0.33%) | 1 | 0 | 0 |
| **DT48** | 2 (0.66%) | 2 (0.66%) | 2 | 0 | 0 |
| **Jumlah** | 305 (100%) | 264 (86.56%) | 215 (81.44%) | 8 (3.03%) | 41 (15.53%) |
| **Pensyarah ditindihkan ke IPTA lain** | | 1 | | | |
| **Pensyarah Cuti Belajar** | | 38 | | | |
| **Pensyarah Cuti Sakit/ Bersalin** | | 2 | | | |

## b) Peningkatan Proses Pembelajaran Pelajar

Berikut disenaraikan beberapa alternatif untuk meningkatkan proses pembelajaran pelajarnya yang terdiri dari pelajar Sarjana Muda dan Pasca Siswazah. Bagi pelajar Sarjana Muda, pelajar cemerlang yang layak akan diserap terus ke program Sarjana, diberi Anugerah Dekan atau Anugerah Naib Canselor.

Majlis Anugerah Dekan bagi meraikan pelajar cemerlang. Program *Road To Success* dilaksanakan kepada pelajar yang memperoleh HPNG kurang dari 2.50 diadakan di Gombak bagi memberi motivasi dan penyuntik semangat untuk pelajar meningkatkan tahap akademik mereka manakala Program *Global Leadership* dianjurkan untuk pelajar cemerlang HPNG 3.00 ke atas diadakan di Hotel De Palma, Shah Alam bagi meraikan kecemerlangan pelajar.

## c) Peningkatan Perkhidmatan Pendidikan

Di sesetengah Pusat Pengajian di FSPU, OBE turut dilaksanakan untuk menambahbaik perkhidmatan pendidikan dan seterusnya bagi mendapatkan pengiktirafan dari MQA. Semua ini dijelaskan dalam informasi kursus yang melibatkan pelan peng ajaran, *expected course outcome* (CO), *programme outcome* (PO) dan penilaian kursus oleh pelajar. *Survey entry* dan *exit* turut diperkenalkan dalam CO dan PO. Beberapa siri bengkel OBE telah dijalankan diperingkat jabatan dan di peringkat FSPU. Selain itu beberapa kaedah lain turut dijalankan untuk meningkatkan perkhidmatan pendidikan seperti:

- Setiap pensyarah baru diwajibkan mengikuti program anjuran UiTM terutama yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran.
- Pensyarah digalakkan mengikut bengkel, latihan dan seminar untuk mendapatkan
- pendedahan tentang kaedah dan teknologi terkini dan menggunakan pengalaman itu dalam proses pengajaran.
- Mengambil tindakan dari cadangan atau komen pelajar terhadap pensyarah melalui sistem SuFO.

- Mengadakan program luar seperti kem motivasi dan ceramah melibatkan pensyarah dan pelajar bagi meningkatkan kualiti diri dan tugas masing-masing.
- Pensyarah digalakkan untuk menambahbaik proses pengajaran, penulisan, penerbitan, perundangan dan penyelidikan dengan menghadiri bengkel-bengkel anjuran iLQAM dan RMI.
- Mengkaji semula kurikulum dan juga silibus bagi program-program yang ditawarkan dan proses ini dilakukan oleh pihak fakulti.
- Mengaplikasikan cara pengajaran yang memudahkan kefahaman pelajar terhadap
- Sesuatu kursus seperti kaedah pengajaran *Program-Based-Learning.*

### d) Peningkatan Kualiti Perkhidmatan

Peningkatan kualiti perkhidmatan dapat diukur melalui SKT dan juga pematuhan kepada Piagam Pelanggan. Dimana markah SKT dijadikan penentu untuk kenaikan gaji dan pangkat staf. Manakala petunjuk prestasi diguna untuk meletak sasaran kerja tahunan staf. Sebarang kelemahan dalam perkhidmatan diambil tindakan segera melalui maklumbalas pelanggan. Anugerah Khidmat Cemerlang Tahunan turut diberi kepada 29 orang pekerja cemerlang iaitu 24 staf akademik dan 5 staf pentadbiran di FSPU.

Bagi staf yang hadir di seminar, kolokium atau bengkel sama ada dalam atau luar negara, sesi berkongsi ilmu dilaksanakan di pusat pengajian masing-masing dalam jangkasama sebulan selepas pulang dari seminar, kolokium atau bengkel terbabit. Di samping itu, dalam usaha mengurangkan variasi dalam perlaksanaan proses kerja di FSPU beberapa kaedah digunapakai seperti Jadual 6.5:

Jadual 6.5: Kaedah Mengurangkan Variasi

| Contoh Variasi | Kaedah Mengurangkan Variasi |
|---|---|
| **Proses kerja secara keseluruhan** | i. Melalui komunikasi berkesan.<br>(Taklimat/penerangan, pembentangan kertas kerja, perbincangan kumpulan, memo/surat menyurat dan mesyuarat akademik).<br>ii. Melalui arahan kerja dan pemantauan oleh Ketua Pusat Pengajian, Koordinator dan ketua unit. |
| **Proses pengajaran dan pembelajaran serta penilaian pelajar** | i. Perlaksaan OBE<br>ii. Ujian untuk setiap kursus |

# 7: HASIL PENCAPAIAN

## 7.1 HASIL PEMBELAJARAN PELAJAR DAN PROSES

## 7.2 HASILAN BERASASKAN PELANGGAN

## 7.3 HASIL FAKULTI & STAF

## 7.4 HASIL KEPIMPINAN ORGANISASI

## 7.5 HASIL BELANJAWAN, KEWANGAN DAN PASARAN






## 7.0 HASIL PENCAPAIAN FSPU

Hasil pencapaian FSPU diukur berdasarkan kepada hasil pembelajaran dan proses pelajar, hasil berasaskan pelanggan, hasil fakulti dan staf, hasil kepimpinan organisasi serta hasil belanjawan, kewangan dan pasaran.

## 7.1 HASIL PEMBELAJARAN PELAJAR DAN PROSES

Indikator utama yang digunakan untuk mengukur hasil pembelajaran pelajar adalah Laporan Keputusan Peperiksaan Ijazah Sarjana Muda FSPU dari tahun 2010 hingga 2014.

### i. Jumlah Keseluruhan Pelajar Ijazah Sarjana Muda

Rajah 7.1 menunjukkan jumlah keseluruhan pelajar menurun pada setiap tahun kesan daripada proses pensejajaran UiTM. Namun jumlah ini telah meningkat pada tahun 2014 ke 4884 pelajar daripada 4595 pelajar pada tahun 2013. Ini membuktikan bahawa FSPU boleh mencapai hasratnya untuk menyokong matlamat UiTM mempunyai 200,000 pelajar yang mana selaras dengan aspirasi negara untuk menyediakan sebanyak mungkin peluang pendidikan kepada rakyat.




Rajah 7.1: Jumlah Keseluruhan pelajar Ijazah Sarjana Muda

### ii. Pelajar Yang Lulus Dalam Peperiksaan

FSPU kembali mencapai peningkatan peratusan pelajar lulus bermula dari tahun 2013 sehingga 2014. Rajah 7.2 menunjukkan peratusan pelajar yang lulus pada tahun 2013 menaik dari 82.53% kepada 87.83% pada 2014.




Rajah 7.2: Peratusan Pelajar Lulus

### iii. Pelajar Yang Lulus Dengan Cemerlang Dalam Peperiksaan

Rajah 7.3 dan 7.4 menunjukkan peratusan pelajar yang lulus dengan Anugerah Dekan (AD) dan Anugerah Naib Canselor (ANC) dari tahun 2010 hingga 2014. Berdasarkan Rajah 7.3, bilangan pelajar yang lulus dengan AD pada tahun 2014 meningkat ke 11.18% berbanding 9.40% pada tahun 2013. Pencapaian ini melebihi penanda aras KPI universiti iaitu 10%.




Rajah 7.3: Peratusan Pelajar yang mendapat Anugerah

Rajah 7.4 menunjukkan tren peratusan pelajar mendapat ANC yang mengalami turun naik bermula tahun 2010 hingga tahun 2014. Walau bagaimanapun, KPI universiti masih tercapai yang mana meningkat daripada 1.45% ke 1.81% (melebihi penanda aras KPI universiti iaitu 1%).




Rajah 7.4: Peratusan Pelajar mendapat Anugerah Naib Canselor

### iv. Pelajar Tamat Pengajian

Berdasarkan Rajah 7.5, menunjukkan peratusan pelajar yang tamat pengajian semakin menurun pada peperiksaan 2014 iaitu sebanyak 11.32% berbanding 15.79% pada 2013.




Rajah 7.5: Peratusan Pelajar yang Tamat Pengajian

### v. Pelajar Yang Gagal Dalam Peperiksaan

Rajah 7.6 menunjukkan bahawa FSPU menepati KPI Akademik (peratusan pelajar gagal tidak melebihi 3%) apabila peratusan kegagalan menurun dari 1.69% pada tahun 2013 kepada 1.31% tahun 2014.




Rajah 7.6: Peratusan Pelajar Gagal Pengajian

### vi. Pelajar Tamat Pengajian Dalam Tempoh

Rajah 7.7 menunjukkan peratusan pelajar yang berjaya menamatkan pengajian dalam tempoh mengikut program adalah ditahap sederhana.




Rajah 7.7: Peratusan Pelajar Tamat Pengajian Dalam Tempoh Mengikut Program

## 7.2 HASIL BERASASKAN PELANGGAN

### i. Pencapaian Pensyarah

Pencapaian pensyarah (Pertandingan, Pameran atau Pertunjukan) sepanjang tahun 2014 di kalangan pensyarah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7.1.

Jadual 7.1: Pencapaian Pensyarah dalam Pertandingan, Pameran atau Pertunjukan Sepanjang Tahun 2014

| Pensyarah | Pencapaian |
|---|---|
| **Rostam Yaman** | Pingat Perak: Invention, Innovation & Design Expo 2014 (IIDEX 2014) |
| **Zarina Isnin** | Pingat Gangsa: Invention, Innovation & Design Expo 2014 (IIDEX 2014) |
| **Siti Aekbal Salleh** | Pingat Perak & Emas: Invention, Innovation & Design Expo 2014 (IIDEX 2014) |
| **Dr. Zaharah Mohd Yusoff** | Pingat Perak: Invention, Innovation & Design Expo 2014 (IIDEX 2014) |
| **Dr. Nor Aizam** | Pingat Gangsa: Invention, Innovation & Design Expo 2014 (IIDEX 2014) |
| **Mazzueen Md Khalid** | Pingat Gangsa: Invention, Innovation & Design Expo 2014 (IIDEX 2014) |
| **Norfashiha Hashim** | Pingat Gangsa: Invention, Innovation & Design Expo 2014 (IIDEX 2014) |
| **Norazian Mohd Yusuwan** | Pingat Gangsa: Invention, Innovation & Design Expo 2014 (IIDEX 2014) |

## ii. Laporan Kerosakan

Berikut merupakan laporan kerosakan di fakulti sepanjang tahun 2014.




Rajah 7.8: Laporan Kerosakan di FSPU dari Januari hingga Oktober 2014

Jadual 7.2: Jumlah Kerosakan di FSPU dari Januari hingga Disember 2014

| Jan | Awam | Elektrik | Mekanikal | Telekomunikasi | Pelbagai | 'Pending' | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 18 | 29 | 5 | 6 | 2 | 0 | 60 |
| Feb | 24 | 37 | 3 | 1 | 0 | 0 | 65 |
| Mac | 29 | 33 | 8 | 1 | 0 | 0 | 71 |
| Apr | 19 | 34 | 0 | 0 | 1 | 0 | 54 |
| Mei | 16 | 59 | 1 | 0 | 2 | 0 | 78 |
| Jun | 20 | 47 | 9 | 0 | 1 | 0 | 77 |
| Jul | 5 | 17 | 2 | 0 | 0 | 0 | 24 |
| Aug | 7 | 25 | 4 | 1 | 0 | 0 | 37 |
| Sep | 6 | 56 | 2 | 0 | 1 | 0 | 65 |
| Okt | 17 | 29 | 5 | 0 | 3 | 0 | 54 |
| Jumlah Kerosakan | **161** | **366** | **39** | **9** | **10** | **0** | **585** |

### iii. Kepuasan Pelajar dan Pihak Berkepentingan

Jadual 7.3: Indeks Kepuasan Graduan Terhadap keseluruhan UiTM Mengikut Fakulti, 2014

| Fakulti | Kurikulum | Sistem Penilaian | Bimbingan Kerjaya | Tenaga Pengajar | Kemudahan Prasarana | Keseluruhan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Senibina, Perancangan dan Ukur (2012) | 4.24 | 4.20 | 4.03 | 4.29 | 3.99 | 4.14 |
| Senibina, Perancangan dan Ukur (2013) | 4.35 | 4.39 | 4.11 | 4.44 | 4.15 | 4.29 |
| Senibina, Perancangan dan Ukur (2014) | 4.26 | 4.29 | 4.05 | 4.36 | 4.06 | 4.20 |

Jadual 7.3 merupakan indeks tahap kepuasan graduan FSPU terhadap keseluruhan UiTM untuk tahun 2013 dan 2014. Indeks ini diukur berdasarkan 5 kriteria iaitu kurikulum, sistem penilaian, bimbingan kerjaya, tenaga pengajar dan juga kemudahan prasarana. Walaupun kelima-lima kriteria ini mengalami sedikit penurunan pada tahun 2014 berbanding tahun sebelumnya, keseluruhannya, kepuasan pelajar untuk 5 kriteria ini masih ditahap memuaskan. Jadual 7.4 pula menunjukkan indeks kepuasan graduan FSPU untuk tahun 2014 mengikut kod program yang terdapat di dalam fakulti. Skor tertinggi adalah dari kursus AP776 iaitu Pusat Pengajian Pengurusan Projek Pembinaan Bersepadu di mana pencapaian indeks keseluruhan adalah 4.44.

Jadual 7.4: Indeks Kepuasan Graduan FSPU Terhadap Keseluruhan UiTM Mengikut Kod Program, 2014

| Kod Program | Kurikulum | Sistem Penilaian | Bimbingan Kerjaya | Tenaga Pengajar | Kemudahan Prasarana | Keseluruhan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| AP220 | 4.24 | 4.21 | 4.02 | 4.27 | 4.05 | 4.16 |
| AP221 | 4.31 | 4.24 | 3.93 | 4.37 | 4.09 | 4.19 |
| 224 | 4.24 | 4.32 | 4.14 | 4.40 | 4.15 | 4.25 |
| AP225 | 4.34 | 4.38 | 4.17 | 4.53 | 4.18 | 4.32 |
| AP226 | 4.42 | 4.63 | 4.11 | 4.56 | 4.20 | 4.43 |
| AP227 | 4.13 | 4.09 | 3.86 | 4.20 | 3.64 | 3.98 |
| AP228 | 4.28 | 4.29 | 4.05 | 4.38 | 4.09 | 4.22 |
| AP229 | 4.25 | 4.28 | 4.06 | 4.31 | 4.12 | 4.21 |
| AP230 | 4.37 | 4.42 | 4.13 | 4.36 | 4.29 | 4.31 |
| AP236 | 4.18 | 4.21 | 4.05 | 4.29 | 4.01 | 4.15 |
| AP246 | 3.75 | 3.00 | 3.71 | 4.00 | 3.50 | 3.59 |
| AP720 | 4.35 | 4.40 | 4.03 | 4.51 | 4.32 | 4.32 |
| AP725 | 3.25 | 4.00 | 3.29 | 4.46 | 4.57 | 3.91 |
| AP771 | 4.15 | 4.19 | 3.74 | 4.20 | 3.82 | 4.02 |
| AP772 | 4.27 | 4.04 | 3.89 | 3.97 | 4.07 | 4.05 |
| AP773 | 4.15 | 4.04 | 3.78 | 4.20 | 3.14 | 3.87 |

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| AP775 | 4.28 | 4.29 | 4.24 | 4.45 | 3.87 | 4.22 |
| AP776 | 4.45 | 4.68 | 4.17 | 4.66 | 4.19 | 4.44 |
| AP777 | 4.24 | 4.28 | 3.60 | 4.43 | 3.98 | 4.11 |
| AP779 | 4.27 | 4.29 | 3.84 | 4.43 | 4.05 | 4.18 |
| AP780 | 3.94 | 3.88 | 4.08 | 4.30 | 3.98 | 4.02 |
| AP990 | 4.28 | 4.19 | 3.71 | 4.48 | 4.38 | 4.29 |

## 7.3 HASIL FAKULTI DAN STAF

Pengukuran hasil fakulti dan staf adalah berdasarkan beberapa kriteria utama iaitu:

### (1) Kelulusan Akademik dan Pembangunan Staf

### i) Staf Akademik Mengikut Gred Perjawatan

Bilangan keseluruhan staf akademik untuk tahun 2014 adalah seramai 316 orang. Pembahagian gred perjawatan pensyarah adalah seperti dalam Rajah 7.9 di mana bilangan staf akademik mengikut perjawatan adalah penambahan seorang Profesor. Terdapat penambahan Pensyarah Kanan sebanyak 30%. Sumber data adalah dari audit MyRA FSPU terkini. Bilangan keseluruhan pensyarah ini adalah termasuk pensyarah yang cuti belajar sebanyak 10%.




| | Professor | Prof Madya | Pensyarah Kanan | Pensyarah | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|
| 2011 | 6 | 104 | 74 | 128 | 312 |
| 2012 | 6 | 104 | 74 | 128 | 312 |
| 2013 | 6 | 104 | 74 | 128 | 312 |
| 2014 | 7 | 98 | 107 | 104 | 316 |

Rajah 7.9: Staf Akademik Mengikut Perjawatan

### ii) Staf Akademik berkelulusan PhD

Bilangan staf yang mempunyai kelulusan PhD meningkat dari 61 orang pada 2011 kepada 84 orang pada 2014.




Rajah 7.10: Staf Akademik Berkelulusan PhD

### iii) Staf Akademik berkelayakan profesional (Dalam dan Luar Negara)

Bilangan staf yang telah dilantik menjadi ahli jawatankuasa dalam badan profesional adalah seramai 24 orang di peringkat kebangsaan manakala 13 orang di peringkat antarabangsa. Manakala seramai 194 orang merupakan ahli dalam badan profesional peringkat kebangsaan dan 40 orang di peringkat antarabangsa. Di antara organisasi professional yang dianggotai di peringkat antarabangsa adalah dari negara United Kingdom, New Zealand dan juga Malaysia. Manakala organisasi profesional yang dianggotai oleh staf akademik adalah di peringkat kebangsaan adalah seperti; Lembaga Arkitek Malaysia (LAM), Pertubuhan Jurukur Malaysia (RISM), Pertubuhan Perancang Malaysia, Lembaga Jurukur Bahan Malaysia (LJUBM), Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Hartanah (BOVAEA).




| | Kebangsaan | Antarabangsa | | |
|---|---|---|---|---|
| Ahli | 198 | 44 | | |
| Jawatankuasa | 24 | 11 | | |

Rajah 7.11: Keahlian Profesional

### (2) Kegiatan Pengantarabangsaan - Meletakkan FSPU di Peta Dunia

Fakulti pada tahun 2014 telah meneruskan pelbagai aktiviti di peringkat antarabangsa dalam usaha meletakkan nama fakulti khususnya dan nama UiTM pada umumnya di peta dunia. Ini telah dilakukan dengan menjalankan beberapa aktiviti berikut yang tempohnya melangkaui 2014:

### i) Projek Antarabangsa

Seorang pensyarah dari Pusat Pengajian Perancang Bandar & Wilayah telah berjaya mendapatkan tajaan projek dari United Nation bagi menjalankan kajian berkenaan "*Overseas Training on Smart City Development to UiTM in Malaysia for the staff of Local Government that Participate in the USDRP Project*".

### ii) Usahasama dengan Organisasi Antarabangsa

Di antara penglibatan fakulti di peringkat antarabangsa ialah dengan mengadakan usahasama dengan pelbagai organisasi baik yang mempunyai Memorandum Persefahaman (MoU). Bagi tahun 2014 tiada MoU baru yang ditandatangani. Namun masih ada 7 MoU yang masih berjalan pada tahun tersebut:

Jadual 7.5: Bilangan Usahasama FSPU dengan Organisasi Antarabangsa

| No. | Organisasi | Tarikh MoU | Tarikh Luput |
|---|---|---|---|
| 1 | Abu Dhabi University | 31.5.2012 | 31.5.2017 |
| 2 | University of South Australia | 2.3.2007 | Tiada Tempoh masa |
| 3 | University of Pancasila, Indonesia | 8.6.2011 | 8.6.2016 |
| 4 | King Mounkut's Institute of Technology Ladkrabang, Bangkok | 5.4.11 | 5.4.16 |
| 5 | Istanbul Technological University, Turkey | 15.12.11 | 15.12.14 |
| 6 | Eastern Mediterranean University, Famagusta, North Cyprus, Turkey | 6.12.11 | 6.12.16 |
| 7 | Universitas Gadjah Mada | 2008 | 2018 |

### (3) Penulisan Ilmiah, Penyelidikan dan Persidangan

### i) Penerbitan Jurnal dan Prosiding Persidangan

Rajah 7.12 menunjukkan jumlah penerbitan dalam jurnal dan prosiding seminar yang telah diterbitkan oleh staf fakulti.Peningkatan yang positif ditunjukkan oleh rajah ini adalah petanda fakulti berada pada arah yang betul bagi memenuhi hasrat meningkatkan bidang penyelidikan dan penerbitan akademik.




Rajah 7.12: Jumlah Penerbitan Jurnal dan Prosiding Persidangan 2010-2013

### ii) Jumlah Penerbitan Buku dan Bab dalam Buku

Rajah 7.13 menunjukkan jumlah penerbitan buku dan bab dalam buku staf fakulti untuk tahun 2010 hingga 2014.




| | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 |
|---|---|---|---|---|
| Penerbitan Buku dan Bab dalam Buku | 7 | 18 | 2 | 6 |

Rajah 7.13: Jumlah Penerbitan Buku dan Bab dalam Buku 2010-2012

### iii) Jumlah Geran Penyelidikan

Rajah 7.14 menunjukkan jumlah geran penyelidikan dari agensi kerajaan dan agensi swasta yang berjaya di perolehi oleh staf akademik fakulti.




| | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 |
|---|---|---|---|---|
| Agensi Kerajaan | 2366047 | 2720774 | 4837400 | 2685725 |
| Agensi Swasta | 1395532 | 958900 | 0 | 0 |

Rajah 7.14: Jumlah Geran Penyelidikan

## 7.4 HASIL KEPIMPINAN DAN GOVERNAN

### (1) Sumbangan Menjadi Pakar Rujuk/Penasihat Teknikal dan Akademik

Berdasarkan rajah 7.15, dapat dilihat penglibatan para pensyarah sangat aktif dalam pelbagai bidang kerja samada diperingkat antarabangsa mahupun kebangsaan. Di antara pihak yang menjalankan kerjasama dengan FSPU adalah Lembaga Jurukur Tanah Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi, MBSA, JKR, Jabatan Warisan Negara dan lain-lain. Manakala di peringkat antarabangsa pula, organisasi yang terlibat adalah University of Western Sydney, RICS, jurnal antarabangsa seperti *International Journal of Sustainable Development & Planning, Journal of Real Estate Literature* dan lain-lain.




Rajah 7.15: Penglibatan Staf Akademik

### (2) Konsultasi

Sebanyak 6 projek konsultasi telah diperolehi oleh Fakulti Senibina, Perancangan & Ukur pada tahun 2014 (rujuk jadual 7.6):

Jadual 7.6: Projek Konsultasi Telah Diperolehi oleh Fakulti Senibina, Perancangan & Ukur, 2014

| TARIKH | PROJEK |
|---|---|
| 21.3.2013 | Perlantikan sebagai perunding bagi projek membangun dan mewujudkan pengkalan data hartanah UiTM kampus Shah Alam menggunakan GIS |
| 17.6.2013 | Perlantikan sebagai perunding bagi projek *taxi counter terminal stock take and detail taxi fair study due diligence study for peninsular Malaysia* |
| 21.6.2013 | Perlantikan sebagai perunding bagi projek: Penyelidikan mengurus projek secara efektif |
| 25.6.2013 | Perlantikan sebagai perunding bagi projek membangun dan mewujudkan pengkalan data hartanah UiTM kampus Shah Alam menggunakan GIS |

### (3) Khidmat Masyarakat

Pihak FSPU juga turut terlibat dengan program khidmat masyarakat pada tahun 2014. Di antara program yang dijalankan adalah:

Jadual 7.7: Program Khidmat Masyarakat

| BIL. | NAMA AKTIVITI/PROGRAM | TARIKH | TEMPAT | PENGANJUR/PENGANJUR BERSAMA |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Program Suai Kenal Dan Ramah Mesra | 14 Okt. 2014 | Amphiteather, FSPU | Persatuan Perancang Bandar (TRIPS) |
| 2. | *ArchiCARE: Charity SALE* oleh pelajar AP243 (1/2) | 16 Okt. 2014 | Galeri, FSPU | Persatuan Archis@ |
| 3. | Program Khidmat Masyarakat Menaiktaraf Kampung Orang Asli | 16 Nov 2014 | Kampung Pareh, Pahang dan di Pusat Konservasi Gajah Kuala Gandah, Lancang | Persatuan EMAS |
| 4. | Lawatan Kasih Sayang | 21 Nov. 2014 | Rumah Amal Al-Firdaus, Denai Alam | Persatuan Ukur Bangunan (BISA) |
| 5. | Khidmat Sosial Plant A Tree, Plant A Hope | 29 Nov. 2014 | Mini RTC Bukit Kapar, Klang | Persatuan Pengurursan Taman dan Ameniti |
| 6. | Program Kebajikan dan Kemasyarakatan di Wakaf Desa Fahmi | 5 April 2014 | Klang, Selangor | Pusat Pengajian Pembinaan |
| 7. | Family Day dan Khidmat Masyarakat EMAS | 1 Mei 2014 | Air Terjun Kalumpang, Selangor | Pusat Pengajian Pengurusan Hartanah |
| 8. | Oh My Tajwid | 19 Mac – 18 Jun 2014 | Bilik C217, FSPU | Exco Kerohanian SMF FSPU |
| 9. | Program Kerohanian “Mana Yang Kau Pilih Hitam atau Putih” | 16 Mei 2014 | Dewan Kuliah, FSPU | Persatuan Bangunan dengan kerjasama Persatuan Mahasiswa Hadhari (PMH) & SMF |
| 10. | Program Khidmat Masyarakat Kerjasama dengan Pejabat Penghulu Kg. Pasir Putih Kalumpang, Selangor | 1 Mei 2014 | Kg. Pasir Putih Kalumpang, Selangor | Jawatankuasa Estate Management Association (EMAS) |
| 11. | Kesukarelawan Tanam Pokok | 25 April 2014 | Paya Indah Wetland, Dengkil | Persatuan PAM |
| 12. | Fiqh Wanita | 9 Mei 2014 | Surau FSPU | Sekretariat Mahasiswa Fakulti |
| 13. | Archi Care: Charity Sale | 16 Mei 2014 | Galeri FSPU | Pusat Pengajian Sains Senibina (Subjek BSC 01 & 02- Architecture) |
| 14. | Program Hari Lakar Harmoni | 24 Mei 2014 | Wakaf Desa Fahmi, Klang Selangor | Wakaf Desa Fahmi dan Pertubuhan Qadijah Maisarah |
| 15. | Mesra Siswa Bersama Masyarakat Kampung | 8 Jun 2014 | Kg. Asahan Kuala Selangor | Persatuan GEOMASS |
| 16. | Solat Hajat | 20 Jun 2014 | Surau FSPU | SOLAR |
| 17. | Majlis Ihya’ Ramadhan 1435H | 26 Jun 2014 | Surau dan Foyer, FSPU | Pusat Pengajian Siswazah & CIB Student Chapter |

## 7.5 HASIL KEWANGAN DAN PASARAN

### 7.5.1 Prestasi Kewangan FSPU (En. Mohd Zamir – Penolong Akauntan)

Bagi tahun 2014, peruntukan belanja mengurus bagi FSPU adalah sebanyak RM4,063,537.48 dan telah dibelanjakan sepenuhnya. Terdapat 3.36% peningkatan jumlah peruntukan yang disalurkan oleh UiTM kepada FSPU pada tahun 2014, di

mana sebanyak RM3,931,591.28 disalurkan pada tahun 2013 berbanding RM3,476,098.17 pada tahun 2012. Perbandingan peruntukan FSPU antara tahun 2012 dan 2011 adalah menaik iaitu dari RM3,066,560.13 kepada RM3,476,098.17. Fakulti FSPU mampu mengawal dan membuat perancangan yang baik bagi menampung perbelanjaan semasa selaras dengan pertambahan enrolmen pelajar dan keperluan fakulti. Jadual 7.8 dan Rajah 7.16 menunjukkan perbandingan peruntukan bagi kedua-dua tahun tersebut:

Jadual 7.8: Jumlah Peruntukan FSPU Mengikut Segmen (Tahun 2012 – 2014)

| SEGMEN | KETERANGAN SEGMEN | 2014 (RM) | 2013 (RM) | 2012 (RM) |
|---|---|---|---|---|
| 21* | Elaun Perjalanan Staf | 342,277.68 | 334,124.62 | 323,039.78 |
| 23* | Perhubungan dan Utiliti | 1,800.00 | 1,818.30 | 2,338.60 |
| 24* | Sewaan | 433,771.15 | 394,302.24 | 270,716.08 |
| 25* | Bekalan minuman | 4,560.00 | 5,122.00 | 2,400.00 |
| 26* | Bahan / Bekalan Bengkel | 18,955.00 | 24,262.40 | 27,502.00 |
| 27* | Bahan / Bekalan Lain | 406,093.04 | 580,349.60 | 463,367.75 |
| 28* | Pembaikan / Penyelenggaraan | 110,479.80 | 75,530.00 | 112,701.70 |
| 29* | Perkhidmatan | 1,821,851.50 | 1,986,281.11 | 1,804,326.18 |
| 3* | Harta | 0.00 | 6,999.00 | 0.00 |
| 4* | Seminar / Kursus/ Ganjaran | 923,342.86 | 516,079.00 | 459,645.36 |
| 5* | Caj lain-lain | 406.45 | 6,723.01 | 10,060.72 |
| JUMLAH PERUNTUKAN | | **3,931,591.28** | **3,931,591.28** | **3,931,591.28** |
| VARIANS (Perbandingan dengan Tahun Sebelum) | | **3.36%** | **13.10%** | **13.35%** |




Rajah 7.16: Perbandingan Peruntukan FSPU Mengikut Segmen (Tahun 2012-2014)




Rajah 7.17: Pecahan Perbelanjaan FSPU Mengikut Segmen bagi tahun 2014

Daripada keseluruhan peruntukan tahun 2014, peningkatan kepada RM923,342.86 di bawah perbelanjaan seminar/kursus/ganjaran. Ianya merangkumi 22.72%, kedua tertinggi selepas perkhidmatan. Di bawah kod seminar/kursus/ganjaran adalah merujuk kepada peningkatan staf yang menyertai kursus dan seminar sama ada anjuran dalam dan luar Negara. Pihak pengurusan fakulti sentiasa mengambil berat peningkatan kerjaya dan kemahiran staf samada staf akademik mahu pun staf pentadbiran, oleh itu pelbagai kursus telah dianjurkan bagi memantapkan prestasi staf di bawah Fakulti FSPU. Selain itu, bayaran ganjaran adalah merujuk kepada bayaran ganjaran gentian cuti rehat yang meningkat. Ganjaran Gantian Cuti Rehat dibayar kepada mana-mana staf kontrak yang telah tamat kontrak, tertakluk kepada pekeliling yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan. Ini menunjukkan fakulti meletakkan keutamaan kepada aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Rajah 7.17 menunjukkan secara terperinci peratusan perbelanjaan FSPU bagi tahun 2014.

Jadual 7.9: Jumlah Perbelanjaan TAPA FSPU Mengikut Bulan (2012 -2014)

| BIL | BULAN | AMAUN (RM) | | |
|---|---|---|---|---|
| | | 2014 | 2013 | 2012 |
| 1 | Januari | 107,978.94 | 177,969.00 | 93,347.65 |
| 2 | Februari | 50,703.00 | 26,653.40 | 90,637.50 |
| 3 | Mac | 26,588.00 | 78,352.90 | 91,013.85 |
| 4 | April | 108,757.70 | 102,532.90 | 60,326.50 |
| 5 | Mei | 94,542.85 | 181,420.32 | 212,783.83 |
| 6 | Jun | 96,988.50 | 73,020.60 | 221,003.90 |
| 7 | Julai | 63,299.90 | 102,925.90 | 181,460.25 |
| 8 | Ogos | 42,866.45 | 2,957.00 | 87,647.40 |
| 9 | September | 85,512.55 | 12,300.00 | 68,105.40 |
| 10 | Oktober | 52,695.20 | 20,680.50 | 172,321.30 |
| 11 | November | 121,958.40 | 75,069.10 | 67,662.75 |
| 12 | Disember | 145,867.90 | 88,301.50 | 144,748.25 |
| JUMLAH | | **999,773.39** | **944,196.12** | **1,491,058.58** |
| VARIANS (Perbandingan dengan Tahun Sebelum) | | **5.89%** | **-36.68%** | **8.95%** |




Rajah 7.18: Perbandingan Perbelanjaan TAPA FSPU tahun 2012 -2014

Bagi Tabung Amanah Pembangunan Akademik Pelajar (TAPA) FSPU, peruntukan tahun 2014 berjumlah **RM999,773.39** telah disalurkan iaitu daripada hasil yuran pelajar. Daripada jumlah ini, terdapat sedikit penaikan dari tahun 2013 sebanyak 5.89% Perbelanjaan bagi tabung ini melibatkan program dan aktiviti pelajar FSPU seperti lawatan akademik, bengkel pengurusan organisasi, bengkel pemantapan kepimpinan, program khidmat masyarakat dan lain-lain. Jadual 7.4 dan Rajah 7.18 menunjukkan perbandingan prestasi perbelanjaan tersebut.

# 8: INOVASI

## 8.1 PENGENALAN
## 8.2 FAEDAH INOVASI
## 8.3 TAHAP PENGGUNAAN INOVASI
## 8.4 LANGKAH DAN PETUNJUK KEBERKESANAN DAN KECEKAPAN
## 8.5 TREN INNOVASI






## 8.0 INOVASI

Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur (FSPU) shah alam adalah komited dan berdedikasi di dalam memastikan pendekatan budaya inovasi di dalam sistem pengurusan dan pembelajaran diberi penekanan pada setiap tahun bagi menjamin kualiti staf dan pelajar yang dilahirkan. pelan strategik telah ditubuhkan bagi mempromosikan inovasi kepada setiap staf akademik, staf bukan akademik dan pelajar bertujuan untuk meningkatkan kualiti FSPU secara keseluruhannya.

Inovasi dapat didefinisikan sebagai satu perubahan untuk meningkatkan keberkesanan perkhidmatan, proses, operasi dan amalan sesebuah organisasi. Oleh itu FSPU sentiasa berusaha untuk membuat pembaharuan dan modifikasi dengan tujuan memenuhi fungsi-fungsi pasaran. Inovasi yang sistematik di FSPU Shah Alam memaparkan empat teras utama nilai sasaran inovasi (Rajah 8.1) iaitu:

1. Sistem organisasi (Pembelajaran dan Pengajaran)
2. Pembangunan Penyelidikan dan Konsultansi
3. Pembangunan Keupayaan
4. Nilai Tambah




Rajah 8.1: Teras Inovasi di FSPU

FSPU merupakan satu fakulti yang unit dan besar. Oleh yang demikian fakulti mengambil inisiatif sendiri dalam mengukur tahap penggunaan inovasi. Tahap penggunaan inovasi dikenalpasti melaui sistem pengurusan perasaskan pengukuran iaitu berdasarkan nilai sasaran di bawah:

### 8.1 SISTEM ORGANISASI (PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN)

Dua komponen utama di dalam sistem organisasi adalah pembelajaran dan pengajaran. FSPU telah menggunakan pendekatan di mana setiap Pusat Pengajian perlu bekerjasama dengan badan-badan professional antaranya adalah RICS, RIBA, CIOB, RISM, PAM, IFPRA dan lain-lain. Tenaga pengajar dari industri luar juga dijemput untuk memberi pendedahan kepada pensyarah dan pelajar berkenaan dengan informasi dan input terkini serta isu semasa badan professional di dalam

industri pembinaan. Matlamat utama inovasi didalam sistem organisasi FSPU adalah seperti berikut:

i. Untuk memberi pendedahan kepada pelajar dari sudut professional dan industri
ii. Memantapkan silibus bagi memenuhi keperluan badan professional
iii. Meningkatkan kerjasama di antara industri, universiti dan masyarakat
iv. Memantapkan pengetahuan dan jaringan industri
v. Meningkatkan pendedahan terhadap projek sebenar
vi. Membangunkan silibus yang mantap serta membina
vii. Memperkayakan kaedah pembelajaran dan pengajaran supaya lebih kreatif dan inovatif.

Teras inovasi sistem organisasi juga merangkumi proses akreditasi bagi setiap pusat pengajian yang berada di bawah FSPU. Berikut adalah senarai penganugerahan akreditasi oleh Royal Institut of Chartered Surveyors (RICS) bagi tahun 2014:

1. *Bachelor of Quantity Surveying (Hons)*
2. *Bachelor of Estate Management (Hons)*
3. *Bachelor of Building Surveying (Hons)*
4. *MSc Integrated Construction Project Management*
5. *MSc Facilities Management*

Senarai seterusnya adalah merupakan pengiktirafan daripada badan-badan professional kepada program-program yang terdapat di FSPU:

- RIBA (2009-2015) – *Bachelor of Science (Hons.) Architecture)*
- CIOB (2010-2016) – *Bachelor of Science (Hons.) Construction Management*
- Lembaga Jurukur Bahan Malaysia (2013-2018) – *Bachelor of Quantity Surveying (Hons.)*

Dari pengiktirafan dan anugerah akreditasi ini menunjukkan bahawa program-program di FSPU dikenalpasti dan berinovasi di dalam meningkatkan sistem organisasi (pembelajaran dan pengajaran), proses dan juga operasi untuk mencipta nilai baru bagi pelanggan dan berprestasi.

## 8.2 PEMBANGUNAN PENYELIDIKAN DAN KONSULTASI

Matlamat pembangunan penyelidikan dan konsultasi FSPU adalah untuk memberi nasihat pakar dan penglibatan secara langsung terhadap perundingan dan penyelidikan. Ianya juga bertujuan untuk memberi inovasi dalam ilmu pensarjanaan dan input terkini dalam profession alam bina tidak kira samada untuk staf akademik dan pelajar. Sepanjang tahun 2014, banyak kejayaan yang diperolehi melalui pembangunan penyelidikan dan konsultasi ini. Antaranya adalah penambahan penglibatan pensyarah dan pelajar serta kemenangan di dalam menyertai pertandingan di dalam dan luar negara yang melibatkan alam bina. Sebanyak 48 geran penyelidikan 2014 telah berjaya diterima oleh para pensyarah FSPU. Ianya adalah seperti berikut:

Jadual 8.1: Pembangunan Penyelidikan dan Konsultasi

| GERAN | Tajuk | Penyelidik | Peruntukan |
|---|---|---|---|
| Sciencefund | *Transportation affodability of lower income earner using collaborative geospatial techniques in Southwest Region Peninsular Malaysia* | Dr. Zaharah Mohd Yusoff | RM91,300 |
| ERGS | *Constructing a geaspatial framework for health Malaysian problem and decision making (Mygeohealth Framework)* | En. Abdul Rauf Abdul Rasam | RM50,000 |
| | *Contractual behaviour and performance of refurbishment projects* | Prof. Dr. Ismail Rahmat | RM55,000 |
| | *Testing the history of human adaptive capacity on open community park in hot and humid climates* | PM Dr. Sabarinah Sh. Ahmad | RM 55,000 |
| | *Digital true orthophoto generation using LIDSM and UAV imagery in low altitude large scale mapping* | PM. Dr. Abdul Manan Samad | RM 100,200 |
| FRGS | *Hot and humid urban park user's adaptive environmental ergonomic model* | PM Dr. Sabarinah Sh. Ahmad | RM40,000 |
| | *Enhancement of KAPLAN'S informational processing theory in street planting composition to enrich the quality of life* | Pn. Masbiha Mat Isa | RM50,000 |
| | *Forest microclimate dynamics and patterns with functional relation to global climate condition* | En. Eran Sadek Said Md Sadek | RM68,800 |
| | *Furniture: A design philosophical study of Malay traditional house of Melaka* | En. Mohamad Hanif Abdul Wahab | RM60,600 |
| | *Stakeholder led Public Private Partnership (PPP) higher educational institution projects – System Dynamic Model* | Prof. Dr. Abdul Hadi Nawawi | RM75,800 |
| | *Integrated knowledge based sustainable value planning framework* | PM Dr. Rohana Mahbub | RM75,800 |
| FRGS | *Quality control material purchasing process theory* | Dr. Faridah Ismail | RM60,200 |
| | *Environment services mechanism payment model in cultural landscape conversation* | En. Azman A. Rahman | RM91,000 |
| | *Human interaction theory for sustainable city* | Prof Dr. Dasimah Hj Omar | RM80,200 |
| | *Bourdieuse S Symbolic capital in intra-firm knowledge transfer and innovation generations* | PM Dr. Mohd Hisham Ariffin | RM68,200 |
| | *The phenomenology of decision making in social setting in retrofitting mechanism on historical buildings* | Dr. Zaharah Yahya | RM106,700 |
| | *The competitive peripheral regions and the learning communities* | En. Faizul Abdullah | RM92,000 |
| | *Contribution of urban planning factors on human relation* | En. Oliver Ling Hoon Leh | RM89,700 |
| | *Adaptive socio-econ-enviro responsive affordable housing model* | Dr. Yusfida Ayu Adbullah@ Mohd Zain | RM67,200 |
| | *Implementation of quality management guidelines as an approach to retain the historical buildings value* | Prof. Dr. Abdul Hadi Nawawi | RM40,500 |
| | *Sustainable green building integrated – project model* | PM Dr. Mohammad Fadhil Mohammad | RM40,000 |
| RACE | *Happiness theory in relation to the urban neighbourhood environment in Malaysia* | Dr. Yusfida Ayu Adbullah@ Mohd Zain | RM50,000 |
| RAGS | *Cellulose fiber acoustic behavioral theories* | Pn Farrah Zuhaira Ismail | RM80,000 |
| | *Spacially explicit GIS – based MCDA modelling of forest buffer zones* | Pn. Sri Rahayu Mohd Saad | RM70,000 |
| | *The influence of landuse components on the functions of mosque* | En. Ishak Che Abdullah | RM35,000 |
| | *Echancing property valuers' knowledge tranfer theory* | En. Ahmad Shazrin Mohamed Azmi | RM48,000 |
| | *Childcare centre physical environment design model* | Pn. Nik Farhanah Nik Azhari | RM50,000 |
| | *Industrialized Building System (IBS) initiative mathematical modelling* | Pn. Siti Suhaidah Sahab | RM40,000 |
| | *Syntaxes of CULS-DE-SAC courtyard neighbourhoods* | En. Wan Norhishamuddin Wan Rodi | RM32,000 |
| | *Cost estimating incorparating Building Information Modelling (BIM)* | Pn Hazwani Ramli | RM50,000 |
| | *Urban spaces of uncertainty utilization based on human behavioural theory* | Pn Nurulhusna Qamaruz Zaman | RM50,000 |
| | *New Malaysian Standard Method of Measurement (SMM) Model* | Pn Mysarah Maisham | RM 50,000 |
| | *The adaptive accident prevention theory* | Pn Noor Aisyah Asikin Mahat | RM 50,000 |
| | *Non-opacity construction social-psychological (NOSP) Model* | En. Shazwan Mohamad Shaari | RM 50,000 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | *Sustainability framework for Malaysian railway infrastructure projects* | Pn. Siti Nur Farhana Ab. Latif | RM 50,000 |
| | *New sustainable heritage-led urban regeneration model* | Dr. Shahrul Yani Said | RM 50,000 |
| | *Construction waste management conceptual lopicy model (CWMCPM)* | Pn Zarina Alias | RM 50,000 |
| | *Malaysian high rise residential buildings intensive green roofs maintenance framework* | Pn. Wan Zuriea Wan Ismail | RM 50,000 |
| | *Malaysia's commercial property green depreciation theoritical framework* | En. Ahmad Shahrin Said | RM 50,000 |
| | *The payment disputes preventive model* | Pn Siti Suhana Judi | RM 50,000 |
| | *Infrastructural landscape marginsalised urban space reconnector* | En. Mohamed Ikhwan Nasir Mohamed Anuar | RM 50,000 |
| | *Green building index assessment tools for interior design projects* | En. Rostam Yaman | RM 50,000 |
| | *Prayer room (Musolla) design based on user behavioral in shopping complexes* | En. Abu Bakar Abd Hamid | RM 50,000 |
| | *Construction industry dispute resolution strategic modelling* | Pn Sarah Mazhar Iqbal Khan | RM 50,000 |
| | *Residential building maintenance manual framework* | En. Ahmad Shahrim Abdullah | RM 50,000 |
| | *Refurbised historical building functional evaluation model* | Pn Hanizan Aksah | RM 50,000 |
| | *Green heritage building model* | Pn. Elma Dewiyana Ismail | RM 50,000 |
| | *Urban cultural heritage values model* | Pn. Aidatul Fadzlin Bakri | RM 50,000 |

Kejayaan FSPU dengan memperolehi geran penyelidikan yang merangkumi kepelbagaian bidang dan kepakaran alam bina dapat menyumbang kepada peningkatan dan pencapaian serta pengetahuan untuk menghasilkan sesuatu yang baru, unit dan menambah baik perkhidmatan.

Staf dan pelajar FSPU juga aktif menyertai pertandingan dan pameran inovasi yang dianjurkan oleh pelbagai pihak dalam dan luar negara. Salah satu kejayaan yang diperolehi oleh warga FSPU adalah penglibatan para pensyarah dan pelajar di dalam pertandingan Invention, Innovation & Design Competitions 2014 di peringkat FSPU dan juga UiTM (iideX2014).




Gambar 8.1: Pemenang-pemenag iideX 2014 dari Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur Shah Alam

Hasilan projek-projek yang diperolehi dari geran-geran penyelidikan ERGS, FRGS, RAGS, RACE dan Science fund telah dibentangkan oleh para pensyarah di iideX2014 ini dan pelbagai jenis pingat telah diperolehi. Dari tahun ke tahun terdapatnya peningkatan penyertaan staf dan pelajar FSPU di dalam pertandingan inovasi.




Gambar 8.2: Sekitar Pertandingan Invention, Innovation & Design Competitions 2014 di Peringkat FSPU dan UiTM (iideX2014)

### 8.3 Pembangunan Keupayaan

Matlamat inovasi pembangunan keupayaan adalah bertujuan untuk meningkatkan pembangunan pengetahuan dan cara kerja professional mengikut Pusat Pengajian masing-masing. Antara kaedah inovasi adalah dengan pendekatan latihan amali dan professional serta penyertaan pertandingan di peringkat nasional dan antarabangsa. Petunjuk keberkesanan dan kecekapan inovasi bagi pembangunan keupayaan dapat dilihat apabila terdapatnya pengiktirafan institusi dalam dan luar negara kepada setiap pusat pengajian yang terdapat di dalam FSPU. Berikut adalah institusi yang memberi pengiktirafan kepada FSPU iaitu RICS, RIBA, CIOB, RISM, PAM, IFPRA, APREA dan IFI. Terkini seramai 194 orang pensyarah telah mendaftar dan mempunyai kelayakan professional institusi-institusi tersebut.

Bagi pembangunan keupayaan, setiap pusat pengajian FSPU telah melantik pemeriksa luar bagi memantapkan organisasi masing-masing. Melalui laporan dan cadangan penambahbaikan oleh professor dan pemeriksa luar dapat menjadi pengukur utama kejayaan sesebuah pusat pengajian. Bagi tahun 2014, Pusat

Pengajian Ukur bahan telah melantik Professor Abdul Rashid B Abd Aziz sebagai pemeriksa luar yang baru bertujuan untuk memantapkan lagi pusat pengajian serta mendapatkan kepakaran serta khidmat nasihat bagi pembangunan para pensyarah dan pelajar Ukur Bahan.

### 8.4 Nilai Tambah

Nilai tambah adalah merupakan salah satu dari teras utama inovasi di FSPU. Pendekatan nilai tambah adalah melalui pemikiran kreatif dan kritikal kerjasama dalam penilaian sumber dan pembelajaran. Faedah yang yang diperolehi dari teras ini adalah pendedahan inovasi yang dapat melahirkan staf dan pelajar yang kreatif dan pemikiran yang kritikal. Ianya juga dapat memberikan jaringan dan perhubungan rangkaian ilmu dan professionalism dengan agensi luar dan masyarakat.

Sepanjang tahun 2014 pihak FSPU melalui Unit Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (ICAN) telah menggalakkan penglibatan pensyarah, staf bukan akademik dan pelajar di dalam program keusahawanan. Pihak FSPU telah menetapkan setiap hari rabu menjadi hari keusahawanan fakulti. Dalam masa yang sama juga pelbagai jenis pertandingan keusahawan diadakan di peringkat fakulti dan telah menjemput penglibatan dari alumni FSPU yang telah berjaya di dalam bidang perniagaan masing-masing untuk memberi inspirasi dan pengetahuan kepada warga FSPU. Oleh itu, usaha ini telah membuahkan hasil di mana FSPU telah berjaya memenangi anugerah *Entrepreneurial Faculty & Student Engagement (Faculty Category*) di UiTM *Entrepreneurial* Award 2014. Ianya merupakan pendekatan inovasi yang menjadi satu platform fokus kepada amanat VC menggalakkan warga UiTM berkecimpung di dalam keusahawan dan menerapkan nilai-nilai tersebut dalam subjek yang tertentu. Ianya juga akan menggalakkan dan mempelbagaikan bidang apabila pelajar tamat dan memasuki alam pekerjaan.




Gambar 8.3: Memenangi Anugerah *Entrepreneurial Faculty & Student Engagement (Faculty Category*) di UiTM *Entrepreneurial Award*, 2014

Seminar Alam Bina juga telah berjaya dianjurkan oleh FSPU dengan kerjasama Unit Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (ICAN) pada tahun 2014 dengan mengumpulkan alumni-alumni FSPU yang berjaya untuk berkongsi pengalaman mereka dalam bidang masing-masing kepada pensyarah, para alumni dan juga pelajar. Seminar ini telah diadakan di Dewan Agong Tuanku Canselor (DATC) Shah Alam. Ianya juga digelar sebagai FSPU Alumni Home Coming 2014. Program perhimpunan alumni FSPU dianjurkan julung kalinya ke arah permulaan memperkukuhkan jaringan di antara FSPU, UiTM dan para alumni. Banyak pengetahuan yang dapat diperolehi sepanjang seminar ini berlangsung kerana ianya melibatkan pakar-pakar dalam bidang alam bina dan juga alumni FSPU seperti:

- YB Senator Tan Sri Dato Sr Hj Abdul Rahim Bin Haji Abdul Rahman – Pengerusi Eksekutif Rahim & Co Chatered Surveyor Sdn Bhd,
- YB Dato Dr Sr Kamarul Rashdan Hj Salleh – Presiden, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB),
- Puan Serina Hijjas – Arkitek/Pengerusi Hijjas Kasturi Associates dan
- Ustaz Haji Muhamad Nasib Bin Zawawi – Mukmim Professional, Fitrah Perkasa Sdn Bhd.

Kesemua penceramah ini telah memberikan pengetahuan dan perkongsian ilmu yang terkini berkenaan dengan alam bina. Dengan perkongsian ilmu ini dapat memantapkan perlaksanaan inovasi dalam warga dan alumni FSPU.




Gambar 8.4: Sekitar UiTM *Entrepreneurial Award*, 2014

Satu program telah diadakan kepada pelajar-pelajar FSPU yang digelar Program Pemantapan Organisasi (PPO) pada April 2014 di *Melaka Fruits Farm*. Ianya adalah merupakan satu program yang melibatkan persatuan-persatuan pelajar mengikut program masing-masing. Program ini bertujuan untuk memberikan sentuhan inovasi iaitu membuat suatu perubahan untuk meningkatkan perkhidmatan persatuan dalaman tersebut. Reset jiwa kepimipinan gaya Al-Fateh bersama semua Presiden dan Timbalan Presiden Persatuan Dalaman Pelajar FSPU (SMF, Builders, Trips, Pams, Solar, Geomass, Emas, Perubahan, Archisa, Ideas & Bisa).




Gambar 8.5: Program Pemantapan Organisasi (PPO)

Pihak fakulti juga telah mengadakan satu program motivasi yang digelar Mukmin professional bagi staf akademik dan bukan akademik bagi memupuk inovasi iaitu untuk melakukan suatu perubahan bagi meningkatkan minda warga FSPU dan fakulti. Program ini telah berjaya diadakan di UiTM Pulau Pinang pada Mei 2017. Seramai 138 staf FSPU yang terlibat di dalam program tersebut. Penceramah dan fasilitator adalah didatangkan khas dari Fitrah Perkasa Sdn Bhd iaitu:

1) Ustaz Haji Muhammad Nasib bin Zawawi
2) Ustaz Haji Hashim Ahmad
3) Ustaz Pahrol Mohamad Juoi
4) Ustaz Abdul Hadi Jusoh
5) Encik Afizul Naim Mohamed Adib
6) Encik Ahmad Zalani Zakaria
7) Encik Ahmad Shazili Mohamed Sidek

## 8.5 Tren Inovasi

Transformasi FSPU dalam inovasi adalah terdiri daripada elemen-elemen berikut;

- Pengukuhan pusat kecemerlangan - Perkembangan kecemerlangan pusat yang berterusan dan berdaya mampan dalam budaya penyelidikan, konsultasi, jaringan profesional dan industri. Ini dapat dilihat dalam pertambahan nilai MYRA.
- Pembangunan berterusan yang merentasi sempadan universiti dengan menyertai kumpulan dan organisasi luar - Penyertaan pensyarah dan pelajar dalam seminar peringkat antarabangsa dan jaringan memorandum persefahaman serta penyertaan latihan industri dan amali di dalam dan luar negara menterjemahkan hasil ini.
- Kepelbagaian sumber pembiayaan.
- Penubuhan pusat kecemerlangan - mampu menjadi titik permulaan , pemasaran dan pengkomersialan fakulti dan juga merupakan satu titik perubahan ke arah kepelbagaian sumber pembiayaan. Sumbangan daripada projek konsultasi sebanyak 30% kepada universiti mampu memberi pulangan nilai tambah sebagai Universiti Penyelidikan.
- Membangun fakulti dan jabatan-jabatan yang inovatif dan dinamik - Fakulti amat memberi galakkan dalam menerajui transformasi akademik di mana pelbagai galakan telah diberikan kepada jabatan-jabatan di antaranya, Menggalakkan pelajar dan pensyarah menyertai pertandingan berbentuk kreatif dan innovatif yang dianjurkan oleh organisasi dalam dan luar negara. Contohnya: Penyertaan IID dan sebagainya.
- Membina budaya inovatif bekerja yang menerima pakai dan menggalakkan perubahan – Fakulti memberikan peruntukan tertentu untuk memberi ruang bagi pelajar (TAPA) menjayakan projek iniovatif mereka. Projek komuniti pelajar bersama masyarakat seperti projek lapangan .mampu mewujudkan sensitiviti dan kepedulian pelajar terhadap isu masyarakat.
- Pengantarabangsaan dan usahasama konferensi dengan pelbagai universiti antarabangsa di seluruh dunia secara berterusan, sebagai contoh, kejayaan siri konferensi AceBS di Asia dan Turkey hasil Pusat Kecemerlangan Prof. Dr. Mohd Yusof Abbas. Ini terserlah melalui jemputan dari Elsevier untuk penerbitan.
- Pengoperasian - Pengamalan Alam Sekitar Mampan - Program kitar semula,
- ”Paperless Communication”, Komunikasi dengan staff dan elektronik
- Amalan penjimatan tenaga elektrik dan penggunaan semua kertas.
- Pembudayaan Mesra Pelanggan - Kaunter depan yang interaktif dengan pelanggan terutamanya terhadap pelajar dalam penyelesaian harian masalah teknikal pembelajaran. Penyelesaian yang tangkas, tepat serta efisien.

Secara kesimpulannya, budaya inovasi di FSPU telah berjaya dipupuk dan diterapkan di kalangan staf dan pelajar FSPU hasil dari pelbagai inisiatif yang dibuat oleh pihak fakulti. Pelbagai kejayaan dan penigkatan perubahan yang kreatif dan inovatif diperolehi oleh warga FSPU demi memastikan pembangunan pengetahuan dan cara kerja professioanl mengikut bidang masing-masing. Semoga hasil usaha murni ini dapat diteruskan dan secara tidak langsung dapat mempertingkatkan prestasi FSPU Shah Alam.

ANGERAH KUALITI NAIB CANSELOR 2015

# LAMPIRAN

## LAMPIRAN 3.1






**Lampiran 3.1**

| BIL. | NAMA AKTIVITI/PROGRAM | TARAF (KEBANGSAAN/ ANTARABANGSA) | TARIKH | TEMPAT | PENGANJUR/PENGANJUR BERSAMA |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Program Pematapan Pusat Pengajian Pengurusan Hartanah | Kebangsaan | 19 Sept. 2014 | Dewan Kuliah | Persatuan Pelajar Pengurusan Hartanah (EMAS) |
| 2. | Lawatan Akademik ke Pahang pelajar AP 221 5B | Kebangsaan | 25/9 – 2/10/ 2014 | Pahang | Pusat Pengajian Perancangan Bandar & Wilayah |
| 3. | Lawatan Akademik ke Hulu Langat, Selangor pelajar AP 221 3A | Kebangsaan | 18 – 20 Sept. 2014 | Hulu Langat, Selangor | Pusat Pengajian Perancangan Bandar & Wilayah |
| 4. | Program Suai Kenal Dan Ramah Mesra | Kebangsaan | 14 Okt. 2014 | Amphiteather, FSPU | Persatuan Perancang Bandar (TRIPS) |
| 5. | Malam Ukhuwah Perancangan pelajar AP221 | Kebangsaan | 11 Dis. 2014 | Dewan Sri Budiman | Persatuan Perancang Bandar (TRIPS) |
| 6. | *ArchiCARE : Charity SALE* oleh pelajar AP243 (1/2) | Kebangsaan | 16 Okt. 2014 | Galeri, FSPU | Persatuan Archis@ |
| 7. | "PAM Annual Architechture Student Works Exhibition 2014 | Kebangsaan | 14 - 19 Okt. 2014 | One Utama | Pertubuhan Arkitek Malaysia |
| 8. | Syarahan Ken Shuttleworth- Rediscovering Shade : Changing Perspective pelajar Sarjana dan Sarjana Muda Senibina | Kebangsaan | 29 Sept. 2014 | Ballroom A, Double Tree by Hilton, Kuala Lumpur | Architecure Student Association (Archisa) |
| 9. | Notion Architectural Review 2015 | Kebangsaan | 19 - 25 Jan. 2015 | FSPU | Architecure Student Association (Archisa) |
| 10. | Archisport NADI ARENA 2014 | Kebangsaan | 29 Sept – 23 Okt 2014 | Fakulti Senibina, Parancangan dan Ukur | Persatuan Archis@ |
| 11. | Architectural Festival: Ikhtiar Oct. 2014 | Kebangsaan | 16 - 18 Okt. 2014 | Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur | Persatuan Pelajar Senibina (Archis@)` |
| 12. | 24th Architectural Workshop: Tiangseri Architectural Workshop | Kebangsaan | 29 Okt - 2 Nov 2014 | UiTM Perak Kampus Sri Iskandar | Persatuan Archis@ |
| 13. | Seminar Kesejahteraan Mahasiswa (SKEMA) ke-14 | Kebangsaan | 10 Okt. 2014 | Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur | Persatuan Ukurbahan (Perubahan) |
| 14. | Team Building Perubahan | Kebangsaan | 13 - 14 Dis. 2014 | Dusun Tua, Hulu Langat | Persatuan Ukur Bahan (Perubahan) |

| BIL. | NAMA AKTIVITI/PROGRAM | TARAF (KEBANGSAAN/ ANTARABANGSA) | TARIKH | TEMPAT | PENGANJUR/PENGANJUR BERSAMA |
|---|---|---|---|---|---|
| 15. | Program Khidmat Masyarakat Menaiktaraf Kampung Orang Asli | Kebangsaan | 16 Nov 2014 | Kampung Pareh, Pahang dan di Pusat Konservasi Gajah Kuala Gandah, Lancang | Persatuan EMAS |
| 16. | Estate Management's Sport Day | Kebangsaan | 1 Nov. 2014 | Pusat Sukan UiTM | Persatuan Emas |
| 17. | Pameran "EMPEX 2014" | Kebangsaan | 10 Dis. 2014 | Galeri FSPU UiTM | Estate Management Society (EMAS) |
| 18. | Makan Malam Penghurusan Hartanah | Kebangsaan | 14 Dis. 2014 | Dewan Sri Budiman, UiTM Shah Alam | Jawatankuasa Estate Management Association (EMAS) |
| 19. | Kursus CIDB Green Card | Kebangsaan | 8 Nov. 2014 | Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur | Persatuan Pusat Pengajian Pembinaan (BUILDERS) |
| 20. | Konvensyen 'NOVUS' | Kebangsaan | 21 & 22 Nov. 2014 | Dewan Sri Budiman | Pusat Pengajian Pembinaan dan CIOB |
| 21. | Interior Design Students Saturday | Kebangsaan | 8 Nov. 2014 | VIVA HOME Expo Hall, Cheras | Persatuan Senibina Dalaman dan Pertubuhan Pereka Bentuk Dalaman Malaysia (PPDM) |
| 22. | Minggu Senibina Dalaman Exuberance | Kebangsaan | 29 Nov. 2014 | Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur | Persatuan Senibina Dalaman (IDEAS) |
| 23. | Bengkel Induksi Ahli Baru IDEAS | Kebangsaan | 10 - 12 Okt. 2014 | Nur Lembah Pangsun, Hulu Langat, Selangor | Persatuan Senibina Dalaman (IDEAS) |
| 24. | Majlis Makan Malam Solar | Kebangsaan | 14 Nov. 2014 | De Palma Inn | Persatuan Pelajar SOLAR |
| 25. | Program BISA Extreme | Kebangsaan | 26 – 28 Sept. 2014 | D' Ark Resort, Janda Baik, Pahang | Persatuan Pelajar Ukur Bangunan (BISA) |
| 26. | Jamboree BS, 25 pelajar AP229 | Kebangsaan | 17 & 18 Okt. 2014 | Universiti Malaya | Persatuan Ukur Bangunan (BISA) |

| BIL. | NAMA AKTIVITI/PROGRAM | TARAF (KEBANGSAAN/ ANTARABANGSA) | TARIKH | TEMPAT | PENGANJUR/PENGANJUR BERSAMA |
|---|---|---|---|---|---|
| 27. | Program Ahlan Wasahlan | Kebangsaan | 12 Sept. 2014 | Dewan Kuliah Besar, SUG | Persatuan Ukur Bangunan (BISA) |
| 28. | Program CIDB Talk | Kebangsaan | 12 Nov. 2014 | OM 425 dan 406 | Persatuan Pelajar BISA |
| 29. | Lawatan Kasih Sayang | Kebangsaan | 21 Nov. 2014 | Rumah Amal Al-Firdaus, Denai Alam | Persatuan Ukur Bangunan (BISA) |
| 30. | Khidmat Sosial *Plant A Tree, Plant A Hope* | Kebangsaan | 29 Nov. 2014 | Mini RTC Bukit Kapar, Klang | Persatuan Pengurusan Taman dan Ameniti |
| 31. | Minggu  Mesra Taman | Kebangsaan | 26 – 28 Sept. 2014 | Berhulu Camp, Jempol Negeri Sembilan | Persatuan Pelajar Pengurusan Taman dan Ameniti |
| 32. | Seminar *The Future Destination of Park and Amenity Management* | Kebangsaan | 18 Dis. 2014 | Dewan Sri Budiman | Persatuan Pelajar Pengurusan Taman dan Ameniti (PARKS) |
| 33. | Minggu Mesra Alumni 2014 | Kebangsaan | 14 - 16 Nov. 2014 | Taman Negara Pahang | Persatuan Pengurusan Taman dan Ameniti |
| 34. | Malam Penghargaan PAMS | Kebangsaan | 5 Dis. 2014 | Amphitheatre, FSPU | Pengurusan Taman dan Ameniti (PAMS) |
| 35. | Lawatan Pemeriksa Luar Program  Sarjana Sains Pengurusan Fasiliti (AP779) | | 4 April 2014 | Bilik Mesyuarat Siswazah | Pusat Pengajian Siswazah, FSPU |
| 36. | Lawatan Sambil Belajar ke Institute for Transportation and Development Policy (ITDP) Guangzhou, China dan South China University of Technology (SCUT) | Antarabangsa | 9 – 13 April 2014 | China | Pusat Pengajian Siswazah, FSPU |